

OPERASI TAWAN TERENGGANU

ZULKIFLI SULONG

M

888307

384-78555

2000

20 OCT 1997
Perbadanan Negar
Malaysia

OPERASI TAWAN TERENGGANU

ZULKIFLI SULONG

PENERBITAN PEMUDA
2B Jalan 13C Selayang Baru
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6162367

**OPERASI
TAWAN
TERENGGANU**

Cetakan Pertama - Jun 1994

© Penerbitan Pemuda

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, fotografi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbitan Pemuda.

Rekabantuk oleh MAM
21-1 Jalan 24/54
Hulu Kelang
54200 Kuala Lumpur
Tel: 03-4527895

PENERBITAN PEMUDA
2B Jalan 13C Selayang Baru
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6162367

Dicetak oleh
CETAK KHIDMAT & NIAGA
101, Jalan Segambut Selatan,
Kuala Lumpur

KANDUNGAN

Prakata Dari Penulis	7
Bicara Penerbit	9
Sejarah Pas Terengganu Mencabar Dan Tercabar	15
PAS Dan Pilihan Raya Mampukah 1994 Mencipta Sejarah Gemilang?	31
Wan Mokhtar Di Ambang Kejatuhan	47
Perembungan Umno Dan PAS Apa Akhirnya Nanti?	67
Semangat 46 Terengganu Peluang Masih Terbuka	97
Persempadanan Semula Kawasan Pilihan Raya Untungkan PAS?	109
Majlis Daerah Kemaman Lawan Perwaja	119
Tuan Guru Nik Abdul Aziz Gugat Wan Mokhtar	127
30 Sebab Rakyat Terengganu Menolak BN	157
Sejauh Mana Pas Kuasai Pengundi Atas Pagar?	177

OPERASI TAWAN TERENGGANU

BICARA PENERBIT

Usaha menumbangkan Umno bukan mudah. Hakikat ini terpaksa diakui. Umno yang ditentang itu bukannya hanya sebuah parti politik. Umno adalah sebuah institusi yang dibina dengan memperalatkan agensi kerajaan, sektor swasta, tokoh-tokoh korporat, media massa dan limpahan wang. Menentang Umno bererti terpaksa mengerahkan segala kekuatan yang ada pada pembangkang, menghim-punkannya dalam satu kesatuan yang kukuh dan mantap, serta berkeupayaan menarik simpati golongan atas pagar.

Kekuatan Umno tidak disokong oleh jentera organisasinya sahaja. Kalau Umno hanya bersandar kepada kemampuan jentera dan gerakerja parti, rasanya tidak begitu sukar menumpaskannya dalam pilihan raya akan datang. Jentera

parti Umno tidak sehebat mana. Ia sering malah sentiasa dilanda masalah dalaman dan perpecahan yang berpanjang. Klik dan team dalam Umno sentiasa dibiakkan. Percakaran yang berlaku menjadikan Umno cukup rapuh dari segi ketahanan. Namun, seperti yang ditegaskan, Umno tidak bergantung kepada jentera partinya untuk mempertahankan kuasa pemerintahan.

Perkara ini perlu dijelaskan sebelum kita meninjau lebih jauh kemampuan parti-parti pembangkang dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang. Kekalahan teruk dan begitu memalukan Umno di Kelantan pada tahun 1990 tidak bermakna laluan untuk menawan Terengganu semudah apa yang disebutkan. Teori domino yang pernah dipopularkan sewaktu komunis bermaharajela di Vietnam mungkin istilah yang menarik buat penyokong-penyokong pembangkang. Namun ia tidak berlaku dengan begitu sahaja tanpa persiapan dan persediaan yang cukup kukuh. Kesatuan parti mesti mantap, dana kewangan harus mencukupi, jentera penerangan sewajarnya lebih canggih beroperasi.

Justeru itu ramalan bahawa Terengganu akan menurut jejak langkah Kelantan mesti ditangani sebagai satu cabaran oleh petugas-petugas PAS, bukan sahaja di Terengganu, malah di seluruh negara. Mereka harus membuktikan bahawa ramalan itu tidak mustahil akan berlaku meskipun Umno Terengganu juga dikatakan melancarkan operasi untuk menyapu bersih kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri yang berada di bawah PAS dan Semangat 46. Kedua-dua operasi, sama ada bagi Angkatan Perpaduan Ummah untuk menawan Terengganu atau bagi Umno yang beria-ia menyapu bersih kerusi DUN Terengganu, memerlukan usaha yang mesti disokong dengan segala kekuatan yang ada. Pertarungan sengit ini sukar untuk dijangkakan kepu-

tusannya, namun kecenderungan yang ada lebih memihak kepada PAS.

Budaya politik masyarakat Melayu Terengganu yang agak dekat dengan Kelantan dirasakan dapat membantu harapan pembangkang menguasai negeri yang pernah digelar Serambi Madinah itu. Mereka tidak perlu merasa was-was dan gentar untuk kembali memilih PAS seperti yang pernah ditunjukkan pada tahun 1959. Masyarakat Melayu di Terengganu harus berani membuktikan mereka sebenarnya tidak terikat dengan Umno dalam menentukan masa depan mereka sendiri. Keputusan pilihan raya umum 1959 yang memihak kepada PAS mendedahkan bahawa rakyat Terengganu mempunyai asas kefahaman politik yang cukup menarik. Mereka boleh menolak Umno sekiranya mereka merasakan perlu berbuat begitu. Yang penting, Umno tidak mempunyai hak untuk terus mengikat dan mengongkong kebebasan mereka untuk membuat pilihan.

Soalnya, apakah yang membimbangkan rakyat Terengganu untuk membuat penukarannya parti pemerintah? Jika dibuat perbandingan barisan kepemimpinan PAS dengan saingannya Umno, ia jelas memihak kepada PAS. PAS melahirkan tokoh-tokoh pemimpin terkemuka di peringkat nasional. Yang paling menonjol ialah Tuan Guru Abdul Hadi Awang, Timbalan Presiden PAS Pusat. Gandingannya jelas mantap dengan Ustaz Harun Taib, Pesuruhjaya PAS Terengganu, yang juga Ahli Jawatan-kuasa PAS Pusat paling kanan dan Ahli Majlis Syura Ulamak PAS. Mereka berdua dibantu oleh Haji Mustafa Ali, Bendahari PAS Pusat, juga bekas Ketua Pemuda PAS sekarang dan Haji Abu Bakar Chik, Ketua Pemuda PAS sekarang dan Haji Wan Mutalib Embong, Pengurus Lujnah Undang-Undang PAS Pusat.

Sementara di pihak Umno, kemerosotan kepemimpinan Menteri Besar, Wan Mokhtar Ahmad jelas ketara. Banyak pihak, sama ada dalam Umno sendiri mahupun di kalangan pembangkang, mempertikai secara terbuka kemampuan Wan Mokhtar untuk memimpin kerajaan negeri dan memajukan Terengganu yang kini tertinggal jauh dalam arus perdana pembangunan negara. Dengan peruntukan royalti petroleum yang begitu banyak, tiada program pembangunan berkesan untuk mengatasi bebanan akibat himpitan dan asakan kemiskinan di kalangan rakyat Terengganu. Hendak dikatakan peruntukan tidak mencukupi, kerajaan Terengganu kini dipimpin oleh Umno, yang tentunya tidak menghadapi sekatan seperti apa yang dialami oleh Kelantan. Ramai rakyat Terengganu yang dukacita dan malu dengan ungkapan "Negeri Terengganu kaya tetapi rakyatnya bertambah miskin". Ia bermakna, tanpa daya kepemimpinan yang berwawasan dan disemangati akhlak luhur berteraskan Islam, sumber kekayaan negeri Terengganu tidak mencukupi untuk memastikan kebijakan rakyatnya terjamin.

Kegagalan Kerajaan Terengganu pimpinan Umno tidak sepatutnya dipikul oleh Wan Mokhtar secara individu. Wan Mokhtar hanya seorang Menteri Besar yang juga tertakluk kepada dasar dan perancangan yang diputuskan bersama oleh parti Umno secara keseluruhannya. Kegagalan Wan Mokhtar bermakna kegagalan Umno untuk membela nasib rakyat. Jika Wan Mokhtar diganti dengan tokoh lain tidak bermakna kepentingan rakyat Terengganu tidak dijejaskan lagi. Soalnya, kalau pemimpin Umno sendiri mengakui Wan Mokhtar sudah gagal mentadbir Terengganu, mengapa mereka berdiam diri tidak menegur dan memberikan saranan baru? Namun begitu Wan Mokhtar dikatakan berusaha mendapat restu dari Kuala Lumpur supaya khidmatnya dipanjangkan lagi

untuk satu penggal. Tapi, seperti kata penyokong-penyo-kong PAS, "kalau Wan Mokhtar terus bertanding pun peluangnya menjadi Menteri Besar akan disekat oleh kemaraan Tuan Guru Abdul Hadi Awang."

Berbalik kepada faktor kepemimpinan, Umno Terengganu dilihat ketandusan angkatan muda bagi menerajui parti itu di peringkat pusat. Meskipun arus dan seterusnya taufan perubahan yang dicipta oleh Anwar Ibrahim berjaya menundukkan kumpulan Ghafar Baba - Abdullah Badawi - Sanusi Junid tetapi ia tidak merangkaikan bersama pemimpin Umno dari Terengganu. Hanya Dr Yusof Noor terus diberikan kesempatan menduduki kerusi Majlis Tertinggi Umno. Sementara tempat yang dikosongkan oleh Wan Mokhtar bagi kerusi Naib Presiden tidak dapat diisi oleh pemimpin Umno Terengganu, jelas perwakilan Umno di seluruh negara menolak beberapa orang tokoh Terengganu yang mencuba nasib dan mempertahankan kedudukan dalam MT Umno.

Walaupun pemerhati politik meramalkan perwakilan Umno cuba memberi salah satu kerusi Naib Presiden kepada tokoh Terengganu, bagi mengimbangi kekuatan PAS di Pantai Timur, namun keputusan yang dibuat seolah-olah ahli-ahli Umno tidak menghiraukan lagi nasib Umno Pantai Timur. Kalau ada pun hanyalah usaha peribadi Dr Mahathir menebus malunya di Kelantan dengan melantik beberapa orang pemimpin yang ditolak rakyat Kelantan sebagai ahli Majlis Tertinggi. Yang jelas Team Wawasan yang diketuai Anwar tidak mengandingkan bersama tokoh dari Pantai Timur. Dr Yusof Noor lebih dikenali sebagai tokoh yang rapat dengan Ghafar Baba sehingga bagian Ghafar Baba di Jasin turut mencalonkan Dr Yusof Noor sebagai calon Naib Presiden. Dr Yusof Noor kemudiannya beralih kem dan cuba rapat pula dengan Anwar.

Operasi Tawan Terengganu bukan bermakna meletakkan Terengganu terus mundur bahkan cuba mengangkat martabatnya sebagai sebuah negeri yang dirahmati Allah dan aman damai kehidupan rakyatnya. Berbekalkan mutu kepemimpinan PAS bersama Semangat 46 yang disanjungi rakyat, segala khazanah kekayaan negeri itu harus dimanfaatkan sepenuhnya. Perancangan yang teliti dan berwawasan, menghindarkan pembaziran dan projek mewah, mengelak penumpukan kekayaan kepada segelintir golongan, menghakis segala sifat pilih kasih, yang pasti diterimapakai oleh Angkatan, akan membawa Terengganu ke ambang perubahan lahir dan batin. Pembangunan yang dimaksudkan oleh PAS ialah konsep pembangunan insan seutuhnya, bukan hanya mementingkan peningkatan kualiti hidup fizikal bagi kelompok yang rapat dengan penguasa.

Yang diperlukan sekarang ialah usaha gigih dan berterusan, serta bijaksana menghadapi tohmannan dan fitnah Umno. PAS perlu berhati-hati dengan segala taktik yang selalunya muncul di saat-saat akhir hari pengundian. Berbekalkan wang yang melimpah, jentera pilihan raya yang disokong agensi kerajaan, rangkaian media yang berpengaruh dan pantas, ugutan yang menakutkan dan tawaran yang menggoda, akan menyebabkan PAS dan Semangat 46 berada dalam keadaan tertekan. Tetapi pendekong pembangkang tidak wajar patah semangat dan menyerah kalah kepada asakan yang tidak demokratik ini. Sebaliknya ia ibarat penyemarak semangat dan penjolok daya juang bagi memastikan Terengganu diselamatkan.

AHMAD LUTFI OTHMAN
29 Mei 1994
Selayang Baru, Selangor.

PRAKATA DARI PENULIS

Terengganu adalah sebuah negeri di Malaysia yang sungguh unik. Tambah-tambah lagi kedudukan politiknya. Apa yang berlaku dalam politik Terengganu akan mendapat perhatian yang serius dari pihak luar. Ini kerana, Terengganu merupakan sasaran utama PAS selepas berjaya di Kelantan.

Hasil dari kedudukan itu, adalah dikira amat wajar kalau semua pergolakan yang berlaku ini didokumentkan dalam bentuk buku. Ia bukan untuk mendapatkan kepentingan politik darinya tetapi untuk dijadikan sebagai satu sumbangan kepada umat manusia terutama para pencinta politik Islam.

Dalam menghasilkan buku ini, saya telah banyak

dibantu oleh rakan-rakan yang bertugas di pejabat Harakah Kuala Terengganu dan juga di Pejabat Perhubungan PAS Terengganu. Banyak maklumat yang terdapat dalam buku ini saya kutip dari mereka.

Di sini suka juga saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini. Semoga jasa anda semua dikira oleh Allah sebagai satu amalan yang tergolong di dalam amal yang saleh.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada segala tunjuk ajar yang diberikan oleh guru saya dalam penulisan Haji Subky Latif dan guru saya dalam memahami sepak terajang politik Haji Mustafa Ali.

Semoga buku kecil ini memberikan manfaat kepada perjuangan untuk mendaulatkan Islam di atas muka bumi ini.

ZULKIFLI SULONG

Gelugur Kedai,

9 Mei 1994.

1

SEJARAH PAS TERENGGANU MENCABAR DAN TERCABAR

Menurut catatan yang dibuat oleh Ustaz Omar Shukri Embong iaitu Pesuruhjaya PAS Terengganu yang ketiga (1963-1966), pergerakan PAS di Terengganu bermula pada tahun 1956.

Secara rasminya, PAS Cawangan Dungun adalah cawangan PAS yang pertama sekali ditubuhkan di Terengganu. Peristiwa bersejarah ini berlaku kira-kira jam 5 petang pada 6 Julai 1956 di Madrasah Al-Zainiyyah, di Sura Gate, Dungun di mana 23 orang pencinta politik Islam telah berkumpul di situ bagi membincangkannya. Dalam majlis itu, wakil PAS Pusat, Haji Muhamad Asri Haji Muda telah memberikan penerangan kepada mereka.

Setelah perbincangan dibuat, mereka bersetuju untuk

menubuhkan cawangan Dungun (sekarang kawasan) dengan melantik satu jawatankuasa yang diketuai oleh Tuan Guru Haji Zainal Abidin Aman.

Kemudiannya, pengaruh PAS mula menjalar dan terbentuklah cawangan-cawangan lain di Terengganu. Cawangan Kuala Terengganu telah ditubuhkan pada tahun 1956 (selepas Dungun), Cawangan Kemaman tahun 1957, Cawangan Besut dan Cawangan Kuala Berang pada tahun 1958.

Badan Perhubungan PAS Terengganu pula ditubuhkan pada tahun 1957 di mana Muhamad Asri Haji Muda telah dilantik sebagai pesuruhjayaanya yang pertama oleh PAS Pusat untuk tahun 1956-1957.

Pesuruhjaya-pesuruhjaya PAS Terengganu yang berikutnya adalah Mohd Azzam Hanafiah (1957-1959), Mohd Daud Samad (1961-1963), Omar Shukri Embong (1963-1966), Mohd Daud Samad (1966-1972), Haji Kassim Ahmad (1972-1975), Abdul Wahab Yunos (1975-1982), Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (1982-1989) dan Ustaz Harun Taib (1989-1994).

DEWAN PEMUDA PAS NEGERI TERENGGANU

Dewan Pemuda PAS Negeri Terengganu ditubuhkan pada hari Jumaat, 20 Januari 1961, melalui satu mesyuarat yang disertai oleh para pemuda PAS seluruh Terengganu. Ia dilangsungkan di Pejabat Perhubungan PAS Terengganu, pada ketika itu di Nombor 74, Jalan Masjid Abidin, Kuala Terengganu.

Penubuhannya telah dipelopori oleh Wan Osman Mohamad selaku Ketua Pemuda PAS Kuala Terengganu ketika itu. Turut hadir dalam perbincangan itu adalah Md.

Taib Sabri, Che Da Abdul Jalil Awang dan Abu Bakar Salleh. Turut serta dalam majlis itu adalah Ustaz Amaluddin Darus sebagai wakil Pejabat Agong PAS. Seramai 14 orang pemerhati dari seluruh negeri juga hadir di majlis tersebut.

Ketua Dewan Pemuda PAS Terengganu yang pertama adalah Che Da Abdul Jalil Awang (1961-1963). Selepas itu, ketua-ketuanya adalah Syed Abdullah Alwee Alkaf (1963-1965), Haji Abdul Wahab Yunos (1965-1969), Mohd @ Harun Jusoh (1969-1976), Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (1976-1979), Ustaz Abdul Latif Muhamad (1979-1983), Ustaz Abu Bakar Chik (1983-1985), Ustaz Mahmud Sulaiman (1985-1991), Ustaz Abu Bakar Abdullah (1991-1993) dan Muhamad Abdul Wahid Endut (1993-1995).

DEWAN ULAMAK PAS TERENGGANU

Dewan Ulamak PAS Terengganu ditubuhkan dengan rasminya pada 17 Mei 1962, di Pejabat PAS Kuala Terengganu. Pelancaran penubuhannya dilakukan oleh Pesuruhjaya PAS Terengganu ketika itu, Ustaz Omar Shukri Embong.

Di majlis yang dihadiri oleh 31 orang para ulama dan pencinta Islam itu, Haji Abbas Awang telah dilantik sebagai ketuanya yang pertama.

Turut dilantik adalah Haji Mokhtar Said sebagai Naib Ketua, Haji Shafie Sulong sebagai Setiausaha, Tuan Haji Ngah Awang sebagai Bendahari. Seramai sembilan orang ahli jawatankuasa lain turut dilantik.

Ketua-ketua Dewan Ulamak PAS Terengganu selepas itu adalah Haji Syafie Mohd, Haji Ghazali Haji Ahmad, Ustaz Awang Nasaruddin Abu Bakar dan juga Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang.

DEWAN MUSLIMAT PAS TERENGGANU

Dewan Muslimat PAS yang pertama ditubuhkan di negeri Terengganu adalah Dewan Muslimat PAS Dungun yang diketuai oleh Che Diah Abdul Rahman. Ia telah ditubuhkan pada tahun 1957 diikuti oleh cawangan Kuala Terengganu dan Besut pada tahun 1958.

Penubuhan di peringkat negeri pula dirasmikan oleh Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat ketika itu, Ustazah Zubaidah Ali pada tahun 1973. Hajjah Fatimah Ismail telah dilantik menjadi ketuanya yang pertama sehingga pada tahun 1989.

Ketua Dewan Muslimat PAS Terengganu yang seterusnya adalah Hajjah Aishah Awang (1989-1991) dan Hajjah Zaizun Yusof (1991-1994).

KERAJAAN PAS TERENGGANU

(20 Jun 1959 - 30 Oktober 1961)

Setelah PAS berkembang di Terengganu mulai tahun 1956, buat pertama kalinya parti itu menyertai pilihan raya umum pada tahun 1959. PAS bertanding dengan menggunakan lambang bulan bintang.

Penyertaan yang pertama kali ini benar-benar memerlukan kerajaan Perikatan pada ketika itu apabila PAS berjaya menawan negeri Terengganu. Sambutan rakyat terhadap PAS amat membanggakan. PAS berjaya memperolehi 13 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 24 kerusi yang dipertandingkan. PAS juga berjaya menawan empat kerusi Parlimen daripada enam kerusi yang dipertandingkan.

Dengan kemenangan ini bermakna PAS berjaya mengatasi Perikatan dengan kelebihan empat kerusi. Ini

bererti PAS berhak membentuk kerajaan negeri meskipun tidak berjaya menguasai dua pertiga kerusi yang boleh membuatkan PAS menguasai negeri itu dengan selesa.

Calon PAS yang menang dalam pilihan raya itu adalah:

1. Wan Said Mohd Nor - Kuala Besut
2. Mohd Sanari Yunus - Kampung Raja
3. Husin Jusoh - Ulu Besut
4. Mohamad Ismail - Besut Tengah
5. Mohd Daud Samad - Setiu
6. Ahmad Azzam Hanafiah - Jeram
7. Abdul Kadir Muhamad - Kuala Terengganu Tengah
8. Haji Syafie Long - Binjai
9. Ismail Haji Yusof - Ulu Terengganu Timur
10. Omar Abdul Rahman - Ulu Terengganu Barat
11. Mohd Taib Sabri - Marang
12. Abu Bakar Mohd Salleh - Sura
13. Omar Shukri Embong - Ulu Dungun

Calon Parlimen PAS yang menang dalam pilihan raya 1959 adalah:

1. Dr Burhanuddin Mohd Nor - Besut
2. Haji Hassan Adli Arshat - Kuala Terengganu Utara
3. Harun Pilus - Terengganu Tengah
4. Khadijah Sidek - Dungun

Melalui perbincangan, PAS telah membentuk sebuah kerajaan untuk mentadbir negeri Terengganu. Antara mereka yang diamanahkan mentadbir kerajaan negeri Terengganu adalah:

- | | |
|---------------|-------------------------|
| Menteri Besar | - Mohd Daud Abdul Samad |
| Speaker | - Mohamad Taib Sabri |

Ahli Exco

- Abu Bakar Mat Salleh
- Omar Shukri Embong
- Ismail Yusof
- Omar Abdul Rahman
- Mohd Sanari Yunus
- Mohd Azzam Hanafiah

Belanjawan pertama yang dibentang oleh kerajaan negeri pimpinan Daud Abdul Samad ini adalah untuk tahun 1960 di mana sebanyak RM207 juta diperuntukkan untuk membangunkan negeri Terengganu dari segi meterial dan juga pembangunan insannya.

Antara projek yang sempat dibuat sepanjang tempoh yang amat singkat ini adalah:

1. Jalan raya yang menghubungkan Kampung La ke Kenak di daerah Besut.
2. Jalan raya yang menghubungkan Bukit Besi ke Dungun di daerah Dungun.
3. Jalan raya yang menghubungkan Kampung Ibok ke Pawan di daerah Kemaman.
4. Pejabat Daerah Dungun.
5. Mewartakan cuti am pada hari Nuzul al-Quran bagi negeri Terengganu.

Namun begitu kerajaan yang terbentuk dari penyertaan pertama PAS dalam pilihan raya ini tidak bertahan lama. Ini kerana, parti Perikatan telah berjaya memperdaya beberapa orang wakil rakyat PAS sehingga berlakunya undi tidak percaya terhadap kerajaan negeri melalui sidang DUN Terengganu pada 30 Oktober 1961. Insiden ini juga berlaku hasil dari kelemahan kepimpinan PAS negeri yang tidak mempunyai sebarang pengalaman mentadbir negeri. Sementalaian pula kerajaan pusat sentiasa mencari peluang untuk menggagalkannya. Ini kerana ia merupakan

kali pertama PAS menyertai pilihan raya dan berjaya pula memerintah sebuah negeri dalam ketiadaan persiapan yang cukup.

Adalah amat mendukacitakan apabila dua orang wakil rakyat PAS ketika itu turut menyokong undi tidak percaya yang dikemukakan oleh parti Perikatan. Mereka adalah Haji Wan Said Mohd Noor dan Haji Abdul Kadir Mohamad. Ada juga pihak yang memberitahu, kedua-duanya telah keluar dari PAS sepuluh hari sebelum undi tidak percaya itu dikemukakan dalam DUN Terengganu. Ini berdasarkan laporan-laporan akhbar sebelum usul itu dibuat.

Tiga orang lagi wakil PAS pula telah mengambil sikap berkecuali dalam usul ini. Mereka adalah Husin Jusoh, Mohd Azzam Hanafiah dan Mohamad Ismail.

Dengan berjayanya usul undi tidak percaya tersebut, maka jatuhlah kerajaan PAS yang diterajui oleh Haji Mohd Daud Abdul Samad ini. Ia hanya mampu bertahan selama dua tahun empat bulan dan sepuluh hari sahaja.

Banyak iktibar yang diperolehi oleh PAS melalui peristiwa ini. Antaranya, persiapan untuk memerintah, pemilihan calon untuk pilihan raya dan sebagainya.

PAS DALAM KERAJAAN CAMPURAN (1972-1974)

Pada 11 Mei 1969, PAS telah menyertai pilihan raya umum tahun berkenaan. Hasilnya, PAS telah berjaya memenangi 11 dari 24 kerusi DUN yang dipertandingkan. PAS juga memenangi satu dari enam kerusi Parlimen yang dipertandingkan pada tahun tersebut. Dalam pilihan raya ini juga, pencapaian keseluruhan PAS di lain-lain negeri di seluruh negara juga amat baik.

Pada 13 Mei 1969, rusuhan kaum telah meletus di seluruh negara, bermula di Kuala Lumpur. Peristiwa ini merupakan satu detik hitam yang terakam dalam sejarah negara. Darurat diisyiharkan ke seluruh negara. Dewan Undangan Negeri dan Parlimen digantung.

Pada tahun 1971, keamanan negara berjaya dipulihkan. Bagaimanapun, peristiwa hitam ini banyak mempengaruhi suasana politik Malaysia. Antara punca pemulihannya adalah rundingan antara parti-parti politik seperti Perikatan dan juga PAS pada ketika itu.

Selepas itu juga, satu perundingan telah dibuat antara pemimpin Perikatan, Tun Abdul Razak dan pemimpin PAS, Datuk Asri Haji Muda. Hasilnya, selepas Parlimen dan DUN dipulihkan pada tahun 1972, PAS bersetuju untuk bersama-sama Perikatan membentuk kerajaan campuran di peringkat pusat dan juga negeri.

Masing-masing tertakluk kepada 13 syarat yang telah dipersetujui bersama antara kedua-dua pihak. Antara syarat yang paling penting adalah PAS bebas menyuarakan Islam di setiap peringkat dalam pentadbiran negara dan negeri.

Di peringkat pusat, satu jawatankuasa penyelaras telah dibentuk. Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Ismail. Antara wakil PAS dalam jawatankuasa ini di peringkat pusat adalah Datuk Asri Haji Muda, Abu Bakar Omar, Ustaz Yusof Rawa, Dr Muhamad Dali Muin dan Ustaz Kassim Ahmad.

Melalui konsep kerajaan campuran ini, beberapa para pemimpin PAS telah dilantik dalam kerajaan. Antaranya, Datuk Asri Haji Muda dilantik sebagai Menteri Tanah dan Tugas-tugas Khas, Abu Bakar Umar sebagai timbalan

menteri, Ustaz Abu Bakar Hamzah sebagai setiausaha parlimen dan Ustaz Yusof Rawa sebagai duta.

Di peringkat negeri Terengganu pula, dua orang pemimpin PAS negeri dilantik sebagai ahli Exco Kerajaan Terengganu. Mereka adalah Ustaz Omar Shukri Embong dan Ustaz Kassim Ahmad.

PAS DALAM BARISAN NASIONAL (1974-1977)

Setelah bersama-sama Perikatan dalam kerajaan campuran, hubungan antara PAS dan Perikatan bertambah erat. Rundingan antara kedua-dua pihak juga terus diadakan dari masa ke semasa. Dari situ, pemimpin Perikatan mencadangkan agar PAS terus masuk dalam Perikatan sebagai salah satu parti komponennya.

Hasilnya, pada tahun 1974, PAS telah mengadakan satu muktamar khas di Kuala Lumpur bagi membincangkan penyertaan PAS sebagai anggota komponen Perikatan. Muktamar itu kemudiannya meluluskan usul tersebut.

Dengan itu PAS secara rasmi menyertai Perikatan. Nama gabungan parti-parti itu diubah kepada Barisan Nasional. Simbolnya juga bertukar dari kapal layar kepada dacing.

Pada tahun 1974, PAS buat pertama kalinya menyertai pilihan raya umum tanpa menggunakan simbolnya sendiri iaitu bulan bintang. PAS bertanding atas tiket Barisan Nasional dengan menggunakan lambang dacing. PAS bertanding sebagai salah satu parti pemerintah, bukannya atas imej pembangkang lagi.

Di Terengganu, PAS diperuntukkan sepuluh dari 24 kerusi DUN yang dipertandingkan dan tiga dari enam kerusi Parlimen yang diperuntukkan. Ketiga-tiga kerusi

Parlimen tersebut telah berjaya dimenangi oleh PAS. Mereka yang menang adalah Haji Mustafa Ali (Kuala Terengganu), Haji Wahab Yunus (Dungun) dan Luqman Abdul Kadir (Ulu Nerus).

Dari sepuluh kerusi DUN yang ditandingi, PAS berjaya memenangi sembilan darinya dan kalah satu. Calon PAS yang kalah adalah Haji Muhamad Ghazali Haji Ahmad. Beliau kalah di tangan Datuk Abdul Mutualib Salleh yang bertanding atas tiket bebas di kawasan DUN Batu Buruk.

(Lain-lain calon yang menang sila lihat bab-3, sejarah penyertaan PAS dalam pilihan raya).

Selepas pilihan raya 1974, Umno buat pertama kalinya memilih Wan Mokhtar Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Cukai, sebagai Menteri Besar Terengganu bagi menggantikan Datuk Nik Hassan. Sebelum ini beliau adalah Ahli Parlimen Kemaman.

Di dalam kerajaan negeri BN ini, dua orang pemimpin PAS Terengganu dipilih sebagai ahli Exco Kerajaan Negeri iaitu Ustaz Awang Nasaruddin Abu Bakar dan Ustaz Muhamad @ Harun Jusoh.

Sementara di peringkat pusat, dua orang pemimpin PAS dilantik sebagai menteri penuh iaitu Datuk Muhamad Asri Haji Muda sebagai Menteri Tanah dan Tugas-tugas Khas dan Datuk Hassan Adli sebagai Menteri Wilayah dan Pembangunan Bandar.

Haji Mustafa Ali dilantik sebagai setiausaha parlimen dan kemudiannya pada penggal yang sama dinaikkan taraf sebagai Timbalan Menteri Sains. Di samping Haji Mustafa, turut dilantik sebagai timbalan menteri adalah Ustaz Abu Bakar Umar sebagai Timbalan Menteri Kesihatan. Dua

orang wakil rakyat PAS turut dilantik sebagai setiausaha parlimen iaitu Abdul Wahab Yunus dan Zahari Awang.

Apabila timbul krisis di Kelantan cetusan dari mainan politik kotor Umno, dan Menteri Besarnya Datuk Muhamad Nasir membentuk parti Berjasa pada tahun 1977, PAS telah ditendang keluar dari Barisan Nasional. Ini berikutan bantahan PAS terhadap tindakan Kerajaan Pusat mengenakan undang-undang darurat di Kelantan. Bagi memban-tahnya, Jawatankuasa Agung PAS bersidang memutuskan agar semua ahli-ahlinya meletakkan semua jawatannya dalam kerajaan termasuk menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan juga ahli exco di peringkat kerajaan negeri.

Mulai dari era itulah PAS mula berubah ke arah sebuah parti Islam yang lebih berwibawa dan dihormati sehingga-lah sekarang. Simbolnya bukan lagi bulan bintang tetapi bulan penuh purnama. Bibit-bibit kepemimpinan ulamak mulai lahir dan disemai dengan baik.

PAS TERENGGANU DI ERA KEPEMIMPINAN ULAMAK

Dalam konteks Terengganu, era kepimpinan ulamak secara rasminya bermula dalam tahun 1982 apabila Tuan Guru Abdul Hadi Awang dilantik sebagai Pesuruhjaya PAS Terengganu. Ini kerana pada tahun itulah Datuk Asri Haji Muda melepaskan jawatannya sebagai Yang Dipertua Agung PAS. Sebelum itu, Dewan Pemuda PAS Pusat yang bermuktamar di Bukit Mertajam membahas dan meluluskan usul Kepimpinan Ulamak untuk dilaksanakan dalam PAS.

Bagaimanapun, ramai pihak berpendapat era ini bermula dari tahun 1978 lagi apabila Ustaz Haji Abdul Hadi

mula menyertai pilihan raya umum 1978. Oleh kerana beliau bersama-sama semua calon PAS ketika itu tewas, maka nama beliau tidak begitu menonjol untuk terus dilantik sebagai pemimpin PAS negeri.

Bagaimanapun, nama Ustaz Haji Abdul Hadi sebagai ulamak muda mula terkenal dari tahun 1976 lagi apabila beliau dilantik sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS Terengganu. Dalam masa yang sama juga beliau mula mengambil alih tugas menjadi guru di Masjid Rusila bagi menggantikan ayahnya Tuan Guru Haji Awang.

Sejak itu ketokohan Ustaz Haji Abdul Hadi terserlah dan mula menarik perhatian umum sebagai seorang ulamak yang berpotensi. Kuliah-kuliahnya amat digemari oleh orang ramai dan memberikan kesan yang mendalam. Penekanannya terhadap soal aqidah dan asas-asas Islam secara tidak langsung menyediakan platform yang kukuh kepada konsep kepemimpinan ulamak. Majalah *Asiaweek* yang berpusat di Hong Kong telah memilih beliau sebagai tokoh muka depannya. Ia memperkenalkan Ustaz Abdul Hadi sebagai "*the clear voice*". Dengan lain perkataan, Ustaz Abdul Hadi muncul sebagai suatu institusi penting dalam era kebangkitan Islam ketika itu. Ceramah dan kuliah agamanya sentiasa dikunjungi oleh lautan manusia.

Sebaik sahaja Ustaz Abdul Hadi menang dalam pilihan raya umum 1982 bersama empat orang lagi calon PAS di Terengganu, beliau terus dilantik sebagai Pesuruhjaya PAS Terengganu. Sebelum itu beliau dilantik sebagai Naib Yang Dipertua Agung PAS Pusat selepas perletakan jawatan Datuk Asri Haji Muda sebagai Yang Dipertua Agung PAS.

Semasa Ustaz Abdul Hadi menerajui PAS Terengganu, beliau telah memilih rakan sepengajiannya semasa belajar di Mesir, Ustaz Harun Taib sebagai Setiausaha Badan Perhubungan PAS Terengganu. Walaupun hanya sebagai

Setiausaha Perhubungan, banyak urusan pentadbiran parti di peringkat negeri diserahkan kepada Ustaz Harun Taib. Ini kerana Tuan Guru Abdul Hadi banyak menumpukan masanya di peringkat pusat dan kesibukannya memenuhi undangan dan jemputan masyarakat Islam.

Setelah Tuan Guru Abdul Hadi dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertua PAS di peringkat pusat pada tahun 1989, beliau melepaskan jawatannya sebagai Pesuruhjaya PAS Terengganu. Ustaz Harun kemudiannya dipilih sebagai Pesuruhjaya. Bagaimanapun, Tuan Guru Abdul Hadi tetap berperanan sebagai Penasihat Badan Perhubungan PAS Terengganu.

Dalam pentadbiran parti, Ustaz Harun dibantu penuh oleh Haji Mustafa Ali, tokoh utama perancang politik PAS, sebagai Timbalan Pesuruhjaya. Juga membantu Ustaz Harun adalah Haji Wan Abdul Mutalib Embong dan juga Haji Husein Awang sebagai Timbalan-timbalan pesuruhjaya.

Gerakan politik PAS di Terengganu sebagai sebuah parti Islam mula menampakkan perbezaannya berbanding dengan sebelum era kepimpinan ulamak. Isu yang dimakan juga berbeza. Dari hanya tertumpu kepada isu politik Islam semata-mata kepada lebih bercorak pendekatan gerakan Islam yang menyeluruh.

Dari situ, PAS mula membuat hubungan yang rapat dengan gerakan-gerakan Islam di luar negeri. Hasilnya, ahli-ahli PAS didedahkan dengan usrah, qiamullail, muqayyam dan sebagainya. Ia sudah mula bergerak sebagai sebuah gerakan Islam yang turut bertanding dalam pilihan raya, di samping mengadunkan pengalaman gerakan Islam ternama, seperti Ikhwanul Muslimin Mesir, Jamaat-e-Islami Pakistan, Gerakan Islam Iran dan seumpamanya.

Hasilnya, program PAS bukan lagi terikat dengan seminar politik, kursus pilihan raya dan lain-lain program berorientasikan persiapan pilihan raya semata-mata.

Ini bermakna, gerakan PAS tidak lagi bermusim iaitu hanya bergerak aktif semasa musim pilihan raya sahaja. Kini ia bergerak sepanjang tahun dan mempunyai rangkaian yang tersendiri.

Apa yang lebih ketara ialah penumpuan PAS kepada bidang tarbiyyah dengan wujudnya markas-markas tarbiyyah di hampir semua cawangan PAS di negeri ini. Turut juga dibina ialah markas-markas tarbiyah yang besar untuk PAS peringkat negeri dan kawasan-kawasan. Di Terengganu terdapat empat pusat kegiatan PAS yang utama iaitu Masjid Rusila (Marang), Masjid Batu Enam (Kuala Nerus), Pusat Tarbiyah Kubang Lembek (Hulu Terengganu), Pusat Tarbiyah Padang Luas (Besut) dan beberapa pusat kegiatan lagi yang bertaraf negeri dan kawasan.

Bagi melengkapkan lagi proses tarbiyah PAS di Terengganu, melalui Lujnah Tarbiyah PAS Negeri dan Dewan Pemuda, di susun sekolah-sekolah yang sepenuhnya berada di bawah naungan parti. Ia terdapat di tiga peringkat iaitu pra-sekolah yang dikenali dengan nama Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (Taski) pada asalnya dan kemudiannya telah ditukar kepada Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) selaras dengan pertukaran di peringkat pusat.

Di peringkat sekolah rendah pula ditubuhkan sekolah-sekolah Islam. Kini terdapat lima buah sekolah rendah yang ditadbir secara terus oleh PAS di Terengganu iaitu Darul Taqwa di Batu Enam (Kuala Nerus), Darul Salam di Losong Haji Mat Shafei (Kuala Terengganu), Darul Islah di Padang Luas (Besut), Darul Taqwa Kemaman dan Darul Ihsan di

Kubang Lembik, Hulu Terengganu.

PAS Negeri Terengganu juga mempunyai sebuah sekolah menengah iaitu Darul Al-Quran di Rusila. Sekolah ini amat unik sekali. Pengambilan para pelajarnya dibuat secara teliti dan terpilih. Pelajar dari sekolah aliran biasa yang mahu belajar di sekolah ini dikehendaki lulus temuduga yang diadakan. Para pelajar dari lima buah sekolah rendah milik PAS yang disebutkan di atas dapat masuk terus ke sekolah ini.

Sekolah ini berupa sekolah persediaan untuk melanjutkan pelajarannya ke luar negeri dalam bidang agama. Kini sijil sekolah ini sudah diiktiraf oleh universiti Al-Azhar, Mesir. Selain melanjutkan pelajar ke Mesir, pelajar-pelajar sekolah ini juga berpeluang melanjutkan pelajaran ke beberapa buah universiti di Pakistan dengan kerjasama Jamiat-e-Islami Pakistan. Seramai 12 orang pelajar kumpulan pertama sekolah ini telah melanjutkan pelajar ke Universiti Al-Azhar, Mesir pada tahun 1991. Adalah dijangka, pelajar-pelajar Darul Al-Quran akan menjadi pelajar paling ramai (berdasarkan dari sekolah mana mereka datang sebelum ke Mesir) sedikit waktu lagi. Ini kerana jumlah yang dihantar setiap tahun ke sana terus meningkat.

Keistimewaan sekolah ini adalah kerana ia merupakan saluran paling cepat untuk masuk ke Universiti Al-Azhar jika pelajarnya bijak. Ini kerana, selepas empat tahun belajar di sini, para pelajarnya boleh terus memasuki tahun pertama Universiti Al-Azhar. Syarat kemasukan pula adalah lepasan sekolah rendah dan lulus peperiksaan sekatan Darul Al-Quran. Bagaimanapun, sistem kenaikan kelasnya berdasarkan kelulusan peperiksaan. Siapa yang lulus boleh terus naik kelas. Yang gagal kekal di kelas yang sama. Untuk ke Universiti Al-Azhar pula hanya pelajar yang lulus dengan cemerlang sahaja yang akan terpilih.

OPERASI TAWAN TERANGGANU

2

PAS DAN PILIHAN RAYA **MAMPUKAH 1994 MENCIPTA SEJARAH GEMILANG?**

PAS telah menyertai pilihan raya selepas lapan tahun ia ditubuhkan. Pelbagai tribulasi, rintangan, halangan dan pengalaman suka duka yang telah dialami oleh PAS sewaktu menyertai pilihan raya ini. Dan tentunya ia banyak memberi pengajaran yang penuh bermakna kepada para pemimpin PAS hari ini untuk menempuh cabaran yang lebih sengit, khususnya apabila proses pilihan raya semakin hilang unsur demokratiknya. Parti pemerintah sentiasa mengeksplot segala jentera kerajaan, media berpengaruh dan mengamalkan politik wang secara rakus demi mengekalkan kuasa.

Walaupun PAS tidaklah begitu yakin bahawa pilihan raya boleh mewujudkan negara Islam di negara ini, tetapi

inilah jalan yang ada sekarang. Apabila sampai waktunya, keadaanlah sendiri yang akan mengubah jalan yang diambil oleh PAS ini. Penekanan terhadap aspek dakwah dan tarbiyyah, serta pembinaan syakhsiyah anggota parti tidak diabaikan. Ini tidak bermakna PAS menolak proses pemilihan secara demokratik, malah apa yang berlaku kian menghakis nilai-nilai keadilan di dalamnya. Banyak pengalaman di negara-negara lain yang menunjukkan proses pilihan raya kerap kali dicabul dan dinafikan apabila gerakan Islam mendapat dokongan majoriti rakyat, misalnya di Algeria.

Sepanjang penyertaannya dalam pilihan raya, PAS hanya pernah berjaya menguasai dua negeri sahaja iaitu Kelantan dan Terengganu. Negeri-negeri lain di negara ini belum pernah merasai pemerintahan PAS tetapi terdapat negeri-negeri yang merasai kepimpinan PAS semasa parti itu berada dalam kerajaan campuran dengan Perikatan dan sebagai anggota komponen Barisan Nasional. Namun begitu, kegagalan dalam pilihan raya tidak bererti PAS tidak memberikan apa-apa sumbangan terhadap negara. Malah keprihatinan PAS sebagai sebuah parti Islam terhadap apa jua isu yang menyentuh kepentingan bersama tidak dapat dinafikan hatta oleh saingan politiknya.

PILIHAN RAYA UMUM 1959

PAS mula menyertai pilihan raya di Terengganu dan di negara ini umumnya, pada tahun 1959 selepas ia ditubuhkan pada tahun 1951. Sungguh menakjubkan apabila penyertaan yang pertama kali dalam pilihan raya ini telah memberikan kemenangan besar kepada PAS sehingga berjaya menumbangkan Kerajaan Perikatan yang memerintah Terengganu pada ketika itu.

**PAS DAN PILIHAN RAYA :
MAMPUKAH 1994 MENCINTA SEJARAH GEMILANG?**

Dalam pilihan raya itu, PAS mendapat 13 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dari 24 kerusi yang dipertandingkan. Selain itu, PAS juga memenangi empat kerusi Parlimen dari enam kerusi yang dipertandingkan di Terengganu.

PILIHAN RAYA UMUM 1964

Dalam pilihan raya 1964 iaitu selepas kira-kira dua tahun kerajaan PAS ditumbangkan secara tidak demokratik, Umno berjaya sepenuhnya merosakkan imej PAS di kalangan rakyat. Hasilnya dalam pilihan raya umum 1964, PAS hanya berjaya mengekalkan tiga kerusi DUN dan satu kerusi Parlimen sahaja.

PILIHAN RAYA UMUM 1969

Bagaimanapun, dalam pilihan raya umum 1969, keyakinan rakyat Terengganu PAS berjaya dipulihkan semula walaupun tidak sepenuhnya. Hasilnya, PAS berjaya mendapat 11 kerusi DUN dan dua kerusi Parlimen.

Kerusi-kerusi DUN yang dimenangi adalah Kuala Besut (Muhamad Said), Jeram (Hashim Embong), Ladang (Wan Muhamad Wan Ngah), Bukit Besar (Mohd Ghazali Haji Ahmad), Batu Burok (Mat Yassin Daud), Marang (Kassim Ahmad), Sura (Ibrahim Noh), Kemaman Selatan (Wan Yahya Wan Mohd), Ulu Dungun (Omar Shukri Embong), Kuala Terengganu Tengah (Mohd @ Harun Jusoh) dan Binjai (Mohd Taib Ismail). Kawasan Parlimen yang dimenangi adalah Kuala Terengganu Selatan (Mohd Daud Abdul Samad) dan Dungun (Haji Abdul Wahab Yunus).

Kekuatan PAS yang menonjol ini, bukan sahaja di Kelantan dan Terengganu, malah amat menonjol di Kedah begitu dibimbangi Umno. Apabila berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969, Perikatan yang dipimpin oleh Tun Abdul Razak yang menggantikan Tunku Abdul Rahman ketika itu telah memujuk PAS untuk bergabung bersamanya.

Memikirkan soal keselamatan negara dan perpaduan ummah, dengan niat yang ikhlas, PAS telah bersetuju membentuk Kerajaan Campuran dengan Perikatan pada tahun 1972. Menjelang pilihan raya 1974, Muktamar Khas PAS meluluskan usul bergabung dengan parti-parti dalam Perikatan dan membentuk Barisan Nasional. Lambang kapal layar ditukar kepada lambang dacing.

PILIHAN RAYA UMUM 1974

PAS menyertai pilihan raya umum 1974 dalam kerangka yang berbeza. Ini kerana pada tahun itu, PAS menyertai pilihan raya dalam keadaan dirinya berada dalam Barisan Nasional, yang membentuk kerajaan sama ada di peringkat pusat ataupun negeri. Ini bermakna, PAS tidak bertanding di semua kerusi tetapi hanya kerusi-kerusi yang telah dipersetujui bersama dengan anggota komponen Barisan Nasional yang lain, khususnya Umno.

Dalam pilihan raya ini, PAS Terengganu diperuntukkan sepuluh kerusi DUN dari 24 yang dipertandingkan dan tiga kerusi Parlimen dari enam kerusi yang dipertandingkan. Semua mereka berjaya memenangi kerusi-kerusi tersebut kecuali satu di DUN Batu Buruk di mana calon PAS tewas kepada calon bebas. Ini kerana faktor ketokohan calon yang menentang calon PAS ketika itu iaitu Datuk Abdul Mutalib Salleh.

**PAS DAN PILIHAN RAYA :
MAMPUKAH 1994 MENCINTA SEJARAH GEMILANG?**

Kerusi DUN yang dimenangi adalah Wakaf Mempelam (Mohd @ Harun Jusoh), Jeram (Awang Nasaruddin Abu Bakar), Marang (Kassim Ahmad), Sura (Omar Shukri Embong), Bandi (Wan Yahya Wan Mohamad), Kuala Besut (Haji Hussin Jusoh), Kuala Berang (Abdul Rashid Su), Ulu Dungun (Muda Yusof) dan Bukit Payong (Mokhtar Muhamad).

Sementara kerusi Parlimen yang dimenangi calon PAS ialah Kuala Terengganu (Mustafa Ali), Dungun (Abdul Wahab Yunus) dan Ulu Nerus (Luqman Abdul Kadir).

Dengan kemenangan ini, Ustaz Awang Nasaruddin Abu Bakar dan Haji Muhamad @ Harun Jusoh telah dilantik sebagai anggota Exco Kerajaan Terengganu dan Haji Mustafa Ali telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen dan kemudiannya dalam penggal yang sama sebagai Timbalan Menteri Kerajaan Pusat.

PILIHAN RAYA UMUM 1978

Penyertaan PAS dalam pilihan raya 1978 merupakan titik sejarah hitam dalam PAS Terengganu. Ini kerana, PAS tidak memenangi sebarang kerusi dalam pilihan raya ini sama ada di peringkat Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Antara puncanya, PAS baru sahaja ditendang keluar dari Barisan Nasional dan belum dapat menyusun satu program baru yang teratur untuk menghadapi pilihan raya. Ini adalah akibat dari undang-undang darurat yang dipaksakan di Kelantan dan PAS dalam keadaan berpecah apabila Datuk Muhamad Nasir menubuhkan Berjasa.

Bagaimanapun, pilihan raya 1978 juga merupakan satu titik sejarah untuk PAS. Ini kerana, ramai yang berpendapat mulai era inilah bermulanya sejarah baru dalam PAS iaitu era kepemimpinan ulamak.

Mulai pilihan raya ini juga, Ustaz Abdul Hadi Awang mula dicalonkan di kawasan DUN Marang. Ustaz Haji Harun Taib pula dicalonkan buat kali keduanya di DUN Manir yang kemudiannya kedua-dua mereka telah terpilih sebagai pemimpin utama PAS Terengganu.

PILIHAN RAYA UMUM 1982

Setelah kalah 28-0 dalam pilihan raya 1978, PAS bangkit semula dalam pilihan raya 1982 dengan penuh bergaya. Dalam pilihan raya ini, PAS memenangi lima kerusi DUN.

Kerusi-kerusi itu adalah Manir (Haji Harun Taib), Marang (Ustaz Abdul Hadi Awang), Jeram (Ustaz Abu Bakar Chik), Batu Burok (Haji Wan Abdul Mutualib Embong) dan Wakaf Mempelam (Haji Mustafa Ali).

Lima wakil dalam DUN ini disifatkan oleh Ustaz Abdul Hadi Awang sebagai lima jari yang apabila digenggam erat akan membentuk penumbuk yang kuat dalam DUN Terengganu. Ia membawa maksud kelima-lima wakil rakyat PAS itu mampu menyumbangkan peranan yang cukup berkesan. Beliau berkata demikian dalam satu ceramahnya di Kuala Terengganu selepas diumumkan keputusan pilihan raya tersebut.

Perkara ini telah terbukti kemudiannya apabila kehadiran mereka telah benar-benar menggongangkan sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu dengan isu-isu yang mereka bawa.

PILIHAN RAYA UMUM 1986

PAS menyertai pilihan raya 1986 dengan penuh azam untuk menguasai negeri Terengganu setelah bertindak

cemerlang dalam tahun 1982. Untuk itu, persediaan yang dibuat cukup rapi terutama pemilihan calon-calon. Ramai ahli-ahli PAS yang berada di pelbagai jabatan kerajaan telah meletakkan jawatan untuk bertanding atas tiket PAS dalam pilihan raya ini.

Bagaimana, keputusan pilihan raya itu sebaliknya. PAS bukan saja gagal untuk menawan Terengganu bahkan juga gagal untuk mengekalkan bilangan kerusi yang ada. Dari lima kerusi yang dimenangi pada tahun 1982, PAS hanya mampu mengekalkan dua darinya.

Kerusi yang berjaya dikekalkan adalah Rhu Rendang, asalnya Marang (Ustaz Abdul Hadi Awang) dan Wakaf Mempelam (Haji Mustafa Ali).

Antara faktor utama adalah kesilapan para penyokong PAS ketika menjelang hari pembuangan undi. Dua hari sebelum hari pembuangan undi, tanpa menyedari perancangan musuhnya, para penyokong PAS dikatakan telah membuat perarakan bermotosikal di sekitar Kuala Terengganu dan lain-lain tempat sambil mengibarkan bendera. Ia bermula dengan perarakan kecil sahaja.

Tetapi, sehari selepas itu iaitu sehari sebelum pembuangan undi, perarakan yang lebih besar dengan penyertaan yang menyeluruh telah dibuat. Ia telah dibuat di seluruh negeri. Ini telah memberikan implikasi yang negatif kepada orang awam, yang selama ini tidak berparti, yang seterusnya mengambil sikap tidak memihak kepada PAS di hari pembuangan undi walaupun condong kepada parti itu sebelumnya.

Tetapi, bagi saya, terdapat faktor lain yang lebih besar yang telah menyebabkan kekalahan PAS kali ini. Faktor perarakan besar-besaran hanya membuatkan orang atas pagar yang sebelum ini condong kepada PAS beralih

kepada Umno. Faktor ini tidak akan menyebabkan PAS kehilangan tiga dari lima kerusi yang dimenanginya sebelum ini.

Tetapi, faktor persempadanan semula kawasan pilihan raya yang telah dibuat sebelum itu telah menyebabkan para penyokong setia PAS terkeluar dari kawasan asal mereka. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam DUN Manir dan Jeram pada waktu itu yang menyebabkan calon PAS di kedua-dua kawasan telah tewas dalam pilihan raya 1986 ini.

Faktor kerjasama antara PAS dengan parti lain yang membentuk Harakah Keadilan Rakyat dan juga penubuhan CCC oleh PAS yang baru sahaja dibuat juga boleh dijadikan alasan kekalahan PAS. Ini kerana, ia dengan mudah diputar belit oleh para pemimpin BN.

Selain itu pilihan raya ini juga menyaksikan segala etika media dan persuratkhabaran dilontar jauh ke dasar Laut China Selatan. Umno memperalatkan media-media utama dengan memutarbelitkan kenyataan pemimpin-pemimpin pembangkang, khususnya PAS. Pemimpin-pemimpin PAS digambarkan seperti ular yang lidahnya bercabang melalui iklan-iklan karikatur di akhbar-akhbar harian yang berpengaruh. Tanpa segan silu segala agensi kerajaan, baik di peringkat pusat dan negeri, dipergunakan semahu-mahunya bagi mendakyahkan propaganda Barisan Nasional. Isu-isu seperti PAS sebagai Hizbulullah (parti Allah) diberikan tafsiran songsang lagi menyesatkan pemikiran masyarakat. Namun begitu kekalahan yang tidak diduga ini memberikan banyak pengajaran yang bermakna.

PILIHAN RAYA KECIL TELUK PASU

Pilihan raya kecil Teluk Pasu telah diadakan pada 23 Jun

PAS DAN PILIHAN RAYA :
MAMPUKAH 1994 MENCipta SEJARAH GEMILANG?

1989 ekoran dari kematian wakil rakyat Umno Teluk Pasu, Haji Ismail Yusof. Ia diadakan di dalam suasana perpaduan antara PAS dengan Semangat 46 berada di persimpangan, sama ada bersetuju bergabung dengan Semangat 46 serta Hamim dan Berjasa bagi membentuk Angkatan Perpaduan Ummah atau tidak.

Dalam pilihan raya ini, PAS telah memilih Pesuruhjaya PAS Terengganu, Ustaz Harun Taib sebagai calonnya. Ini kerana, sebahagian dari kawasan Teluk Pasu pada ketika itu adalah berasal dari kawasan DUN Manir yang pernah diwakili oleh Ustaz Harun Taib pada tahun 1982.

Bagi membantu PAS secara lebih berkesan, Semangat 46 telah menubuhkan markas dan bilik gerakan yang tersendiri dan berasingan dari PAS. Yang menemukan antara mereka adalah penyelarasang antara parti.

Tokoh-tokoh Semangat 46 Terengganu dan pusat telah turun sepenuhnya berkempen di Teluk Pasu ini. Antara tokoh yang bekerja keras ialah Presiden Semangat 46 sendiri, Tengku Razaleigh Hamzah. Ahli Parlimen Besut ketika itu, Datuk Zakaria Abdul Rahman telah dilantik oleh Semangat 46 sebagai pengarah pilihan rayanya. Ahli Parlimen Kuala Nerus, Ustaz Ibrahim Azmi Hassan, yang kebetulan Teluk Pasu adalah terletak di bawah kawasan Parlimennya, telah bekerja bersungguh-sungguh memujuk para pengundinya untuk menyokong calon PAS.

Bagaimanapun, tokoh sebenar Semangat 46 ketika itu adalah adinda Sultan Tengku Seri Paduka Raja Tengku Ibrahim ibni Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah. Beliau yang baru saja bergiat dalam politik telah belajar memberikan ceramah di tempat umum dalam pilihan raya ini. Hasilnya amat memberansangkan. Rakyat cukup tertarik dengan pendekatan yang beliau ambil.

"Kalau saya mahu senang melalui politik ini, saya silap kerana saya sudah pun hidup senang sebagai adinda kepada sultan. Kalau saya mahu nama, nama saya cukup baik sebagai orang istana. Sebenarnya saya turun ke tempat tuan-puan adalah kerana mahu membela rakyat yang miskin dan tertindas di bawah Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini."

Sebahagian ucapan beliau itu dipetik dari ceramah yang diberikan oleh Tengku Paduka di Kampung Petai Bubus dalam siri kempen beliau dalam pilihan raya kecil Teluk Pasu.

Pengalaman pekerja Semangat 46 yang diperolehi semasa mereka di dalam Umno benar-benar dimanfaat dan digembangkan bagi membantu kemenangan calon PAS. Ini kerana dengan bantuan mereka banyak gerak kerja dan strategi BN dapat dipatahkan.

Di pihak PAS pula, jentera pilihan raya yang dipimpin oleh pengarahnya, Haji Mustafa Ali benar-benar berada di peringkat yang optimun ketika itu. Pengaruh yang ada pada Ustaz Harun di kalangan pengundi cukup besar. Pendekatan yang beliau bawa juga benar-benar memikat para pengundi.

Penghargaan yang besar juga harus diberikan kepada Unit Risikan dan Saraf jentera pilihan raya PAS yang dipimpin oleh Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Ustaz Abu Bakar Chik. Unit ini benar-benar bertindak profesional dalam pilihan raya ini. Ini kerana, culaan yang mereka buat hanya berbeza kira-kira lima undi sahaja berbanding dengan keputusan sebenar pilihan raya kecil ini. Begitu juga unit penerangan yang begitu berjaya sekali.

Antara petugas unit ini yang patut dirakamkan nama mereka dalam buku ini sebagai tanda penghormatan di atas

PAS DAN PILIHAN RAYA :
MAMPUKAH 1994 MENCIPTA SEJARAH GEMILANG?

pencapaian mereka adalah Muhamad Abdul Wahid Endut sebagai timbalan ketua, Syed Azman, Muhamad Zainal Abidin Husein serta juga Muhamad Nasir Awang dan Abdul Malek Husain.

Di samping komitmen petugas yang jitu dan mantap, kekuatan PAS dalam pilihan raya ini berdasarkan beberapa isu yang ditimbulkan, antaranya ialah isu perpaduan dan isu bersalam. Dalam pilihan raya ini, Umno berada betul-betul di sudut yang asing. Ini kerana, semua parti komponannya yang berasal dari PAS iaitu Hamim dan Berjasa telah keluar dan bersama-sama dengan Semangat 46 menyokong PAS. Ia mendedahkan siapa sebenarnya juara perpaduan dan siapa pula hero perpecahan. Sementalahan pula imej Presiden Umno, Dr Mahathir yang terkenal dengan "bapa perpecahan".

Isu bersalam pula lahir dari sikap calon PAS, Ustaz Harun Taib yang enggan bersalam buat kali kedua dengan calon BN, Ustaz Abdul Rahman Muhamad, agar boleh diambil gambarnya oleh pihak media massa. Keengganan calon PAS bersalam ini telah dilaporkan oleh akhbar terutama *Utusan Malaysia* dan *Utusan Melayu* dengan penuh dramatik sekali. Isu ini juga digunakan sepenuhnya oleh jentera pilihan raya Umno untuk memburuk-burukkan PAS.

BN melalui media massa telah memburukkan tindakan calon PAS itu. Ustaz Harun pula berkata, beliau tidak mahu bersalam buat kali kedua kerana beliau tidak mahu menjadi seperti seorang pelakon. Buat apa bersalam banyak-banyak kalau sekadar untuk berlakon bagi diambil gambar oleh jurugambar akhbar sahaja, jelas Ustaz Harun.

Sesungguhnya Umno silap besar apabila mendakylah kan bahawa Ustaz Harun tidak mahu bersalam dengan calon BN dalam isu ini. Ini kerana, Ustaz Harun telah

bersalam dengan calon BN ketika beliau mula masuk ke kawasan pendaftaran. Jurugambar akhbar *The Star* telah mengambil gambarinya. *The Star* telah menyiarkan gambar ini untuk edisi Kuala Lumpurnya tetapi tiada dalam edisi Pantai Timurnya.

Mungkin keadaan itu menyebabkan jentera kempen Umno tidak tahu kewujudan gambar calon PAS bersalam dengan calon Umno. Tetapi mungkin mereka mengetahui-nya tetapi sengaja memperalatkan isu yang dilihat boleh memberikan keuntungan kepada Umno. Mereka telah menyebarkan apa yang didakwa kejahatan PAS kononnya sehingga tidak mahu bersalam dengan calon BN yang juga beragama Islam.

PAS melalui jenteranya telah mencetak gambar Ustaz Harun bersalam dengan calon BN yang dipetik dari akhbar *The Star* dan disebarluaskan dua hari sebelum hari pembuangan undi. Ia diusahakan oleh Ahmad Shabery Chek, yang menjadi pensyarah Universiti Malaya ketika itu, kini Ketua Penerangan Semangat 46.

Slogan "siakap senohong gelama ikan duri; cakap bohong lama-lama mencuri" telah dicetak secara besar-besaran di bawah gambar kedua-dua calon yang bersalam itu. Isu ini benar-benar memukul kewibawaan BN dan jenteranya.

Pada malam pengiraan undi, tokoh-tokoh Umno termasuk Menteri Besarnya tidak kelihatan di pusat pengiraan undi iaitu Dewan Tunku Abdul Rahman Kuala Terengganu.

Setelah mendapat isyarat dari para petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bahawa PAS menang, para pemimpin PAS yang berkumpul di Pejabat Perhubungan PAS Negeri di Taman Seri Intan telah dijemput. Mereka datang dengan penuh keriangan kerana usaha mereka diberkati Allah.

Keputusan penuh pilihan raya ini menyerlahkan sokongan majoriti rakyat terhadap PAS. Calon PAS mendapat 3,671 undi, BN memperolehi 3,530 undi. Majoriti kemenangan PAS adalah 141 undi.

Pilihan raya ini benar-benar telah mengikat PAS dan Semangat 46. Ada antara para pemimpin PAS Terengganu yang berkata "kita dipaksa kahwin dengan kemenangan pilihan raya ini". Apa pun tafsirannya, PAS telah bekerjasama dengan Semangat 46 dengan jalinan yang erat melalui Angkatan Perpaduan Ummah selepas itu.

PILIHAN RAYA UMUM 1990

Setelah berjaya dalam pilihan raya kecil Teluk Pasu 1989, PAS bersama Angkatan Perpaduan Ummah telah menyerai pilihan raya umum 1990 dengan penuh keyakinan. Dalam konteks Terengganu, hanya dua parti Angkatan yang terlibat iaitu Semangat 46 dan PAS sendiri.

Di Terengganu, telah ditetapkan bahawa PAS akan bertanding di 17 kawasan DUN dan empat Parlimen. Kawasan DUN itu adalah Jertih, Hulu Besut, Jabi, Langkap, Tepuh, Teluk Pasu, Wakaf Mempelam, Batu Buruk, Rhu Rendang, Bukit Payong, Binjai, Manir, Kuala Berang, Sura, Mercang dan Kijal. Kawasan Parlimen pula adalah Marang, Dungun, Setiu dan Hulu Terengganu.

Telah diputuskan juga bahawa Semangat 46 akan bertanding di kawasan DUN Kuala Besut, Kampung Raja, Permaisuri, Batu Rakit, Seberang Takir, Bukit Tunggal, Telemung, Tanggol, Ladang, Serada, Paka, Jerangau, Bukit Bandi, Cukai dan Kemasik. Sementara itu, Hamim diberikan satu kerusi iaitu Bandar.

Bagaimanapun berlaku sedikit masalah pada dua kawasan DUN menjelang hari penamaan calon. Di Serada,

PILIHAN RAYA UMUM 1994?

Hampir kebanyakan pemimpin parti politik menjangkakan pilihan raya umum akan diadakan pada akhir tahun ini. Dengan prestasi ekonomi yang dikatakan membanggakan dan kedudukan kewangan Umno yang agak mewah, serta dipastikan tiada isu-isu yang boleh menggugat kemena-ngannya, Umno menyertai pilihan raya ini dengan penuh keyakinan.

Bagaimanapun ia tidak semudah yang disangka, khususnya di Terengganu. Ahli-ahli PAS kini penuh bersemangat mahu mengulangi kegemilangan 1959 dan mencipta sejarah menundukkan Umno, sebagaimana yang dirakamkan oleh rakan-rakan mereka bersama Semangat 46 di Kelantan pada tahun 1990. Kalau Kelantan mampu memberi malu besar kepada Umno, apa kurangnya PAS Terengganu? Umno yang kelihatan gagah dari segi zahirnya tidak mustahil untuk ditumbangkan sekiranya petugas PAS gigih dan kreatif berhadapan dengan apa jua perancangan Umno. Wang tidak dapat membeli segala-galanya. Jaminan projek-projek pembangunan tidak dapat lagi mengabui mata rakyat. Mereka sudah jelak dengan ungkapan "Kerajaan Terengganu kaya tetapi rakyatnya papa kedana".

3

WAN MOKHTAR DI AMBANG KEJATUHAN

Umno Terengganu mempunyai sejarah yang tersendiri. Bagaimanapun, dalam buku ini, sorotan hanya akan dibuat terhadap Umno Terengganu di bawah kepemimpinan Menteri Besar yang ada sekarang iaitu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Tan Sri Wan Mokhtar mula menjadi Menteri Besar kira-kira 18 tahun lalu bagi menggantikan Datuk Nik Hassan selepas pilihan raya umum 1974. Dengan rekod ini, beliau merupakan Menteri Besar yang paling lama dapat bertahan iaitu selama empat penggal.

Sebelum menjadi menteri besar, beliau adalah Ahli Parlimen Kemaman. Beliau mula bertanding sebagai calon Perikatan dalam pilihan raya umum 1969 di Kemaman dan seterusnya memenangi kerusi tersebut.

Mungkin kerana terlalu lama menjadi Menteri Besar, pelbagai isu berbangkit sejak kebelakangan ini yang melibatkan nama Menteri Besar itu sendiri. Suara-suara yang mendesak agar Tan Sri Wan Mokhtar melepaskan jawatannya sebagai Menteri Besar untuk digantikan oleh orang lain itu semakin lantang dan cukup ketara. Ia datangnya dari kedua-dua belah pihak iaitu dalaman Umno sendiri sebagai parti yang memerintah dan juga parti pembangkang yang sememangnya sentiasa berusaha untuk mengambil alih kuasa di negeri ini.

Kalau dari pandangan pembangkang, khidmat Tan Sri Wan Mokhtar boleh dianggap seperti sudah sampai ke siling dan tidak boleh meningkat lagi. Sudah ada sekatan yang menghalangnya. Bahkan akan menurun pula. Sebelum terjejas pentadbiran negeri, lebih baik beliau berundur saja.

Bagi kalangan dalaman Umno pula, fokus diberikan kepada keberkesanan beliau sebagai pemimpin setelah terlalu lama memerintah. Mereka bimbang rakyat Terengganu akan mengikut jejak rakyat Kelantan yang menukar terus kerajaan yang ada kepada kerajaan yang lain apabila merasa jemu dengan gaya kepemimpinan Wan Mokhtar. Sebelum perkara itu berlaku, lebih baik ketua kerajaan ditukar untuk diambil alih oleh orang lain yang lebih bersemangat untuk menyelamatkan negeri dari ditawan oleh pembangkang. Apakah lagi sememangnya Umno terkenal dengan perselisihan dan pembentukan kem-kem dalam parti.

Medan utama untuk melontarkan isu kontroversi ini adalah persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi pembangkang dan perbincangan serta mesyuarat-mesyuarat bagi kalangan dalaman Umno sendiri.

Terdapat beberapa faktor penting yang menjadikan isu ini sangat dibincangkan di mana sahaja hatta secara terbuka ditulis di dalam akhbar-akhbar dan juga majalah. Faktor-faktor itu adalah faktor Datuk Tengku Mahmud Mansur, faktor Datuk Abu Bakar Daud, faktor Pemuda Umno, faktor Datuk Dr Yusof Noor, faktor pembangunan dan faktor Setiu. Turut memperhebatkan lagi keadaan adalah faktor tradisi dari pembangkang.

FAKTOR DATUK TENGKU MAHMUD MANSOR

Datuk Tengku Mahmud Mansor adalah Setiausaha Badan Perhubungan Umno Terengganu. Di peringkat bahagian, beliau adalah pemangku Ketua Umno Bahagian Setiu dan kemudiannya disahkan sebagai Ketua Bahagian secara rasmi melalui mesyuarat agung. Jawatan pemangku ini diambil alih oleh beliau dalam satu mesyuarat khas Umno bahagian itu. Sebelum itu beliau adalah ketua Umno Bahagian Setiu tetapi melepaskannya untuk diberikan kepada Datuk Dr Yusof Noor. Dalam pemilihan Umno 1993, Tengku Mahmud Mansor dengan rasminya menjadi Ketua Bahagian Setiu.

Di dalam Kerajaan Pusat, beliau adalah Timbalan Menteri Perusahaan Utama dan sebelum ini adalah anggota Exco kerajaan Terengganu. Beliau telah melepaskan jawatannya sebagai anggota Exco ekoran memuncaknya krisis antara beliau dengan lain-lain kepemimpinan Umno Terengganu, khasnya Datuk Abu Bakar Daud.

Hampir semua pihak yang arif tentang politik Terengganu berpendapat, Tengku Mahmud adalah *master mind* dalam semua tindakan politik Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar. Sehingga dikatakan kuasa yang ada padanya setaraf dengan kuasa yang ada pada Menteri Besar sendiri.

Bahkan, dikatakan juga tangan Tan Sri Wan Mokhtar sudah diikat oleh beliau. Sesetengah pihak lagi menambah, bukan diikat sahaja bahkan dikilas ke belakang. Ini menyebabkan Tan Sri Wan Mokhtar tidak boleh berbuat apa-apa. Beliau tidak lebih bertindak seperti boneka sahaja.

Tengku Mahmud juga dikatakan rapat dengan isteri Menteri Besar, Puan Sri Hajjah Aishahton. Melalui Puan Sri, banyak perkara mengenai pentadbiran Terengganu dibincangkan jika beliau mahu Puan Sri menyebutnya kepada Menteri Besar.

Dalam kerajaan negeri, Tengku Mahmud dikatakan menguasai jabatan-jabatan yang ada kaitan dengan politik, melebihi dari Menteri Besar sendiri. Jabatan-jabatan itu seperti Unit Perpaduan Ummah, Yayasan Pembangunan Keluarga dan Biro Penerangan dan Agama Negeri.

Selain itu, Tengku Mahmud dikatakan telah menuahkan satu jawatankuasa tertinggi khas (grand design) untuk mengambil alih teraju kerajaan negeri secara tersusun dari Tan Sri Wan Mokhtar selepas pilihan raya umum 1990. Jawatankuasa ini mempunyai ahli seramai lapan orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan unit-unit seperti Unit Perpaduan Ummah, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, bekas ketua cawangan khas yang kini bertugas di Kuala Lumpur, bekas Penolong Pengarah Kemas Negeri, bekas Setiausaha Politik Menteri Besar sendiri dan juga bekas Ahli Parlimen Kuala Terengganu. Kumpulan ini cuba berhubung dengan Kuala Lumpur melalui Menteri Kewangan yang dipercayai amat besar pengaruhnya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir melalui salah seorang ahlinya.

Antara pemimpin negeri yang dikatakan menjadi mangsa tindakan kumpulan ini ialah Awang Jabar, Datuk Alias Ali dan turut terlibat dalam kes perpindahan Datuk

Dr Yusof Noor dari bahagian Setiu ke Besut. Beliaulah yang menjadi sasaran utama tindakan Pergerakan Pemuda Umno Negeri Terengganu terhadap kepimpinan kerajaan dan Umno negeri menjelang pemilihan Umno 1993 lepas.

FAKTOR DATUK ABU BAKAR DAUD

Datuk Bakar adalah Ketua Umno Bahagian Kuala Terengganu. Dalam pentadbiran kerajaan beliau adalah anggota exco kerajaan negeri dengan portfolionya adalah Kesihatan, Belia dan Sukan.

Jawatan yang disandang oleh Datuk Bakar sebelum tahun 1986 ialah sebagai anggota Exco Kanan Kerajaan Negeri Terengganu. Jawatan anggota exco kanan ini digemari oleh akhbar-akhbar tempatan. Tetapi selepas pilihan umum 1986, perkataan "kanan" itu sudah hilang dan menjadikannya anggota Exco Kerajaan Terengganu sahaja.

Sebelum pilihan raya umum 1990, beliau memegang portfolio Kerajaan Tempatan. Tetapi sejurus selepas itu, portfolio itu ditarik balik dan diberikan kepada Datuk Muda Mamat. Bagaimanapun, beliau kekal sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT).

Dikatakan, titik pertelingkahan antara beliau dengan Menteri Besar Wan Mokhtar adalah berpunca dari hubungan rapat beliau dengan istana. Ini menyebabkan timbul desas-desus yang mengatakan istana mahukan beliau menjadi Menteri Besar. Ini bermakna, beliau mempunyai potensi mengambil alih jawatan Menteri Besar dari Wan Mokhtar.

Bagi menghadapi Bakar Daud, Wan Mokhtar mempergunakan Setiausaha Perhubungan Umno negeri melalui

rangkaian dan pengaruh politik yang beliau ada. Ia dilakukan dengan tidak menyalurkan projek untuk Kuala Terengganu melalui Ketua Bahagian Umno sebagaimana biasa tetapi disalurkan melalui Ketua Wanita Umno Negeri iaitu adik Menteri Besar sendiri, Toh Puan Hajjah Wan Aishah Ahmad.

Pergeseran antara Wan Mokhtar dan Datuk Bakar sudah tidak menjadi rahsia lagi bahkan sering dijadikan bahan gurauan. Misalnya, ketika majlis makan tengahari sewaktu sidang DUN Terengganu berehat pada Selasa, 8 November 1992, Ketua Pembangkang dalam DUN Terengganu, Ustaz Harun Taib telah duduk di tengah-tengah antara kedua-dua tokoh berkenaan ketika makan. Kononnya, Ustaz Harun telah berkata kepada kedua-duanya: "Bagi saya duduk di tengah-tengah. Kalau bergaduh saya boleh jadi pengadil."

Dalam sidang DUN yang sama juga, para ahli dewan dari pembangkang sering membangkit soal pengunduran Wan Mokhtar agar boleh diganti oleh Bakar Daud.

Bagaimanapun, berdasarkan beberapa perkembangan mutakhir, termasuk isu kekebalan raja-raja, diraskan tidak ada lagi kemungkinan Bakar Daud mengambil alih jawatan menteri besar. Perancangan Umno pimpinan Wan Mokhtar dalam persempadanan semula kawasan pilihan raya juga seperti mahu memastikan kerjaya politik Bakar Daud berkulur. Yang lebih besar kemungkinannya ialah Bakar Daud mungkin akan digugurkan dalam pilihan raya akan datang. Dan sekiranya beliau terpilih pun, mungkin untuk menjaga kestabilan politik Umno Terengganu, Bakar Daud hanya akan dilantik sebagai Speaker DUN Terengganu.

FAKTOR PEMUDA UMNO TERENGGANU

Sebelum pemilihan Umno 1993, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri Terengganu adalah Haji Idris Jusoh. Beliau juga adalah Ketua Pemuda Umno Besut dan dipercayai tokoh muda harapan Datuk Dr Yusof Noor.

Naib Ketua Pemuda Umno Negeri adalah Nazri Salleh, yang juga Ketua Pemuda Umno Kemaman. Sebelum ini Nazri adalah Setiausaha Politik Menteri Besar tetapi telah ditamatkan perkhidmatannya oleh Menteri Besar.

Lain-lain Ketua Pemuda Umno Bahagian pada ketika itu ialah Abdul Rahman Bakar (Marang), Zuber Embong (Kuala Terengganu), Mohd Nasir Ibrahim Fikri (Kuala Nerus), Zakaria Abdullah (Dungun), Zakaria Ali (Hulu Terengganu) dan Sulaiman Md. Yassin (Setiu). Daripada kesemua lapan orang Ketua Pemuda Bahagian itu, dikatakan hanya Idris Jusoh sahaja yang stabil kedudukannya di peringkat bahagian. Yang lain semuanya ada pencabar tersendiri. Abdul Rahman Bakar pula akan melewati usia 40 tahun.

Muhamad Nasir dan Sulaiman Md. Yasin pula dikatakan mempunyai hubungan yang tidak baik dengan ketua-ketua bahagian masing-masing dan juga anggota exco kerajaan negeri. Punca sebenar perkara ini berlaku dipercayai berpunca dari hubungan mereka yang tidak rapat dengan *master mind* Umno Terengganu, Tengku Mahmud Mansor. Haji Idris misalnya, bukan sahaja tidak rapat dengan Tengku Mahmud bahkan rapat dengan saingan utama beliau pula iaitu Datuk Dr Yusof Noor.

Akibat melonjaknya rasa tidak senang inilah, Pergerakan Pemuda Umno Terengganu telah mengambil sikap secara kolektif memulau Konvensyen Umno Terengganu yang diadakan di Pusat Pupuk Semangat, Kemaman pada

23 dan 24 Oktober 1992. Hasilnya, konvensyen itu dikatakan berjalan dalam keadaan tidak bermaya dan para pesertanya terpaksa ditangkap muat untuk memenuhi kerusi yang kosong apabila kesemua ahli Pemuda Umno tidak menyertainya.

Sebagai gantinya, Pergerakan Pemuda Umno Terengganu telah mengadakan Perhimpunan Khas pada 25 November 1992 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu. Beberapa orang tokoh Pemuda negeri telah berucap di perhimpunan yang dihadiri oleh kira-kira 500 orang Pemuda Umno itu. Antaranya, termasuklah Ketua Pemuda Haji Idris Jusoh, Naib Ketua Pemuda Nazri Salleh, Ketua Pemuda Marang, Abdul Rahman Bakar dan Ketua Pemuda Kuala Terengganu, Zuber Embong.

Kesemua mereka berucap dengan penuh semangat dan dikatakan berapi-api. Sasarannya ditujukan kepada Wan Mokhtar Ahmad sebagai Pengurus Perhubungan Umno Negeri dan Setiausaha Perhubungan, Tengku Mahmud Mansor. Bagi mereka, Tengku Mahmud perlu berundur dari jawatan itu.

Bagi mencari penyelesaian, Badan Perhubungan Umno Negeri dikatakan telah melantik Datuk Dr Yusof Noor sebagai perantara antara pemimpin Umno negeri dengan pemimpin Pemuda Terengganu. Pemilihan Dr Yusof dikatakan telah membuatkan kedudukan Pemuda dalam dilema. Ini kerana, mereka memang malu alah kepada Dr Yusof. Tetapi, persefahaman tetap tidak dicapai. Sebagai jalan penyelesaian, Pemuda dikatakan telah mengemukakan beberapa syarat. Antaranya ialah:

1. Tengku Mahmud Mansor mesti berundur dari jawatan Setiausaha Perhubungan Umno Negeri.
2. Jangan ada tindakan mencantas terhadap Pemuda yang mengadakan desakan seperti di atas.

3. Lantik semula para pemimpin Pemuda yang telah dipecat dari menjadi lembaga pengarah syarikat-syarikat milik kerajaan negeri, di samping lain-lain tuntutan lagi.

Namun begitu, ketika memberikan respons, Wan Mokhtar Ahmad menegaskan, beliau tidak akan memberhentikan Tengku Mahmud sebagai Setiausaha Perhubungan sekurang-kurangnya untuk beberapa tahun lagi. Tengku Mahmud telah menjalankan tugasnya dengan baik, kata Wan Mokhtar.

Akibat dari kenyataan Wan Mokhtar itu Pemuda Umno Terengganu berada dalam dilema. Buah yang mereka jolok tidak gugur. Tempat mereka yang dikosongkan dalam syarikat-syarikat kerajaan negeri telah diisikan dengan orang lain. Antaranya, ADUN Permaisuri, Shafei Omar telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Primula Beach Resort yang baru.

Menurut para pemerhati politik pula, kedudukan Tengku Mahmud tambah stabil sekarang ini. Kekuatan Pemuda yang ada tidak mampu untuk menggoyahkan kedudukan Wan Mokhtar. Bagi pandangan mereka, sekiranya Wan Mokhtar berundur pun, ia tidak didorong oleh faktor luaran, ia mungkin disebabkan Wan Mokhtar sudah jemu menjadi Menteri Besar! Yang tergapai-gapai mencari dahan berpaut ialah Pemuda Umno Terengganu sehingga terpaksa meminta jasa dari Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, ketika itu Datuk Najib Tun Razak.

Selepas pemilihan Umno 1993, percaturan politik dalam Umno Terengganu sudah berubah. Ramai tokoh-tokoh penentang dalam Pemuda tewas. Antaranya ialah Naib Ketua Pemuda Negeri, Nazri Salleh tewas di tangan Ahmad Said di Kemaman. Mohd Nasir Ibrahim Fikri yang bergabung dengan Datuk Rashid Muhamad di Kuala Nerus

juga tewas di tangan Datuk Rashid Ngah dan kumpulannya yang mendapat sokongan kuat Perhubungan Umno Negeri.

Tokoh Pemuda yang menang hanyalah Haji Idris Jusoh di Besut yang sememangnya kukuh kerana mempunyai hubungan yang baik dengan Ketua Bahagian, Dr Yusof Noor. Selepas tewas, kumpulan mereka juga tidak lagi mendapat perhatian Kuala Lumpur. Ketua Pemuda Umno yang baru, Tan Sri Rahim Tamby Chik telah melantik Ahmad Said yang menang di Kemaman sebagai Ketua Pemuda Umno Terengganu. Hilanglah Idris, hilanglah Nazri.

Selepas Ahmad Said dilantik sebagai Ketua Pemuda Umno Terengganu, ujian pertama beliau adalah pergeseran antara Majlis Daerah Kemaman (MDK) dengan Perwaja Steel yang dipimpin oleh Tan Sri Eric Chia yang terkenal rapat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir. Ahmad pula adalah Pengurus MDK. Ahmad pernah berjanji jika gagal selesaikan pertikaian ini dengan baik beliau akan meletakkan jawatannya. Kini mahkamah telah memutuskan Perwaja menang dan boleh meneruskan pembinaan rumah kakitangannya itu. Kalangan dalaman Umno Terengganu sedang memerhatikan karenah AHmad Said dan bila pula beliau akan menyerahkan surat perletakan jawatannya, seperti yang dijanjikan?

FAKTOR DATUK DR YUSOF NOOR

Datuk Dr Yusof Noor mula menyertai politik apabila beliau meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjelang pilihan raya umum 1986. Beliau bertanding di Parlimen Setiu dan berjaya dengan cemerlang.

Dr Yusof kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu. Seterusnya beliau dilantik menduduki jawatan itu, sesuai dengan kedudukannya sebagai salah seorang menteri pusat iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu.

Parlimen Setiu adalah antara kawasan yang paling selamat bagi Umno. Sebagai Ahli Parlimen Setiu, Dr Yusof telah berbuat apa sahaja untuk menjaga kawasannya. Beliau dikatakan telah berbelanja berjuta-juta ringgit untuk menjaga kawasannya dan selalu sahaja pulang ke kawasan.

Dr Yusof kemudiannya dilantik sebagai Ketua Umno Bahagian Setiu dalam satu mesyuarat agung parti. Pada ketika itu, Tengku Mahmud, ADUN Permaisuri, dikatakan sedang merajuk dan melepaskan jawatannya sebagai anggota exco negeri dan juga Ketua Umno Bahagian Setiu. Justeru itu kedudukan Dr Yusof semakin mantap.

Kedudukan dan latar belakang ilmu agama Dr Yusof membuatkan beliau disebut-sebut sebagai bakal pengganti Menteri Besar Terengganu apabila Wan Mokhtar Ahmad berundur. Ini kerana, seorang yang mempunyai pendidikan agama yang kuat perlu untuk menghadapi kekuatan pembangkang di Terengganu. Ini bermakna, Wan Mokhtar kini mempunyai pencabar dan saingan terdekat yang boleh mengganggu impiannya nanti.

Apabila nama-nama calon untuk pilihan raya umum 1990 diumumkan oleh Wan Mokhtar, didapati nama Dr Yusof tercincir dari Setiu dan tersangkut di Besut. Setiu akan ditandingi oleh Tengku Mahmud Mansor. Pemilihan itu telah menggemparkan Umno Terengganu, khususnya para penyokong Dr Yusof.

Penyokong setia Dr Yusof telah merancang satu perarakan ke rumah Menteri Besar Wan Mokhtar kerana

membantah pemilihan yang disemangati politiking itu. Tetapi hasrat itu dihalang oleh Dr Yusof sendiri.

Dalam pilihan raya itu, Dr Yusof hanya mampu menang dengan 994 undi sahaja di Besut, sedangkan di Setiu, Tengku Mahmud menang dengan majoriti 3969 undi. Ekoran dari pemilihan calon pilihan raya umum 1990 itu juga, timbul pula krisis besar Umno Bahagian Setiu.

Dalam pemilihan Umno 1993, Dr Yusof mendapat kemenangan percuma dari Datuk Wan Zakaria Abdul Rahman sebagai Ketua Bahagian Besut apabila beliau cuma bertanding jawatan Timbalan Ketua Bahagian sahaja. Apa yang dibuat oleh Wan Zakaria memerlukan Kumpulan Wawasan, yang berketuakan Anwar Ibrahim, di Kuala Lumpur sendiri kerana beliau diminta mempertahankan jawatannya itu. Bagi Kuala Lumpur, Dr Yusof bukannya ahli Kumpulan Wawasan.

Kedudukan Dr Yusof teruji hebat melalui pilihan raya kecil Kampung Raja pada tahun 1993. Beliau melepas ujian itu apabila BN menang dan berjaya menambah bilangan majoritinya hampir tiga kali ganda. Ini membuatkan kedudukan beliau semakin stabil dan kemas. Cabaran beliau dilihat semakin kuat.

FAKTOR PEMBANGKANG

Musuh tradisi yang utama bagi Umno adalah PAS. Tetapi selepas pilihan raya 1990, faktor Tengku Paduka sebagai ADUN Tanggol pula meningkat naik di samping PAS.

Tengku Paduka seolah-olah mempunyai misi khas iaitu mahu menjatuhkan Wan Mokhtar dengan mendahului skandal-skandalnya. Untuk itu, beliau akan membangkitkan setiap kelemahan yang dibuat oleh Wan

Mokhtar dalam pentadbiran kerajaan negeri apabila mendapat kesempatan.

Antara isu yang dibawa adalah:

1. Kerugian dalam syarikat-syarikat di bawah Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT),
2. Tindakan dalam pembelian saham Larut Tin, penyelamatan Syarikat Perusahaan Pengangkutan dan Perniagaan Melayu Berhad (SPPPMB) dan lain-lain lagi.

Bagi menghadapi Tengku Paduka, Umno menggunakan taktik mahkamah iaitu dengan mendakwa Tengku Seri Paduka di mahkamah dengan alasan beliau melakukan rasuah semasa pilihan raya umum 1990 dahulu.

FAKTOR PEMBANGUNAN

Kelemahan yang paling ketara yang selalu dibimbangi oleh Kuala Lumpur terhadap Wan Mokhtar adalah kelemahannya untuk membawa pembangunan untuk Terengganu. Kemajuan Terengganu jauh terkebelakang berbanding dengan negeri-negeri lain walaupun mempunyai sumber kewangan yang kukuh iaitu dari royalti petroleum.

Kedudukan Wan Mokhtar dikatakan terus dikekalkan oleh Kuala Lumpur hanya semata-mata kerana *title "ulama"* yang ada padanya. Ini penting untuk menghadapi lawan utama Umno di Terengganu iaitu PAS.

Soalnya sekarang, sejauh mana Kuala Lumpur mahu terus menerus berpegang kepada teori kekuatan Wan Mokhtar ini sehingga sanggup mengabaikan pembangunan negeri. Inilah yang banyak menghantui pemikiran para pemimpin Umno di peringkat Pusat.

Hasil dari pemikiran inilah, dikatakan, pernah nama Datuk Mamat Ghazali Abdul Rahman (ketika itu belum bergelar datuk) diajukan kepada Sultan Terengganu untuk dilantik menjadi Menteri Besar tetapi ditolak oleh baginda dengan alasan Mamat Ghazali masih terlalu muda.

Mamat mempunyai nama yang baik di kalangan ahli-ahli DUN hatta dari pembangkang sendiri. Ini kerana sikapnya yang berwibawa dan mampu membuat kerja dengan cekap. Jawapan-jawapannya di dalam sidang DUN jarang dibantah oleh pembangkang bahkan diterima dengan wajar dan mendapat tumpuan di kalangan para pemberita. Persempadanan semula kawasan pilihan raya juga memberikan kelebihan yang banyak kepada beliau.

Kegagalan Wan Mokhtar dalam menangani isu pembangunan juga menarik perhatian ramai terhadap beberapa isu yang beliau tangani. Misalnya, percubaan membakar kilang Hyundai di Kemaman oleh orang-orang tertentu. Ia dikatakan kegagalan Wan Mokhtar dalam menangani isu penswastaan di mana rakyat tempatan Terengganu bangkit membantah pengambilan secara berleluasa buruh luar sehingga mengabaikan pekerja tempatan.

Bagaimanapun ada versi lain yang lebih menarik, walaupun agak sukar untuk disahkan. Menurut sumber itu, kononnya, kumpulan yang didakwa ada hubungan dengan Tengku Mahmud Mansur melalui Wan Mokhtar cuba mengenakan Ketua Pemuda Umno Terengganu, Haji Idris Jusoh. Ini kerana syarikat yang dimiliki oleh Idris menjadi pembekal tenaga buruh kepada kilang milik pelabur dari Korea Selatan itu.

Mereka mahu meletakkan Idris di kandang orang salah dalam isu ini. Maka satu komplot dibuat di mana beberapa orang diupah untuk membuat kekecohan di

kilang itu dan percubaan membakar kilang dibuat. Ia dikatakan satu usaha terrancang kerana yang dibakar hanyalah bangsar buruk yang berhampiran dengan kilang itu sahaja dan bukannya kilang itu sendiri. Wan Mokhtar pula terus membuat kenyataan akhbar berhubung dengannya sehari selepas kejadian itu dan menyalahkan kilang kerana mengutamakan buruh asing.

Tetapi strategi beliau ini nampaknya tidak menyenangkan Kuala Lumpur. Kuala Lumpur mengutuk tindakan itu sebagai usaha untuk menggagalkan pembangunan negara melalui penarikan pelaburan asing. Isu buruh tempatan dan buruh asing tidak menarik minat Kuala Lumpur kerana mereka lebih tertarik kepada kedatangan pelabur asing dan menjaga hati pelabur asing kemudian. Kemudian, menjelang tahun 1994 dan di awal tahun tersebut, krisis antara Perwaja dengan Majlis Daerah Kemaman (MDK) berlaku.

FAKTOR SETIU

Pergolakan yang berlaku dalam Umno Bahagian Setiu, Disember 1992 adalah fenomena yang terhasil dari pergolakan Umno Terengganu sendiri. Ketua bahagiannya yang dipilih oleh para ahli Umno bahagian itu, Dr. Yusof Noor terpaksa meletakkan jawatannya sebagai Ketua Umno Bahagian Setiu. Beberapa hari sebelum beliau meletakkan jawatan itu, 19 orang lagi Ahli Jawatankuasa Bahagian Setiu telah meletakkan jawatan masing-masing termasuk Tengku Mahmud Mansor. Ia dikatakan terpaksa dibuat untuk membolehkan Umno Setiu dirombak semula dan atas arahan Pengerusi Perhubungan Umno Terengganu, Wan Mokhtar Ahmad.

Sebelum itu, Setiausaha Perhubungan Umno Terengganu, Tengku Mahmud Mansor telah berjaya melantik dirinya sebagai pemangku Ketua Umno Bahagian itu dalam satu mesyuarat khas jawatankuasa bahagian pada 7 Disember 1991. Turut dipilih dalam mesyuarat itu adalah pemangku Naib Ketua Bahagian, Dr Abdul Wahab Ngah dan pemangku Setiausaha Bahagian, Shafei Omar. Bagaimanapun, ia telah dibantah oleh sebahagian besar ahli kerana mereka mempertikaikan apa hak Tengku Mahmud dilantik sebagai pemangku Ketua Bahagian sedangkan, Datuk Dr Yusof Noor tidak pernah melepaskan jawatannya secara rasmi sebagai Ketua Bahagian.

Perlantikan Dr Wahab sebagai pemangku Naib Ketua dan Shafei Omar sebagai pemangku Setiausaha juga dibantah kerana kedua-duanya bukan AJK Bahagian sebelum dilantik sebagai pemangku. Ini bercanggah dengan Fasal 13.6 Perlembagaan Umno. Dalam fasal ini, Perlembagaan Umno menyebut, jika ketua bahagian berhenti atau diberhentikan, maka timbalan ketua bahagian hendaklah dilantik sebagai pemangku ketua. Kalau timbalan ketua berhenti atau diberhentikan, yang dilantik sebagai pemangku hendaklah salah seorang naib-naib ketua. Kalau ia berlaku pada setiausaha, salah seorang AJK hendaklah dilantik sebagai pemangku setiausaha.

Sebelum ini, Tengku Mahmud dikatakan hanya merupakan Ahli Jawatankuasa Bahagian Setiu yang dilantik sahaja. Hasilnya, ramai ahli mempertikaikan kenapa dia pula yang dilantik sebagai pemangku Ketua Bahagian sedangkan di situ ada Timbalan Ketua Bahagian iaitu Wan Ibrahim Wan Osman. Kenapa tidak lantik Wan Ibrahim sebagai pemangku Ketua Bahagian sehinggalah pemilihan akan datang?

Menurut kenyataan Tengku Mahmud, mereka terpaksa meletakkan jawatan beramai-ramai kerana

keengganan Datuk Dr Yusof melepaskan jawatannya sebagai Ketua Bahagian Setiu. Ini menyusahkan pentadbiran dalam Umno Bahagian Setiu, kata Tengku Mahmud. Alasan mereka, sejak Dr Yusof menjadi Ahli Parlimen Besut, beliau jarang-jarang menghadiri mesyuarat Umno Bahagian di Setiu. Tugasnya dikatakan diserahkan kepada Timbalan Ketua Bahagian, Haji Wan Ibrahim.

Selepas Dr Yusof meletakkan jawatannya di Setiu, pihak akhbar melaporkan, Datuk Wan Zakaria, Ketua Umno Bahagian Besut berkata, beliau sedia melepaskan jawatan Ketua Bahagian Besut untuk memberikan laluan kepada Dr Yusof. Tetapi tidak beberapa hari selepas itu, beliau pula berkata tidak akan meletakkan jawatan sebagai Ketua Bahagian sekarang ini kerana ia hanya akan mengucar-kacirkan Umno Bahagian. Ini menjadikan semua pihak berada dalam dilema.

Sebenarnya, apa yang berlaku di Setiu adalah cetusan dari pergolakan politik yang melanda Umno Negeri Terengganu pada ketika itu. Ia jelas sebagaimana yang dibangkitkan oleh Pemuda Umno Terengganu sebelum ini sehingga mereka menganjurkan satu perhimpunan khas akibat dari pergolakan tersebut.

Di Terengganu sekarang, Umno terbahagi kepada dua kumpulan besar yang masing-masing mempunyai pengaruh tersendiri. Satu dipimpin oleh Wan Mokhtar sebagai Pengurus Badan Perhubungan Umno Negeri, dengan Tengku Mahmud Mansor (Setiausaha Perhubungan) sebagai dalangnya. Satu lagi diketuai oleh Datuk Dr Yusof Noor, Timbalan Pengurus Badan Perhubungan Umno Negeri dengan mendapat sokongan kuat dari kumpulan yang tidak senang dengan cengkaman kuat Tengku Mahmud terhadap perjalanan Umno Terengganu.

Dari segi bahagian, sebelum pemilihan 1993, Perhu-

bungan Umno Negeri hanya mampu menguasai sepuhnya tiga bahagian sahaja iaitu Marang (diketuai oleh Muda Mamat), Kemaman (Wan Mokhtar) dan Setiu (Tengku Mahmud). Tetapi selepas 1993, banyak bahagian kembali ke pihak Wan Mokhtar sepenuhnya termasuk Kuala Nerus.

Sebelum ini, Wan Mokhtar mempunyai masalah dengan lain-lain bahagian iaitu Kuala Terengganu (Bakar Daud), Dungun Awang Jabar), Kuala Nerus (Rashid Ngah), Hulu Terengganu (Ahmad Sidi dengan Timbalannya Datuk Alias Ali) dan Besut (Wan Zakaria tetapi dibayangi oleh Dr Yusof Noor).

Pergolakan di Setiu dikatakan bermula dari tindakan membuang Dr Yusof Noor dari bertanding di Setiu untuk diberikan kepada Tengku Mahmud Mansor. Sejak peristiwa itu, titik-titik hitam telah mulai merebak dalam Umno Terengganu. Ia ditambah pula dengan ura-ura Wan Mokhtar akan berundur atau akan dipaksa berundur kerana sudah terlalu lama menjadi Menteri Besar. Soalnya, selepas beliau berundur, siapa akan menggantikannya? Inilah yang menjadi perhatian umum.

Pada asalnya, difahamkan, Dr Yusof Nor bersedia untuk berundur dari Umno Setiu dan mengambil alih Umno Besut dari Wan Zakaria Abdul Rahman. Tetapi apabila persoalan survival politik hangat dibahaskan di negeri ini, fikiran Wan Zakaria dikatakan berubah.

Dr Yusof kemudiannya mula mempertikaikan, kenapa tempat beliau dipangku oleh Tengku Mahmud bukannya Timbalan Ketua Bahagian, Wan Ibrahim. Dari situ perhitungan politik mula berbangkit. Bagi Dr Yusof, Tengku Mahmud sengaja mahu mengusir beliau bagi membolehkannya menguasai Umno Setiu. Sedangkan, bagi Dr Yusof, apa yang berlaku bukan soal penyingiran. Ia

adalah soal perpindahan kawasan kerana beliau kini adalah Ahli Parlimen Besut.

Apabila perkara ini mula beliau sedari, (sudah pasti melalui mainan mereka yang berkepentingan), Dr Yusof dan pengikutnya mempersoalkan: Kenapa tempat beliau sebagai Ketua Umno Bahagian terpaksa dipangku sedangkan beliau tidak lagi berundur diri secara rasmi. Kalau beliau berundur mengapa pula Tengku Mahmud yang menggantikannya?

Pengikut Dr Yusof mempertikaikan kesahihan mesyuarat khas bahagian yang melantik Tengku Mahmud sebagai pemangku Ketua Bahagian. Ia disifatkan sebagai tidak menurut perlumbagaan. Bagi menyempurnakan penguasaan Umno Setiu oleh Tengku Mahmud Mansor, Wan Mokhtar dilaporkan oleh akhbar telah mengarahkan semua AJK yang ada termasuk Dr Yusof Noor meletakkan jawatan. Ini untuk membolehkan bahagian tersebut ditadbir oleh Perhubungan Negeri atas arahan Majlis Kerja Tertinggi Umno. Perlu juga diingat bahawa meletakkan Umno Setiu di bawah Perhubungan Negeri bermakna meletakkannya di bawah Tengku Mahmud Mansor kerana beliau dikatakan orang yang paling berkuasa di peringkat ini atas jawatan beliau sebagai Setiausaha Badan Perhubungan Umno Terengganu.

Setelah diadakan mesyuarat agung khas Umno Bahagia Setiu, ternyata Tengku Mahmud dan semua kabinet bayangannya di Setiu menang tanpa sebarang pertandingan. Yang menariknya, semua mereka yang mempunyai jawatan dalam kerajaan menerajui bahagian ini. Misalnya, Tengku Mahmud sendiri dilantik sebagai Ketua Bahagian tanpa bertanding. Mamat Ghazali Abdul Rahman telah dipilih sebagai Timbalan Ketua Bahagian dan Dr Abdul Wahab dipilih sebagai Naib Ketua Bahagian. Kedua-

duanya adalah anggota exco kerajaan negeri. Dengan ini bermakna, Tengku Mahmud menguasai Setiu sepenuhnya. Yang tinggal hanyalah jawatan Ketua Pemuda Bahagian yang disandang oleh Sulaiman Mat Yassin yang menunggu masa untuk jatuh.

Sebelum ini, beberapa timbalan menteri dari Terengganu terpaksa berundur untuk memberikan laluan kepada Tengku Mahmud. Ini kerana kouta untuk jawatan berkenaan di Terengganu hanyalah seorang menteri, seorang timbalan menteri dan seorang setiausaha parlimen sahaja.

KESIMPULAN

Setelah meneliti faktor-faktor di atas, didapati tekanan yang diterima oleh Menteri Besar terlalu berat. Ia ditambah pula oleh lamanya tempoh beliau menjawat jawatan tersebut di negeri ini. Soalnya sekarang, sekiranya Wan Mokhtar berundur, apakah Bakar Daud, Muda Mamat, Mamat Ghazali, Tengku Mahmud, Dr Yusof Noor atau pemimpin pembangkang seperti Tuan Guru Abdul Hadi Awang akan menjadi Menteri Besar. Rakyat yang akan menentukannya.

4

PERTEMBUNGAN UMNO DAN PAS APA AKHIRNYA NANTI?

Umno dan PAS mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Pada asalnya, dari satu segi, PAS boleh dikira sebagai sebahagian dari Umno. Namun begitu secara asasnya penubuhan PAS mempunyai kesinambungan sejarah dengan parti Islam sebelum itu, yang diharamkan, Hizbul Muslimin. Hizbul Muslimin ditubuhkan pada 14 Mac 1948 melalui satu perjumpaan rakyat di Sekolah Agama Al-Ihya Asy-Syarif di Gunung Semanggol, Perak. Penubahannya bermatlamatkan untuk mencapai kemerdekaan, membina satu masyarakat yang berdasarkan fahaman Islam dan mendirikan sebuah negara Islam.

Bagaimanapun usia Hizbul Muslimin tidak panjang apabila berlaku penahanan tujuh orang pemimpinnya semasa pengisytiharan undang-undang darurat pada 5 Jun

1948. Konfrontasi yang dicetuskan komunis pada awal tahun 1948 dijadikan alasan untuk mengisyiharkan darurat dan menangkap barisan pimpinan gerakan Islam ketika itu. Dalam hal ini, kepemimpinan Umno terselamat kerana sikapnya yang pro-penjajah dan kelicikan pimpinannya ketika itu, iaitu Dato' Onn Jaafar yang melabelkan Hizbul Muslimin sebagai "Red Islamic Party" serta melaungkan tentang wujudnya "bahaya dari gunung". Umno jelas menunjukkan permusuhan terhadap gerakan Islam dan penubuhan negara Islam pada peringkat awal lagi.

Umno mengambil kesempatan dari peristiwa ini dengan mengisi kekosongan dan menguasai politik Malaya ketika itu. Sementara itu, terdapat di kalangan bekas ahli Hizbul Muslimin ahli gerakan lain yang turut diharamkan British telah menyertai Umno, tetapi terdapat juga sebahagian dari mereka yang menjadi pemerhati sahaja terhadap perkembangan politik ketika itu. Umno yang menyedari pengaruh agama yang wujud di dalamnya telah memberi perhatian kepada keadaan ini dengan harapan supaya ia dapat mempengaruhi pemikiran dan hati masyarakat Melayu yang cenderung kepada Islam ketika itu. Justeru itu semasa mesyuarat agungnya yang ke-10 pada 24 April 1948, Umno telah melantik lima orang ahli jawatankuasa bagi mengurus dan merangka dasar penubuhan jabatan dan majlis agama di setiap negeri. Ini bukanlah hasrat sebenar parti itu tetapi elemen Islam tidak boleh diketepikan oleh mana-mana parti Melayu kerana orang Melayu cukup sensitif terhadap soal "agama". Seterusnya Umno telah mengesahkan piagamnya pada 11 dan 12 Mei 1948, salah satunya ialah tentang wujudnya Bahagian Hal-Ehwal Agama dan Pendidikan. Maka bermulalah persidangan-persidangan ulamak peringkat kebangsaan anjuran Umno melalui bahagian hal-ehwal agamanya, yang dipelopori oleh Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan.

Semasa persidangan pertama pada 21 dan 22 Februari 1950, bertempat di Bangunan Kelab Muar, Johor, yang dihadiri oleh 52 wakil-wakil rasmi dan 300 pemerhati, maka usul penubuhan Majlis Agama Islam telah diluluskan. Seterusnya pada persidangan kedua, bertempat di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1951, keputusan telah dicapai untuk menubuhkan satu persatuan alim ulama yang bebas dan tidak terikat dengan mana-mana pertubuhan. Akhirnya pada persidangan yang ketiga, bertempat di Kelab Melayu Bagan, Butterworth, Pulau Pinang pada 24 November 1951, Persatuan Islam Se Malaya - PAS telah menjadi kenyataan secara rasminya. Pendaftaran PAS diluluskan sehari sebelum hari penamaan calon (15 jun 1955) bagi pilihan raya pertama pada 27 Julai 1955. Pada muktamar parti, dari 25-27 Disember 1958, namanya ditukar kepada Persatuan Islam Se Tanah Melayu. Akhirnya pada tahun 1971 namanya ditukar dan kekal sehingga kini sebagai Parti Islam Se-Malaysia.

Seperti diketahui umum kedua-dua parti ini menjadikan orang-orang Melayu sebagai sasaran. Yang berbeza ialah komitmen Islam. PAS secara jelas dan nyata menjadikan Islam sebagai asas perjuangannya. PAS bercita-cita untuk melaksanakan Islam dalam pemerintahan negara. Bukti yang ditunjukkan oleh pimpinan PAS di Kelantan sewaktu menerajui kerajaan negeri, dengan menggubal undang-undang syariah atau lebih dikenali sebagai Hudud mencerminkan keikhlasan dan kesungguhan PAS itu. Umno meskipun tidak menentang Islam secara terang tetapi ia hanya menjadikan Islam sebagai bahan kosmetik bagi mencari pengaruh di kalangan orang-orang Melayu. Penolakan hukum Hudud yang dikemukakan oleh PAS dengan alasan yang tidak munasabah mendedahkan tembelang Umno yang sebenarnya. Rancangan penerapan nilai-nilai Islam yang dipopularkan oleh Anwar Ibrahim

kini seolah-olah kehilangan nafas. Ia dikemukakan ketika kebangkitan Islam di negara ini memuncak pada awal tahun 1980-an. Hasratnya ialah untuk mengempang sokongan majoriti pengundi Islam kepada PAS. Dari beberapa segi, nampaknya strategi ini berjaya.

Dari segi keahlian, PAS hanya menerima orang Islam tetapi keahlian Umno kepada penganut agama lain. Ia begitu ketara apabila Umno mengembangkan sayapnya ke Sabah, di mana parti itu kini bukan sahaja dianggotai oleh orang Kristian tetapi juga dipimpin oleh orang bukan Islam. Maknanya orang bukan Islam kini terbabit dalam menentukan dasar perjuangan dan kepemimpinan tertinggi Umno. Tentulah sesuatu yang ironi apabila Umno pernah menjadikan gabungan Semangat 46 dengan PBS, yang membentuk Gagasan Rakyat menjelang pilihan raya umum 1990 sebagai isu agama. Sekarang parti orang-orang Kristian di Sabah bukan sahaja diterima sebagai anggota komponen BN tetapi mereka diterima sebagai pemimpin Umno Sabah sendiri.

Namun begitu PAS tidak terikat dengan bangsa Melayu semata-mata. PAS menerima keahlian dari bangsa-bangsa yang lain, seperti Cina, India mahupun Kadazan, asalkan mereka beragama Islam. Sememangnya sebagai sebuah parti Islam PAS tidak pernah berkompromi dalam soal-soal yang membabitkan aqidah dan kejelasan dalam perjuangan. Percubaannya mendekati masyarakat bukan Islam menjelang pilihan raya umum 1986 meskipun disifatkan gagal namun ia telah memberi pengalaman yang cukup bermakna untuk menyusun strategi yang lebih mantap dan berkesan. Dalam politik Malaysia, untuk menguasai negara secara keseluruhan, amat sukar bagi mana-mana parti untuk menerajui kerajaan pusat sekiranya parti itu hanya bergantung kepada sokongan satu kaum atau bangsa sahaja. Dan rasanya kepemimpinan PAS amat sedar akan hakikat ini.

Dalam percubaan pertamanya pada tahun 1959, PAS berjaya merampas Terengganu dan Kelantan. Tetapi kerajaan PAS Terengganu tidak bertahan lama. Namun begitu PAS tetap menjadi saingan utama Umno, khususnya di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan di bahagian utara Perak dan beberapa kawasan di Pahang.

Selepas pilihan raya umum 1969, tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Umno melalui pemimpinnya, Tun Abdul Razak memujuk PAS agar bekerjasama dengan mereka. Hasilnya tertubuhlah kerajaan campuran antara PAS dengan Perikatan. Ia disusuli pula dengan PAS menyertai Barisan Nasional menjelang pilihan raya umum 1974.

Selepas PAS ditendang keluar dari BN pada tahun 1977, ekoran "memagerankan" kerajaan Kelantan, bermula semula episod pertembungan antara PAS dengan Umno. Kali ini pertentangan itu menjadi lebih serius dan melibatkan isu yang lebih mendasar. Perubahan kepemimpinan dalam PAS, bermula dengan perletakan jawatan Yang Dipertua Agung PAS, Almarhum Datuk Asri Muda, dan memantapkan konsep kepemimpinan ulamak dalam PAS, telah mewarnakan wajah baru dalam pertembungan PAS-Umno. PAS lebih menekankan soal aqidah dan prinsip perjuangan Islam. Ia tidak lagi bergantung kepada isu-isu semasa yang silih berganti. Berbagai tuduhan dan tohahan yang dilemparkan, antaranya pelampau, jumud, bersikap tertutup, pemecah-belah masyarakat dan pelbagai lagi imej buruk yang disandarkan kepada PAS. Secara jelas PAS menolak faham nasionalisme dan percubaan memberikan imej Islam kepada beberapa projek tertentu sedangkan pada hakikatnya ia masih dalam kerangka jahiliyah. Dalam era ini aspek ideologikal amat ditekankan sebagai usaha pemantapan PAS berdepan dengan perubahan baru itu. Di samping itu kesan revolusi Islam Iran 1979 begitu ketara sekali mempengaruhi pemikiran sebahagian besar aktivis muda PAS.

Melalui bab ini, kita akan membincangkan beberapa peristiwa penting pertembungan antara Umno dengan PAS di Terengganu dalam era tahun 1990-an ini.

TRAGEDI INSTITUT BERAKAN

Institut Berakan mula beroperasi pada 20 September 1976. Pendaftarannya diluluskan secara rasmi oleh Pejabat Pendaftaran Negara pada 16 Januari 1977. Penubuhannya dibuat berdasarkan kesungguhan untuk memajukan pendidikan Islam melalui sekolah swasta.

Contoh kejayaan Yayasan Anda Akademik yang ditubuhkan oleh ABIM pimpinan Anwar Ibrahim di Kuala Lumpur dan selepas itu pula Institut Sofa di Ipoh dan Institut An-Nur di Kota Bharu mempercepatkan penubuhan Institut Berakan. Tenaga penggerak utama Institut Berakan sejak ditubuhkan hingga sekarang adalah Ustaz Abu Bakar Chik dan Ustaz Abu Bakar Abdullah.

Semasa PAS berada bersama dalam kerajaan Barisan Nasional iaitu pada tahun 1976, Mesyuarat Exco Kerajaan Terengganu meluluskan sebidang tanah kerajaan untuk diduduki oleh Institut Berakan di Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu bagi dijadikan tapak kekal institut itu. Tetapi apabila PAS keluar dari BN, kelulusan Exco itu ditarik balik oleh kerajaan BN di bawah pimpinan Wan Mokhtar walaupun beliau juga yang menjadi Menteri Besar ketika meluluskan tanah itu dahulu.

Institut Berakan merupakan sebuah sekolah swasta yang paling berjaya di Terengganu. Purata pelajarnya adalah seramai 500 orang sebelum keputusan peperiksaan SPM diumumkan dan 900 orang apabila keputusan peperiksaan SPM dan STPM diisythihar. Kelulusan akademiknya amat membanggakan terutama dalam peperiksaan SPM. Ini

dicemburui oleh sekolah-sekolah swasta yang lain.

Selain kegiatan akademik, institut ini juga giat dalam kegiatan ko-korikulum. Kegiatan pelajarnya sentiasa rancak berjalan. Tetapi yang paling utama, sekolah ini diterapkan sepenuhnya dengan prinsip Islam dalam semua aspek. Budaya memakai tudung yang lengkap untuk ke sekolah telah dipelopori oleh sekolah ini. Justeru itu sekolah ini dianggap pusat melatih aktivis-aktivis PAS.

Apabila anggapan ini bertambah meluas, Institut Berakan mula menerima tekanan-tekanan dari Umno. Ia bukan sahaja diungkitkan dalam perhimpunan tahunan Umno dan sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu malah isu mengenainya pernah dibawa ke sidang Parlimen oleh wakil rakyat Umno. Akibat dari tekanan-tekanan ini, kerajaan Terengganu mula bertindak. Ia bertambah ketara selepas PAS berjaya dengan agak cemerlang dalam pilihan raya umum 1990.

Tindakan pertama yang dibuat oleh kerajaan negeri adalah pada 12 Januari 1991. Pada tarikh ini, kira-kira jam 5.00 petang sebuah bulldozer milik Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) telah dibawa ke sekolah itu untuk meruntuhkan sebuah bangunan tambahan yang dibuat bagi menampung bilangan pelajar yang bertambah dari masa ke semasa. Bagaimanapun, tindakan ini gagal kerana tindakan berani mati beberapa orang guru dan pelajar yang meniarap di bawah bulldozer tersebut. Ia menyebabkan operasi ini terpaksa dibatalkan.

Pada bulan Mac 1991, sekali lagi tindakan dilakukan ke atas Institut Berakan. Tindakan kali ini berjaya kerana pihak berkuasa menggunakan anjing polis untuk menghalang para pelajar dari mempertahankan bangunan sekolah itu. Musnahlah sebuah bangunan tambahan yang baru tiangnya sahaja siap didirikan.

19 November 1991 adalah titik hitam bagi sekolah swasta ini. Ini kerana pada tarikh berkenaan keseluruhan bangunan sekolah swasta ini berjaya dimusnahkan sama sekali. Operasi ini dilakukan dengan jayanya pada waktu dini hari iaitu kira-kira jam 4.00 pagi. Kerja-kerja awalnya dikatakan bermula jam 2.00 pagi lagi.

Untuk memastikan kejayaan memusnahkan sekolah yang berupa gedung ilmu ini, pelbagai agensi kerajaan telah diperalatkan. Sekatan jalan raya dibuat oleh polis dari pelbagai arah yang menuju ke sekolah ini.

Sesungguhnya hancur leburlah sebuah sekolah swasta yang banyak berjasa dan menghasilkan para pelajar yang dedikasi dan berakhhlak mulia. Kalau di Kelantan kerajaannya memusnahkan rumah-rumah yang dijadikan sarang maksiat di Jalan Hamzah, tetapi di Terengganu kerajaan negeri pimpinan Umno memusnahkan sekolah yang menjadi sarang ilmu di Jalan Sultan Omar. Kedua-duanya berlaku di atas tanah kerajaan. Inilah sistem nilai yang ada.

Cetusan peristiwa ini mengundang reaksi. Di pihak kerajaan negeri, Yang Dipertua MPKT, Datuk Abu Bakar Daud menafikan naskhah-naskhah al-Quran dibiarkan bertaburan di sebalik puing-puing kemusnahan Institut Berakan. Sebelum itu Bakar Daud menafikan anjing-anjing digunakan untuk menghalau para pelajar Institut Berakan ketika bangunan tambahannya diruntuhkan. Katanya, itu semua fitnah akhbar melalui mainan kamera (camera trick).

Di pihak PAS pula reaksi juga berbeza. Pemuda PAS Terengganu bercadang mengadakan demonstrasi besar-besaran bagi membantah tindakan kerajaan BN itu. Tetapi ia tidak berjaya diadakan kerana beberapa hal tertentu. Bagaimanapun, tidak lama selepas itu, sekumpulan pelajar-pelajar dari beberapa universiti di Kuala Lumpur telah mengadakan perhimpunan di depan bangunan Wisma Darul

Iman iaitu bangunan yang menempatkan pejabat Menteri Besar Terengganu. Hasilnya, satu memorendum diserahkan kepada Menteri Besar membantah tindakan merobohkan bangunan sekolah swasta itu.

Apa pun yang berlaku selepas itu, tragedi ini adalah manifestasi dari pertembungan antara PAS dan Umno yang semakin sengit. Umno menganggap Institut Berakan dijadikan pusat latihan PAS atau menurut istilah Umno pusat menanamkan babit penentangan terhadap kerajaan. Dengan itu Umno mencari saja jalan untuk memastikan Institut Berakan dapat dihancurkan.

Tetapi usaha Umno ini hanya berjaya sekadar meruntuhkan bangunan buruk Institut Berakan itu sahaja tetapi tidak Institut Berakan itu sendiri. Ia terbukti apabila itu ia tumbuh semula dengan menyewa di bangunan lain yang lebih baik lagi. Derma orang ramai yang bersimpati dengan sekolah ini juga datang muncurah-curah sehingga ke angka ratusan ribu.

PILIHAN RAYA KECIL BUKIT PAYONG

Pilihan raya kecil Bukit Payong berlaku akibat petisyen pilihan raya yang dibuat oleh seorang pengundi Umno di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu. Adalah dipercayai beliau adalah proksi kepada Umno.

Pilihan raya kecil ini telah diadakan akibat keputusan hakim Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu pada 1 Mac 1992. Penamaan calon telah diadakan pada 9 April dan pembuangan undi pada 21 April 1992.

Dalam pilihan raya umum 1990, calon PAS Ustaz Baharuddin Muhamad telah memenangi kawasan DUN Bukit Payong mengalahkan calon BN, Mazlan Awang dengan majoriti 17 undi.

Adalah dipercayai Umno yakin dapat merampas balik kerusi ini melalui pilihan raya kecil. Ini kerana Umno juga membuat petisyen pilihan raya ke atas DUN Tanggol yang dimenangi oleh calon Semangat 46, Tengku Seri Paduka Raja dengan majoriti 16 undi. Kalau tidak, mengapa mereka hanya membuat petisyen pilihan raya untuk kedua-dua kawasan yang dimenangi oleh pembangkang dengan majoriti yang kecil sahaja?

Para penyokong Umno seolah-olah sudah mengetahui keputusan petisyen pilihan raya yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi itu sebelum keputusan sebenar dibuat lagi. Ini berdasarkan persiapan pilihan raya lebih awal yang dibuat oleh Umno di kampung-kampung dalam kawasan DUN tersebut.

Pada asalnya, PAS yakin Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ahmad Fairuz tidak akan menerima petisyen tersebut. Alasannya isu yang dibangkitkan oleh pempetisyen tidak cukup kuat untuk membatalkan kemenangan PAS.

Antaranya, tindakan seorang Ketua Pusat Mengundi membenarkan isteri kepada seorang yang beliau yakin lumpuh mengundi. Beliau membuat tafsiran itu berdasarkan keadaan fizikal pengundi tersebut kerana beliau adalah seorang guru biologi di sebuah sekolah menengah. Dalam kes ini, bagi membuktikan pengundi itu benar-benar lumpur, pengundi berkenaan telah dibawa dengan pengusung ke mahkamah.

Perkara kedua yang dibangkit ialah tindakan seorang ejen membilang undi PAS telah memegang satu ikat kertas undi ketika waktu rehat. Tindakan ini mendapat bantahan. Untuk mengesahkannya semula, kertas yang dipegang itu dibilang semula. Didapati beza antara sebelum dan selepas kertas itu pegang hanya satu undi sahaja.

Berdasarkan kedua-dua fakta ini, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu, telah mengisyiharkan pilihan raya umum 1990 untuk DUN Bukit Payong batal. Ia amat menggemparkan institusi keadilan di negara ini.

Menurut hakim, tindakan ketua tempat mengundi yang membenarkan seorang pengundi mewakilkan isterinya mengundi kerana alasan beliau lumpuh tidak boleh diterima oleh mahkamah. Hujahnya, ketua tempat mengundi itu bukan doktor dan seorang doktor pakar tidak dirujuk terlebih dahulu sebelum membuat keputusan itu. Dalam kes memegang kertas undi oleh ejen PAS pula, hakim itu berkata ia tidak patut berlaku dan menjadi satu kesalahan.

Ketika hakim membuat keputusan itu, ia telah dicelah oleh peguam bagi pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Hujah peguam itu, terdapat peraturan dalam perjalanan pilihan raya di mana keputusan sesuatu pilihan raya tidak boleh dibatal kalau kesalahan yang terlibat tidak melibatkan satu bilangan undi yang cukup besar sehingga boleh mengubah keputusan pilihan raya itu. Dalam kes ini, hanya dua undi sahaja yang terlibat iaitu perbezaan jumlah undi selepas dan sebelum dipegang oleh ejen PAS dan undi pengundi yang didakwa lumpuh. Bagaimanapun hakim menolak hujah tersebut dan mengisyihar pilihan raya umum 1990 untuk DUN Bukit Payong batal dan tidak sah.

Hasil dari keputusan ini, peguam bagi pihak Bahardin yang juga Pengerusi Lujnah Undang-undang PAS, Haji Wan Mutualib Embong telah diwawancara khas mengenai keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu ini dan disiarkan oleh akhbar dwimingguan milik PAS, *Harakah*. Antaranya, beliau mencadangkan agar keputusan petisyen pilihan raya boleh dibuat rayuan di mahkamah yang lebih tinggi untuk mempastikan keadilan berlaku.

Walau apapun yang dinyatakan, keputusan hakim adalah muktamad. Tidak sesiapapun boleh membatalkannya kerana tidak ada peraturan dalam prosedur petisyen pilihan raya untuk membuat rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi.

Pada awalnya terdapat tanda-tanda bahawa PAS akan memulau pilihan raya kecil yang bakal diadakan itu. Bagaimanapun, mesyuarat Badan Perhubungan PAS Terengganu memutuskan PAS akan menyertai juga pilihan raya kecil itu. Satu jawatankuasa petugas pilihan raya ditubuhkan dan Timbalan Pesuruhjaya PAS Terengganu yang juga Pengurus Lujnah Politik dan Pilihan Raya PAS negeri, Haji Mustafa Ali dilantik sebagai pengarah pilihan raya kecil ini bagi pihak PAS.

Sebaik-baik sahaja mahkamah memutuskan pilihan raya tersebut batal dan tidak sah, berbondong-bondong anggota polis dari pelbagai cawangan masuk ke kawasan pilihan raya Bukit Payong. Seolah-olah satu gerakan peperangan sedang di susun di kawasan itu. Selain mendirikan khemah-khemah, balai-balai polis sementara turut disediakan di beberapa buah kampung di kawasan itu. Peristiwa ini menggemparkan penduduk kampung-kampung terbabit.

Mengikut kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, polis terpaksa dikerah ke kawasan itu hasil dari pengalaman pilihan raya 1990 yang menunjukkan para penduduk di sini ganas-ganas belaka. Antaranya, mereka dikatakan menghalang pengundi untuk membuang undi dalam suasana yang selamat. Katanya lagi, pihak polis dikerah bagi memastikan pilihan raya berjalan lancar.

Dengan kehadiran polis yang begitu ramai, ia benar-benar menjelaskan pergerakan jentera pilihan raya PAS.

Tetapi yang lebih besar lagi ialah mewujudkan suasana tertekan di kalangan para pengundi di sini untuk membuat pilihan dengan bebas.

Dalam satu kes di Kampung Atas Tol, seorang petugas PAS yang kebetulan tidak mempunyai lesen memandu yang sah ketika membawa motosikal telah diseret ke balai polis sementara. Dalam suasana jalan kampung tindakan seperti itu, sehingga menyeretnya ke balai polis, sedangkan ia boleh diselesaikan di tempat kejadian sahaja, keadaan akan bertambah tegang. Difahamkan mungkin timbul unsur-unsur ugutan dalam kes ini.

Selain dari kerahan polis dari pelbagai cawangan dan bersenjata lengkap itu, penggunaan seluruh jentera kerajaan oleh Umno dikesan berleluasa sekali. Antaranya Unit Perancanga Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Agama Islam, Kemas dan sebagainya.

UPEN digunakan melalui program anak angkat dengan kerjasama Persatuan Isteri-isteri Wakil Rakyat Terengganu (Serikandi). Pejabat agama pula digunakan dengan cara memberikan khutbah-khutbah khas di masjid-masjid dalam kawasan pilihan raya. Semua perkara tersebut dibangkit oleh PAS dalam petisyen pilihan raya yang difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu ke atas pilihan raya kecil itu.

Di hari penamaan calon yang diadakan di Dewan Majlis Daerah Marang, berbelas ribu anggota polis yang bersenjata lengkap telah ditempatkan di situ. Ia diketuai sendiri oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri (sekarang Tun) Hanif Omar. Tindakan ini dibuat seolah-olah mahu memberitahu kehadiran mereka di Bukit Payong sepanjang tempoh pilihan raya tersebut.

Dalam pilihan raya ini, kedua-dua parti yang bertanding iaitu PAS dan Barisan Nasional (BN) telah menamakan

calon mereka dalam pilihan raya umum 1990 sekali lagi. PAS diwakili oleh Haji Baharuddin Muhamad dan BN diwakili oleh Encik Mazlan Awang.

Semasa borang-borang pencalonan mereka dipamerkan tiada pihak yang membuat sebarang bantahan. Ini bermakna kedua-duanya akan bertanding secara satu lawan satu sebagaimana pilihan raya umum 1990.

Sepanjang kempen berjalan, sebagaimana pilihan raya umum 1990, isu agama menjadi persoalan utama. Antara isu yang dibawa oleh PAS adalah rancangan pelaksanaan syariat Islam termasuk hukum Hudud di Kelantan. Para penceramah juga menyebut besar kemungkinan rancangan ini akan disekat oleh Kerajaan Pusat.

Isu kematian Hassan Mamat yang didakwa berlakon lumpuh sebagaimana yang disebutkan dalam petisyen pilihan raya BN, yang meninggal dunia menjelang pilihan raya juga menjadi isu PAS. Isu ini nampaknya langsung tidak dapat dijawab oleh BN. Tetapi perkara yang sungguh memeranjatkan ialah apabila Datuk Seri Dr Mahathir ketika berucap di Johor Baharu menyebutkan bahawa Kerajaan Pusat akan memberikan keizinan sepenuhnya kepada PAS untuk melaksanakan hukum Hudud di Kelantan.

Pelbagai reaksi diberikan oleh pemimpin PAS dalam isu ini. Begitu juga para pengundi di Bukit Payong. Bagi Haji Mustafa Ali, Pengarah Pilihan raya PAS, kenyataan Dr Mahathir berupa kenyataan politik semata-mata untuk memancing undi di Bukit Payong.

Bagaimanapun di Kelantan, Menteri Besarnya, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar menyambut baik kenyataan tersebut. Bagaimanapun, tambahnya, beliau akan menunggu janji tersebut selepas pilihan raya kecil itu nanti.

Di pihak Barisan Nasional pula, kenyataan Dr Mahathir itu diterima dengan pelbagai reaksi. Antaranya menyifatkan kenyataan itu sebagai betapa BN juga mahukan Islam. Tetapi bagi sesetengah pihak pula melahirkan rasa kebimbangan mereka dengan kenyataan Dr Mahathir itu. Apakah beliau bersungguh mahu menyokong cadangan hukum hudud itu atau kenyataan politik sahaja? Bagaimanapun, kenyataan Dr Mahathir ini benar-benar memerlukatkan rakan-rakan politik BN. Antaranya, MCA dan Gerakan yang membantah sekeras-kerasnya cadangan jika semua anggota BN mesti memberikan sokongan kepada cadangan Dr Mahathir itu.

Di samping isu Hudud itu, BN juga nampaknya memainkan isu agama untuk terus menarik sokongan para pengundi. Penceramah yang dibawa dari Kelantan digunakan khusus untuk mengelirukan para pengundi di sini. Bagi mereka, tiada program Islam yang dijalankan oleh Kerajaan PAS di Kelantan.

TV juga memainkan isu yang sama. Antaranya, menyiarkan apa yang dinamakan sebagai "muda-mudi Kelantan juga mendapat peluang untuk menikmati hiburan seperti diskò di sana". Bagaimanapun di mana gambar diskò yang diambil tidak dapat dipastikan.

Isu dalam ceramah yang dimainkan nampaknya tidak memberikan kesan apa-apa kepada pengundi. Ini kerana pengundi tidak termakan oleh isu-isu lagi. Ini kerana di sekeliling mereka penuh dengan polis yang bersenjata lengkap. Para penduduk tempatan juga dikatakan kurang keluar rumah untuk mendengar sebarang ceramah. Mereka merasa tertekan untuk berbuat demikian. Yang memenuhi majlis-majlis ceramah adalah penduduk luar yang datang ke Bukit Payong untuk mengikuti ceramah politik. Inilah yang berlaku sehingga hari pengundian.

Akibat dari tekanan yang kuat ini juga, jentera pilihan raya PAS di kalangan penduduk tempatan juga dikatakan merasai tekanannya. Akibatnya mereka menjadi lebih pasif dan takut. Kegiatan mereka juga jauh terkebelakang. Misalnya, mereka meminta penceramah atau para pemimpin luar jangan masuk ke kampung mereka. Ini untuk mengurangkan tekanan. Bila pemimpin PAS masuk, serangan balas dari BN begitu kuat.

Apabila ini berlaku, jentera PAS sebenarnya tidak boleh bergerak lancar. Mereka tidak dapat bertemu dengan pengundi kerana penduduk setempat bimbang serangan balas Umno. Sedangkan, hampir setiap waktu jentera BN menemui para pengundi dalam pelbagai bentuk. Pegawai Risda, pegawai kemajuan, pegawai haiwan datang untuk memeriksa lembu dan ayam itik mereka. Akibat dari itu, hanya mereka yang betul-betul ahli dan penyokong kuat PAS sahaja yang kekal memberikan undi kepada PAS. Pengundi atas pagar, atau yang hanya pro-PAS, pro-Semangat 46 terpaksa mengundi calon BN, Mazlan Awang.

Seperti dijangka, apabila undi dikira, PAS kalah dengan majoriti 389 undi berbanding dengan kemenangan tipis dalam pilihan raya umum 1990 yang lalu.

PINDAAN PERLEMBAGAAN 1993

Sebagaimana krisis pindaan Perlembagaan 1983, krisis Pindaan Perlembagaan 1993 berakhir dengan raja-raja Melayu menandatangani juga pindaan Perlembagaan yang dikehendaki oleh Dr Mahathir. Walaupun ia ditandatangani selepas beberapa pindaan kecil, ia telah merakamkan satu sejarah baru dalam sistem perundangan di negara ini.

Kita boleh membuat kesimpulan bahawa dengan kekuasaan yang diberikan oleh rakyat, pihak pemerintah

mampu berbuat apa sahaja untuk mencapai matlamat mereka hatta dengan melanggar beberapa peraturan yang mereka gubal sendiri.

Ini bercanggah sekali dengan asas fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Terengganu pada tahun 1964 yang antara lain mengatakan "wakil rakyat hanyalah bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah di kawasannya sahaja dan kuasa pemerintahan sebenarnya terletak kepada raja-raja".

Terbukti sekarang bahawa kuasa sebenar terletak di tangan wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat termasuk kuasa untuk melanggar segala peraturan yang telah dibuatnya sendiri.

Sebagai sebuah parti Islam yang sudah berkecimpung dalam politik sejak sekian lama di negara ini, PAS telah mengambil sikap yang amat sederhana sekali dalam isu ini.

PAS tidak mahu terjebak dalam satu situasi yang serba tidak kena. Pengalaman menyokong raja-raja dalam isu pindaan Perlembagaan 1983 telah mengajar PAS terutama di Terengganu untuk menangani isu ini dengan berhati-hati sekali.

Ketika isu pindaan Perlembagaan 1983 memuncak, boleh dikatakan PAS secara terbuka berada di belakang raja-raja yang kononnya mahu menentang Dr Mahathir. Hinggakan PAS merestui keghairahan ahli-ahli dan para penyokongnya membuat perarakan besar-besaran ke istana bagi menyatakan sokongan kepada raja-raja Melayu.

Kemuncak dari perarakan itu adalah pembacaan satu deklarasi rakyat yang menyokong raja-raja dalam mempertahankan hak untuk meluluskan sesuatu undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. Ia dibaca oleh Tuan Haji Mokhtar Muhamad iaitu salah seorang pemimpin PAS di peringkat kawasan.

Bagaimanapun anggapan bahawa raja-raja mahu mempertahankan hak mereka ternyata meleset. Mereka akhirnya bersetuju dengan sedikit pindaan. Kesan yang diterima oleh PAS ketika itu juga cukup memberikan pengajaran. Orang yang membacakan deklarasi rakyat menyokong raja-raja yang kebetulan seorang jurunikah yang bertauliah telah ditarik balik tauliah nikahnya. Sultan Terengganu yang menandatangani surat penarikan balik tauliah sebagai jurunikah itu!

Sebagai parti Islam, nampaknya PAS berpegang teguh dengan ungkapan kata "seorang Islam tidak akan dipatuk oleh ular dua kali dari satu lubang yang sama."

Dalam isu Perlembagaan 1993, pada dasarnya PAS melahirkan sokongan secara terbuka bahawa tidak ada sesiapa yang kebal di dalam Islam. PAS juga tidak mahu kekebalan yang ada pada raja-raja dipindahkan kepada para pemimpin negara (eksekutif). Justeru PAS mengambil sikap tidak mengundi. Sikap PAS ini cukup dikesali oleh beberapa pihak yang inginkan PAS menyokong raja-raja Melayu melawan Dr Mahathir. Timbul persoalan dari beberapa pemimpin PAS, adakah benar raja-raja Melayu mahu berhadapan menyanggah kehendak Dr Mahathir atau sekadar acah-acah sahaja. Tidak mustahil berulang sejarah 1983 dahulu?


Misalnya Haji Mustafa Ali, Bendahari PAS Pusat yang juga Timbalan Pesuruhjaya PAS Terengganu ketika membentangkan kertas kerjanya di Seminar Pelaksanaan Ucapan Dasar yang dianjurkan oleh Lujnah Penerangan PAS Pusat di Madrasah Darul Taqwa, telah menegaskan sikap PAS itu. "Jangan-jangan, kita sahaja yang bersungguh menyokong raja-raja Melayu melawan Dr Mahathir. Mereka tidak mahu lawan pun," soal beliau. Inilah yang bermain di benak beberapa pemimpin utama PAS.

Kini terbuktilah sudah bahawa sikap berhati-hati PAS itu telah memberikan pulangan yang baik kepada parti itu. Jelas PAS menentang kekebalan baik pada raja mahupun Perdana Menteri dengan pelbagai akta yang digubal, antaranya ISA, Kanun Tanah Negara, Akta Rahsia Rasmi, Akta Mesin Cetak, Akta Universiti, hak pendakwaan jenayah kepada Peguam Negara dan sebagainya. Hanya kematangan berpolitik dan bertindak di atas landasan Islam yang sebenar tanpa banyak memikirkan kepentingan politik jangka pendek telah menyelamatkan keadaan.

Ramai pihak yang marah kepada Umno dalam isu ini dan bersetuju dengan sikap yang telah diambil oleh PAS. Ini menjadikan PAS satu-satunya parti yang berupaya membuktikan kepada umum bahawa ia adalah satu-satunya parti Islam yang tidak mudah tergoda dengan suasana dan mudah menangguk di air keruh sehingga sanggup menggadaikan prinsip Islam.



Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor disambut meriah oleh pelajar-pelajar sebuah pusat pengajian Islam di Kemaman. Gandingannya yang mantap dengan Tuan Guru Abdul Hadi diyakini dapat memberikan kesan positif kepada perkembangan PAS menghadapi cabaran abad ke-21




Timbalan Presiden PAS, Tuan Guru Abdul Hadi Awang melangkah penuh cermat dan tawadhuuk. Harapan rakyat Terengganu begitu tinggi terhadapnya. Begitu juga negara keseluruhannya.



Tokoh veteran PAS Terengganu, Ustaz Omar Shukri Embong ketika berucap sewaktu majlis perasmian bangunan PAS Dungun. Di sebelahnya, Pesuruhjaya PAS Terengganu, Ustaz Harun Taib. Turut kelihatan Ustaz Fadzil Mohd Noor dan Haji Mustafa Ali, Bendahari PAS Pusat.




Ustaz Harun Taib bersama Ketua Pemuda PAS Terengganu, Abdul Wahid Endut dan Haji Mustafa Ali. Manifesto siap dirangka, cuma menunggu perisytiharan Dewan Undangan Negeri Terengganu dibubarkan



Menteri Besar Terengganu, Wan Mokhtar Ahmad ketika majlis mengangkat sumpah Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu. Mungkin ini kali terakhir, ya, siapa tahu?




ADUN PAS Terengganu ketika berada di ruang legar sebelum majlis titah ucapan diraja bermula. Ia dirakamkan pada 9 Disember 1990. Keupayaan mereka disegani lawan dan kawan.



Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat bersama Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor dan Ustaz Harun Taib sewaktu seminar perlaksanaan ucapan dasar yang diadakan di Terengganu. Mungkinkah mereka berbincang tentang Operasi Tawan Terengganu?



Penggerak utama Semangat 46 Terengganu, Tengku Seri Paduka Raja, Tengku Ibrahim Ismail ketika mengangkat sumpah sebagai ADUN. Meskipun kerusinya di Tanggol dibatalkan namun semangatnya tidak pernah pudar.



Apa agaknya yang dibincangkan antara Wan Mokhtar Ahmad bersama Setiausaha Perhubungan Umno Terengganu, Tengku Mahmud Mansor. Bagaimana pula nasib Dr Yusof Noor? Dapatkah beliau menggantikan Wan Mokhtar atau Tengku Mahmud yang lebih diutamakan?



Walaupun sentiasa dihormati sebagai seorang ulama berwibawa namun Tuan Guru Abdul Hadi Awang tetap mesra bersama masyarakat kampung.

OPERASI TAWAN TERENGGANU

5

SEMANGAT 46 TERENGGANU **PELUANG MASIH TERBUKA**

Berikutan dari kekalahan dengan majoriti tipis, hanya 43 undi, Tengku Razaleigh Hamzah yang memimpin Team B Umno dalam perhimpunan tahunan parti itu pada 24 hingga 26 April 1987, ketika menentang Dr Mahathir Mohamed Umno telah berpecah kepada dua kumpulan utama.

Kumpulan yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh seolah-olah terkeluar dari parti itu akibat kekalahan tersebut. Ramai pengikut Tengku Razaleigh telah dicantas dari pentadbiran kerajaan walaupun mereka masih memenangi kerusi Majlis Tertinggi Umno 1987. Pengikut Tengku Razaleigh seolah-olah dilayan seperti penyokong parti pembangkang.

Kemudiannya, pada 13 Februari 1988, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang dihakimi oleh Datuk Harun Hashim pula memutuskan Umno adalah sebuah parti yang tidak sah kerana mengandungi cawangan-cawangan yang tidak daftarkan. Keputusan ini dibuat berikutan dari tindakan kumpulan 11 yang mendakwa Perhimpunan Umno 1987 tidak sah. Aneh sekali apabila pihak yang meminta Umno diharamkan ialah peguam bagi Dr Mahathir sendiri. Ia dilakukan kerana mereka takut jika perhimpunan itu dijalankan sekali lagi, peluang kumpulan Dr Mahathir-Ghafar Baba-Anwar Ibrahim akan tewas kepada kumpulan Tengku Razaleigh-Musa Hitam-Abdullah Ahmad Badawi.

Ekoran dari itu para pemimpin dan ahli-ahli Umno berada dalam dilema. Tunku Abdul Rahman melalui Datuk Suhaimi Kamaruddin telah mendaftarkan sebuah parti baru yang dinamakan Umno Malaysia bagi menggantikan Umno yang telah dimatikan oleh Dr Mahathir sendiri. Tetapi, ia telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan. Usaha Dr Mahathir mendaftarkan Umno 88 juga ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan.

Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamed, yang juga Menteri Dalam Negeri kemudian telah mendaftarkan Umno (Baru) bagi menggantikan Umno. Ia telah diterima oleh Pendaftar Pertubuhan dalam jangka waktu yang amat singkat, maklumlah Pendaftar Pertubuhan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selepas itu, seorang bernama Abdul Wahab telah mendaftarkan parti Semangat 46 di Selangor. Ia kemudiannya telah diterima oleh Pendaftar Pertubuhan dengan nombor pendaftaran 4512/89 (Selangor). Ia telah diluluskan menjelang pilihan raya kecil Teluk Pasu di Terengganu yang menjadi faktor besar perpaduan PAS dan Semangat 46.

Apabila Semangat 46 telah terdaftar secara rasmi walaupun tidak diusahakan oleh pemimpin Semangat 46 sendiri, nama itu telah digunakan oleh bekas pemimpin Team B Umno untuk dijadikan sebagai parti mereka. Bagaimanapun, ada sumber yang berkata, pendaftaran parti itu memang diusahakan oleh Tengku Razaleigh sendiri tetapi untuk mengurangkan tekanan, ia menggunakan nama orang lain.

Dalam konteks Terengganu, pertemuan pertama antara Tengku Razaleigh dan Datuk Rais Yatim dengan para pemimpin Team B di Terengganu telah memulakan pergerakan parti itu secara rasmi di Terengganu. Pertemuan yang telah diadakan di rumah Engku Mohsin Abdul Kadir di Kampung Tok Ris, Kuala Nerus pada tahun 1989 juga telah memulakan perkembangan Semangat 46 di Terengganu. Antara pemimpin peringkat negeri yang hadir pada ketika itu ialah Datuk Abdul Manan Othman, Datuk Zakaria Abdul Rahman, Ustaz Ibrahim Azmi Hassan dan Datuk Engku Mohsin sendiri.

Hasilnya satu jawatankuasa Semangat 46 peringkat negeri Terengganu telah dibentuk dalam pertemuan itu. Mereka yang terlantik adalah Datuk Abdul Manan Othman sebagai Pengurus Badan Perhubungan Negeri, Datuk Engku Mohsin sebagai Timbalan Pengurus dan Datuk Zakaria Abdul Rahman sebagai Setiausaha Perhubungan.

Selepas itu, Semangat 46 berkembang pesat di Terengganu dengan penubuhan bahagian-bahagian dan juga cawangan-cawangan Semangat 46 di seluruh negeri. Bahagian yang ditubuhkan dan ketua yang dipilih bagi memimpin setiap bahagian adalah seperti berikut:

1. Besut - Datuk Zakaria Abdul Rahman (1989-1993)
2. Setiu- Datuk Abdullah Jusuh (1989-1993)
3. Kuala Nerus- Ustaz Ibrahim Azmi Hassan (1989-1993)

4. Kuala Terengganu - Datuk Abdul Manan Othman (1989-1993)
5. Hulu Terengganu - Datuk Engku Mohsin Abd. Kadir (1989-1990) Tengku Seri Paduka Raja (1990-1993)
6. Marang - Ismail Mamat (1989-1990)
Megat Yahya Megat Othman (1990-1993)
7. Dungun- Datuk Mohd Adib (1989-1990)
Ustaz Ismail Haitamai (1990-1993)
8. Kemaman- Datuk Che Wan Abdul Ghani (1989-1990)
Tuan Syed Abd. Rahman Syed Akil (1990-1993)

Apabila Datuk Abdul Manan Othman dilantik sebagai Setiausaha Agung Semangat 46 Malaysia, Tengku Seri Paduka Raja telah mengambil alih tempat beliau selaku Pengurus Badan Perhubungan Semangat 46 Terengganu. Sebelum itu, Datuk Zakaria Abdul Rahman telah mengambil alih jawatan Timbalan Pengurus Perhubungan dari Datuk Engku Mohsin yang telah meninggal dunia.

Untuk jawatan Setiausaha Perhubungan pula, setelah Datuk Zakaria dilantik sebagai Timbalan Pengurus, jawatannya diambil alih oleh Cikgu Adam atau Mansor bin Sulong @ Ali sehingga kini. Ketua Wanita Semangat 46 Terengganu adalah Hajjah Engku Azah Epal manakala Ketua Pemudanya sekarang adalah Ramli Shaari yang menggantikan Encik Harun Ali yang terpaksa melepaskan jawatan itu kerana bertugas di Sabah.

ANGKATAN PERPADUAN UMMAH

Pertemuan antara para pemimpin PAS dengan para pemimpin Semangat 46 (pemimpin Team B pada ketika itu) secara terbuka bermula di Majlis Makan Malam Perpaduan yang dianjurkan oleh Dewan Pemuda PAS Pusat di Wisma Tabung Haji Kelana Jaya pada tahun 1988.

Antara para pemimpin yang hadir pada ketika itu adalah Yang Dipertua PAS Pusat, Ustaz Fadzil Mohd Nor, Ustaz Hassan Shukri, Haji Subky Latif dan juga Ustaz Halim Arshat bagi pihak PAS. Semangat 46 pula menampilkan tokoh-tokoh utamanya, iaitu Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Rais Yatim, Datuk Abdul Manan Othman dan lain-lain. Turut hadir ialah Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali dan seorang tokoh akademik, Prof Dr Jomo K.S.

Tujuan asal majlis ini adalah untuk memungut derma bagi mengisi tabung pemuda Dewan Pemuda PAS, yang ketika itu diketuai oleh Ustaz Halim Arshat. Namun hasrat yang tersirat akhirnya lebih menonjol. Tengku Razaleigh mempunyai hasrat yang besar untuk duduk bersama-sama dengan para pemimpin PAS bagi membincangkan keperluan bersama.

Pertemuan di majlis makan malam ini telah memberikan hasil yang sungguh besar dan amat berkesan dalam percaturan politik tanah air. Kalau sebelum ini, masing-masing "malu untuk bertegur sapa tetapi sebenarnya mahu", kini dengan pertemuan itu tembok itu telah berjaya dipecahkan.

Bagaimanapun, keadaan di Terengganu dan Kelantan pada ketika itu berbeza. Di Kelantan, Tengku Razaleigh dikira sebagai arkitek yang telah merobohkan kerajaan PAS Kelantan pada tahun 1977. Di Terengganu pula, sentimen yang lebih besar adalah soal kefahaman dan aqidah. Apakah boleh atau tidak bekerjasama dengan kumpulan yang tidak memperjuangkan Islam sebagai asas perjuangan mereka? Hasilnya para pemimpin PAS Terengganu dilihat seperti tidak begitu ghairah dengan pertemuan di Kelana Jaya itu dan kadang-kadang berbisik juga suara yang menentang pertemuan itu. Kebetulan pula, tiada seorang

pun pemimpin PAS Pusat dari Terengganu yang hadir dalam pertemuan itu.

Tetapi suasana berubah apabila datangnya pilihan raya kecil Teluk Pasu. Kerja kuat PAS dan Semangat 46 yang saling sandar menyandar dalam pilihan raya kecil ini telah mengikat PAS dan Semangat 46 apabila calon PAS, Ustaz Harun Taib memenangi pilihan raya kecil tersebut.

Selepas itu, usaha untuk mengikat perhubungan ini secara rasmi telah dibuat. Untuk itu, Hamim dan Berjasa juga dijemput duduk sama dalam apa yang dinamakan Angkatan Perpaduan Ummah atau singkatannya Angkatan. Tetapi, pendaftaran parti gabungan ini telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan dengan alasan ia hanya ada empat parti sedangkan syarat yang telah ditetapkan adalah tujuh parti.

Walaupun tidak berjaya didaftarkan, nama Angkatan telah digunakan secara meluas di mana-mana. Di Kelantan, setelah PAS dan Semangat 46 berjaya memenangi pilihan raya umum 1990, nama kerajaannya adalah Kerajaan Angkatan walaupun dinamakan oleh akhbar dan BN sebagai Kerajaan PAS Kelantan.

Di peringkat pusat, jawatankuasa penyelaras bersama dibentuk dengan mempunyai wakil dari kedua-dua belah pihak. Dalam konteks Terengganu, satu jawatankuasa penyelaras bersama peringkat negeri telah dibentuk antara PAS dan Semangat 46. Anggota jawatankuasa ini adalah:

1. Tengku Seri Paduka Raja (Pengerusi Bersama)
2. Datuk Abdul Manan Othman
3. Datuk Abdullah Jusuh
4. Datuk Zakaria Abdul Rahman
5. Ustaz Ibrahim Azmi Hassan
6. Cikgu Adam @ Mansor bin Sulong @ Ali

Bagi pihak PAS pula, ahli-ahlinya adalah:

1. Wan Abdul Mutualib Embong (Pengerusi Bersama)
2. Ustaz Husein Awang
3. Ustaz Kassim Ahmad
4. Ustaz Muhamad @ Harun Jusoh

Antara fungsi jawatankuasa ini adalah:

1. Menyelesaikan masalah yang timbul berhubung dengan perhubungan kedua-dua belah pihak.
2. Pembahagian kawasan pilihan raya.
3. Mengatur strategi pilihan raya bersama.
4. Menganjurkan program bersama.
5. Membincangkan manifesto bersama menjelang pilihan raya.
6. Bertukar-tukar maklumat, dan lain-lain lagi.

Jawatankuasa ini kekal aktif sehingga sekarang.

SEMANGAT 46 SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM 1990

Penyertaan buat pertama kali Semangat 46 dalam pilihan raya umum 1990 telah memberikan pukulan hebat kepada parti itu. Tidak sebagaimana prestasi PAS, setelah ditubuhkan tahun 1951, PAS berjaya dengan cemerlang dalam pilihan raya umum 1959 sehingga menawan Kelantan dan Terengganu. Bagaimanapun suasana jauh berubah dan perbandingan itu tidak begitu tepat untuk dikemukakan.

Semangat 46 menyertai pilihan raya umum 1990 untuk memerintah Malaysia. PAS juga begitu, tetapi ia lebih memberikan tumpuan untuk menguasai tiga negeri sahaja iaitu Kelantan, Terengganu dan Kedah. Dengan pengua-

saan ke atas tiga negeri ini, dan membuktikan kemampuannya untuk memerintah, pengaruh PAS lebih mudah untuk disebar ke seluruh negara.

Mungkin kerana ingin memerintah Malaysia, pembahagian kerusi yang dibuat antara Semangat 46 dengan parti-parti lain dibuat sedemikian rupa. Misalnya di Kelantan, kerusi Parlimen untuk Semangat 46 adalah tujuh manakala PAS hanya enam sahaja. Sedangkan untuk kerusi DUN, PAS mendapat kerusi yang lebih banyak dari Semangat 46. Ini kerana PAS mahu menguasai Kelantan dan negeri-negeri yang pengaruhnya agak kuat terlebih dahulu.

Di Terengganu fenomena yang sama berlaku. Tetapi oleh kerana kerusi Parlimennya genap, maka kedua-dua parti mendapat bilangan yang sama iaitu empat kerusi setiap parti. Di peringkat DUN, PAS mendapat peruntukan kerusi yang lebih besar dari Semangat 46 iaitu 16, Semangat 46 mendapat 15 dan Hamim satu kerusi. Bagaimanapun, di hari penamaan calon komposisi ini bertukar menjadi PAS 18 kerusi dan Semangat 46 sebanyak 15 kerusi.

Setelah keputusan pilihan raya diumumkan, Semangat 46 gagal memperolehi kerusi yang memuaskan. Ramai pemimpin tertingginya, selain Tengku Razaleigh, tewas dalam percubaan pertama kali sebagai pembangkang itu. Ya, bukan mudah menentang parti pemerintah yang memperalatkan segala-galanya termasuk membeli undi bagi mengekalkan kuasa. Semangat 46 juga gagal untuk memerintah mana-mana negeri yang ditandinginya kecuali bersama PAS di Kelantan. Sedangkan, ketika Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Joseph Pairin Kitingan mengumumkan akan memberikan sokongan kepada Tengku Razaleigh dan keluar dari BN menjelangnya pilihan raya itu, Tengku Razaleigh berkata: "Sekarang bukan soal untuk menafikan majoriti dua pertiga BN tetapi untuk memerintah negara."

Tindakan Tengku Razaleigh ke Sabah dan memakai pula sigah yang dikatakan berlambang salib, telah memberikan pukulan maut kepada Semangat 46 hatta kepada PAS sendiri. Umno menggunakan sepenuhnya isu itu secara meluas dan agresif untuk "membunuh" PAS dan Semangat 46. Badan-badan bebas dan orang-orang yang berpengaruh dalam masyarakat telah digunakan sepenuhnya untuk mengajak umat Islam menyelamatkan negara dari jatuh ke tangan orang yang dikatakan bersekongkol dengan Kristian. Sedangkan sigah tradisi kaum Kadazan itu sendiri pernah dipakai oleh Dr Mahathir ketika melawat Sabah satu waktu dahulu. Dan PBS yang dikatakan Kristian itu juga pernah menjadi anggota komponen BN sebelum itu. Malang sekali, pengundi Melayu amat mudah diruntun emosi mereka dengan propaganda murahan itu.

Hasilnya Semangat 46 kalah teruk. Ia juga memberikan kesan besar kepada PAS terutama di Kedah dan Perlis serta lain-lain negeri. Di Kedah, undi yang diperolehi PAS bersama Semangat 46 kurang daripada undi yang diperolehi PAS secara bersendirian pada tahun 1986. Ramai tokoh veteran Umno kembali aktif berkempen "untuk menyelamatkan maruah bangsa dari dikuasai Kristian." Cuma orang Kelantan sahaja tidak berganjak untuk terus menjatuhkan BN. Mungkin kematangan mereka dalam berpolitik dan ditambah kebencian terhadap Dr Mahathir yang begitu memuncak banyak membantu Angkatan.

Setelah gagal dalam pilihan raya, para penyokong termasuk para pemimpin Semangat 46 ramai yang dikatakan patah semangat. Datuk Rais mengambil keputusan untuk menyambung pelajaran di London, Datuk Harun Idris menyertai Umno, Puan Marina Yusof bersara dari politik, Datuk Paduka Hajjah Rahmah berura-ura mahu masuk Umno dan seterusnya menyertai parti itu, Marina Yusof juga bertindak keluar Semangat 46, Ibrahim Ali me-

lompat parti dan sebagainya. Tinggal Semangat 46 di Kelantan yang masih mampu bertahan kerana bersama-sama PAS memerintah Kelantan. Namun Datuk Rais yang kini selesai menyiapkan kajian Ph. D kembali bergiat cergas bersama tokoh S46 yang tidak jemu-jemu menempuh badai perjuangan, Tengku Razaleigh Hamzah. Diharapkan kajian Datuk Rais yang kini bergelar Dr Rais dapat dimanfaatkan oleh Semangat 46 dalam pilihan raya akan datang.

Bagaimana pula Semangat 46 di Terengganu? Di negeri ini, Semangat 46 agak berasib baik. Ini kerana, Pengetua Perhubungannya ketika itu, Datuk Manan Othman memenangi Parlimen Kuala Terengganu, Tengku Seri Paduka Raja menang di DUN Tanggol dan Setiausaha Perhubungannya, Cikgu Adam menang di DUN Bukit Tunggal. Bagaimanapun, kesan kegagalan parti itu untuk menguasai negara, atau sekurang-kurangnya memberikan saingan yang sengit di semua peringkat, amat jelas kepada para pengikut parti itu.

Namun begitu, Setiausaha Perhubungan Semangat 46 yang juga ADUN Bukit Tunggal, Cikgu Adam @ Mansor yakin kekuatan Semangat 46 di negeri ini tidak terjejas. Ia hanya mendatar sahaja. Tidak bertambah dan berkurang dari segi keseluruhannya. Bagi beliau di beberapa kawasan, Semangat 46 bertambah kuat. Misalnya di Hulu Terengganu. Ini kerana pengaruh yang ada kepada peribadi Tengku Seri Paduka Raja yang menjadi ADUN Tanggol dan juga Ketua Bahagian Hulu Terengganu.

Menurutnya, pengaruh di kalangan pemuda agak menurun sedikit. Ini kerana, apabila Semangat 46 gagal memerintah yakni sebagai parti pembangkang, banyak hajat golongan muda ini tidak mampu dipenuhi oleh para pemimpin Semangat 46. "Misalnya, sebagai orang muda mereka mahu aktif. Misalnya, mahu bersukan. Apabila

mereka mahu main bola, mereka perlukan bola, kasut bola dan juga bajunya. Apabila kita gagal untuk memenuhi kehendak mereka, sudah tentu mereka akan rapat dengan wakil-wakil rakyat BN yang mampu memenuhi kehendak mereka. Tetapi saya yakin, menjelang pilihan raya mereka akan kembali semula kepada kita. Ini sesuai dengan jiwa mereka sendiri," kata Cikgu Adam ketika ditemubual di rumahnya.

Sehingga kini, katanya, hanya dua orang pemimpin peringkat bahagian parti itu yang bersara. Datuk Muhamad Adib yang menjadi Ketua Bahagian Dungun telah keluar dari parti secara rasmi. Tetapi sehingga kini beliau tidak menyertai mana-mana parti lain. Di Kemaman pula, Datuk Che Wan Abdul Ghani telah meminta bersara dari Ketua Bahagian kerana uzur. Datuk Engku Mohsin Abdul Kadir bekas Ketua Bahagian Hulu Terengganu terus kekal dalam Semangat 46 sehingga akhir hayatnya. Beliau hanya berkrisis secara peribadi dengan Tengku Seri Paduka Raja, bukannya dengan parti.

Untuk masa sekarang, Semangat 46 banyak menumpukan kegiatannya kepada latihan perkaderan dan peningkatan kemampuan para pemimpinnya di semua peringkat. Boleh dikatakan setiap bulan parti itu mengajurkan latihan-latihan khas untuk para penggeraknya.

KESIMPULAN

Pakatan antara PAS dan Semangat 46 adalah pakatan yang dibuat berdasarkan kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain terutamanya apabila Semangat 46 menyatakan ia mahu menegakkan Islam sebagai ad-deen. Kedua-dua parti ini juga mengambil kata sepakat dalam banyak isu, khususnya berhadapan dengan kezaliman BN.

Sekiranya persefahaman kedua-dua parti ini tidak dapat berjalan dengan baik, Umnolah yang paling beruntung. Oleh itu segala masalah yang timbul antara kedua-dua pihak perlu diselesaikan secara yang bijaksana dan matang.

Bagi meyakinkan PAS, Semangat 46 perlu menjaga para ahlinya dengan baik. Jangan sampai mereka dianggap sama sahaja dengan Umno. Hubungan Semangat 46 dengan DAP juga memerlukan batasan yang wajar kerana peraturan politik di Terengganu amat sensitif dengan isu-isu seumpama itu. Kalau tidak, ia mungkin boleh memberikan kesan negatif kepada persefahaman politik yang mula menunjukkan keberhasilan yang positif itu. Dan begitu juga di pihak PAS kerana prestasi kedua-dua parti ini saling bergantungan di atas usaha sama masing-masing.

Di sebuah negeri yang pengundinya amat sukar menukar sokongan tradisinya terhadap mana-mana parti yang digemarinya, faktor Semangat 46 diharapkan dapat mengubah keadaan. Umum menyedari bahawa penyokong Umno lebih mudah untuk memberi undi kepada Semangat 46 daripada beralih kepada PAS, khususnya apabila tercetus isu-isu yang menguntungkan pembangkang. Mungkin Tengku Razaleigh perlu memberikan tumpuan yang agak istimewa kepada Terengganu terutama bila menjelang hari pengundian.

6

PERSEMPADANAN SEMULA KAWASAN PILIHAN RAYA UNTUNGKAN PAS?

Pada tahun 1992, persempadan semula kawasan pilihan raya telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Ia dijalankan berdasarkan peruntukan yang diberikan kepada SPR untuk membuat penilaian sempadan-sempadan kawasan pilihan raya dan juga kerusi-kerusi yang diperuntukkan bagi setiap kawasan pilihan raya, sama ada negeri atau Parlimen, setiap sepuluh tahun sekali. Bagaimanapun SPR telah menarik balik persempadan itu kerana kesilapan teknik. Besar kemungkinan akibat dari saman yang dibuat oleh DAP ke mahkamah yang mencabar kesahihan persempadan itu. Akibatnya, satu persempadan semula dibuat sekali lagi pada tahun 1993. Persempadan 1993 ini berbeza dengan 1992 dari beberapa

aspek tetapi prinsipnya sama sahaja dengan 1992 iaitu dari segi pertambahan bilangan kerusi bagi setiap negeri. Pindaan kepada persempadanan semula itu telah diluluskan oleh Parlimen dalam sidangnya bulan April 1994. Ia dijangka akan digazetkan sebelum Julai ini.

Terengganu tidak mendapat sebarang pertambahan kerusi sama ada Parlimen atau DUN walaupun keduukannya dari segi bilangan pengundinya hampir sama dengan Kelantan iaitu mempunyai purata pengundi kira-kira 41,000 bagi satu Parlimen.

Melalui keputusan pilihan raya umum 1990, analisis boleh dibuat terhadap kesan dari persempadanan semula kawasan pilihan raya ini. Ini kerana, kaedah pengiraan undi pilihan raya 1990 berdasarkan daerah-daerah mengundi bukannya secara berkelompok sesuatu DUN atau Parlimen. Persempadanan yang dibuat pula berdasarkan perpindahan daerah mengundi ke daerah mengundi.

Umno Terengganu melalui kerajaan negeri dan parti telah membuat kira-kira 30 bantahan ke atas draf pertama persempadanan semula yang dikemukakan oleh SPR itu. Apa tujuan bantahan ini dibuat oleh Umno dan BN tidak dapat diketahui. Ini kerana sudah menjadi rahsia umum bahawa SPR membuat persempadanan semula ini berdasarkan kepentingan parti yang memerintah atau dengan kata lain dibuat dengan restu parti yang memerintah terlebih dahulu. Yang pasti Umno di peringkat bahagian sangat marah dengan persempadanan pertama itu. Ini kerana ia seolah-olah dibuat untuk menjatuhkan tokoh-tokoh tertentu dalam Umno. Antara yang dikenalpasti adalah Datuk Abu Bakar Daud di Ladang. Mengapa kawasan beliau menjadi sasaran tidak diketahui. Mungkin ia ada kaitan dengan tokoh-tokoh tertentu di Terengganu yang

diketahui memegang kuasa politik Umno yang utama di Terengganu. Tokoh itulah juga dikatakan mempunyai pengaruh dan saluran yang baik kepada SPR.

Bagaimanapun, apabila semua ini terdedah, tiada apa lagi yang boleh dibuat. Kedudukan kawasan tokoh-tokoh Umno kembali kepada asal. Yang pasti hanyalah kawasan yang dikira cerah untuk Umno memenanginya kembali dari PAS dan Semangat 46 akan dirampas kembali. Kawasan tersebut adalah Bukit Payong yang dahulunya dimenangi oleh PAS dengan majoriti 17 undi dan Tanggol yang dimenangi oleh Semangat 46 dengan 16 undi.

Setelah bantahan demi bantahan dan perubahan demi perubahan dibuat ke atas persempadanan kawasan pilihan raya itu, didapati PAS terus "diberi" kemenangan di tujuh kawasan dari lapan kawasan DUNnya manakala Semangat 46 "diberikan" hanya satu DUN sahaja iaitu Bukit Tunggal.

Kawasan yang terus diberi kemenangan kepada PAS, menerusi persempadan semula ini, berdasarkan undi 1990, adalah Jabi (majoriti 1036 undi), Ru Rendang (majoriti 1026), Wakaf Mempelam (majoriti 1018), Batu Buruk (984) Bandar (871), Jertih (597) dan Manir (423). Kawasan yang dikekalkan di tangan Semangat 46 adalah Bukit Tunggal (majoriti 237 undi).

Kawasan yang diambil balik adalah Bukit Payong dengan kemenangan untuk BN 139 undi dan Tanggol yang bernama baru Ajil dengan kemenangan untuk BN sebanyak 938 undi.

Dari segi potensinya pula, terdapat 12 kerusi DUN yang dimenangi oleh BN dalam pilihan raya umum 1990 dahulu yang majoritinya kurang dari 1000 undi. Kerusi-kerusi DUN itu adalah:

Nama DUN	Majoriti
Bukit Payung	139
Kuala Besut	263
Kg Raja	340
Hulu Besut	514
Peng. Berangan	520
Kuala Berang	602
Teluk Pasu	631
Rantau Abang	739
Alur Limbat	784
Tepuh	900
Ajil	938
Sura	979

Selain itu, kawasan-kawasan DUN yang juga mempunyai harapan yang baik bagi pembangkang adalah Paka (1106), Batu Rakit (1353) dan Bukit Besi (1393).

SEJARAH KEBERKESANAN PERSEM PADANAN PILIHAN RAYA

Kajian ini dibuat berdasarkan keputusan pilihan raya umum dari tahun 1978 hingga kini. Ini kerana sejak tahun itulah, bermulanya era baru perkembangan politik negeri ini. Ia mempunyai bentuk yang tersendiri berbanding dengan sebelum tahun 1978.

Mengikut sejarahnya, pembangkang di negeri Terengganu akan mendapat kerusi yang berkurangan setiap kali pilihan raya selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya dibuat.

Pada tahun 1978, PAS telah kehilangan semua kerusi apabila pilihan raya diadakan selepas persempadanan

semula kawasan pilihan raya sebelum itu. Tetapi apabila pilihan raya diadakan selepas itu, iaitu pada tahun 1982, bilangan kerusi untuk PAS di negeri ini bertambah sehingga lima kerusi. Ini kerana, tiada persempadan dibuat sebelum pilihan raya itu.

Kerusi-kerusi itu adalah Marang (Tuan Guru Abdul Hadi Awang), Wakaf Mempelam (Haji Mustafa Ali), Jeram (Ustaz Abu Bakar Chik), Manir (Ustaz Harun Taib) dan Batu Burok (Haji Wan Mutalib Embong).

Bilangan kerusi untuk PAS berkurangan semula dalam pilihan raya tahun 1986 apabila persempadan kawasan pilihan raya dibuat sebelum pilihan raya ini. Pada tahun itu, kerusi yang dimenangi oleh PAS tinggal dua sahaja iaitu Wakaf Mempelam (Haji Mustafa Ali) dan Rhu Rendang (Tuan Guru Abdul Hadi Awang).

Selaras beberapa tahun persempadan pilihan raya berlalu, PAS kembali kuat dan berjaya menambahkan bilangan kerusinya sehingga lapan kerusi dan Semangat 46 mendapat dua kerusi. Turut dimenangi adalah dua kawasan Parlimen iaitu Marang (Haji Abdul Hadi Awang) dan Kuala Terengganu (Datuk Abdul Manan Othman - Semangat 46). Ia berlaku dalam pilihan raya 1990 yang lalu.

Kerusi-kerusi itu adalah Jertih (Ustaz Abdul Latif Muhamad-PAS), Jabi (Ustaz Zahari Muhamad-PAS), Manir (Ustaz Harun Taib-PAS), Tangkol (Tengku Seri Paduka Raja-S46), Bukit Tunggal (Haji Adam @ Mansor Ali-S46), Wakaf Mempelam (Muhamad Abdul Wahid Endut-PAS), Batu Burok (Wan Mutalib Embong-PAS), Bandar (Muhamad Harun Jusoh-PAS), Rhu Rendang (Tuan Guru Abdul Hadi Awang-PAS) dan Bukit Payong (Haji Baharuddin Muhamad-PAS).

Bagaimanapun, Haji Baharuddin tewas kemudiannya dalam pilihan raya kecil kawasan itu setelah Mahkamah

Tinggi Kuala Terengganu mengisyiharkan pilihan raya umum kawasan itu dahulu tidak sah.

Ada beberapa andaian dan sebab yang boleh dibuat mengapa setiap kali pilihan raya diadakan selepas perempadanan pilihan raya dilakukan, bilangan kerusi PAS akan sentiasa berkurangan. Antaranya adalah:

Pertama, sudah tidak menjadi rahsia lagi, apabila sesuatu kawasan perempadanan baru hendak dibuat, pihak SPR akan berbincang dengan kerajaan negeri yang ada atau dengan lebih jelas lagi dengan parti yang berkuasa dahulu.

Pihak parti yang berkuasa pula akan mewakilkan pakar-pakar dan strategis-strategis pilihan rayanya dalam perbincangan tersebut. Hasilnya, perempadanan yang dibuat adalah untuk memenangkan parti yang memerintah.

Kedua, jentera pilihan raya parti yang memerintah akan mendapat maklumat awal berhubung dengan kedudukan sempadan baru itu. Apabila ini berlaku, mereka dapat membuat kerja lebih awal untuk menghadapi pilihan raya, sedangkan parti pembangkang seperti PAS, terpaksa mengumpulkan maklumat kemudian setelah sempadan kawasan pilihan raya yang baru diumumkan.

Belum selesai maklumat dikumpulkan, pilihan raya umum telah dijalankan. Hasilnya, pembangkang khususnya PAS tidak sempat bersedia sepenuhnya untuk menghadapi pilihan raya tersebut. Maklumat yang penting dalam sesuatu pilihan raya adalah kedudukan pengundi dari segi sokongannya kepada parti-parti yang bertanding.

Umno biasanya mendapat khidmat para perisik kerajaan dalam hal ini termasuklah polis, Risda, Kemas dan juga Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang mendapat elauan dari kerajaan untuk menjalankan tugas itu.

Bagi PAS pula, jentera parti mereka sendiri terpaksa membuat penyelidikan dan culaan. Dengan kelengkapan yang serba kurang, proses yang dibuat berjalan dengan perlahan. Belum selesai culaan dibuat apabila perubahan sempadan baru dibuat, pilihan raya umum sudah diumumkan.

Tetapi dengan sistem kiraan undi dan teknologi maklumat yang moden sekarang, PAS tidak akan menghadapi masalah itu lagi. Yang perlu adalah membuat kerja dengan sistematik dan tidak bermusim.

Sekarang ini penilaian kekuatan sesuatu kawasan yang baru disempadankan mudah dibuat. Ini berdasarkan sistem kiraan undi yang mula diperkenalkan mulai pilihan raya umum 1990 yang lalu.

Mulai pilihan raya 1990, kaedah pengiraan undi dibuat mengikut daerah mengundi demi daerah mengundi di pusat pengundian itu sendiri. Ini bermakna, penilaian kekuatan dapat dibuat dengan melihat keputusan daerah mengundi tersebut.

Perpindahan atau perubahan sempadan juga dibuat melalui daerah-daerah mengundi bukannya seorang demi seorang. Bagaimanapun ini tertakluk kepada pendaftaran pemilih yang dibuat baru-baru ini. Kalau daerah mengundi setiap pengundi ditukar-tukar, nescaya kerja yang terpaksa dibuat oleh PAS bertambah banyak.

Dengan andaian pengundi akan kekal di daerah mengundinya yang asal, maka jentera pilihan raya parti pembangkang khususnya PAS dapat menilai kekuatannya bagi setiap kerusi DUN dengan mudah. Hasilnya, PAS tidak perlu menunggu pilihan raya yang kedua selepas persempadanan semula dibuat untuk mengatur strategi baru.

Jika ini betul-betul berjalan, impian parti pemerintah untuk mengaut keuntungan melalui persempadanan semula kali ini akan tinggal impian sahaja.

Di samping mendapat kemenangan percuma melalui kawasan-kawasan yang di'hadiah'kan, melalui penyusunan dan gerak kerja segera, PAS akan dapat menyusun strategi dengan cepat dan akan menguasai kawasan-kawasan yang dicraig-caingkan oleh SPR dengan bantuan Umno itu dengan mudah.

Mengapa dikatakan PAS boleh melakukan? Ini tentunya berdasarkan sejarah perkembangan politik di negeri ini sendiri. Kalau setiap kali pilihan raya yang kedua selepas persempadanan kawasan, PAS berjaya menambahkan kerusinya, mengapa PAS tidak mampu menambahkan kerusinya terus tanpa menunggu pilihan raya kedua kali ini?

Sekiranya faktor maklumat untuk menyusun strategi selepas persempadanan baru yang menjadi penghalang kemenangan PAS pada pilihan raya pertama selepas persempadanan semula, kini maklumat dapat diperolehi terus dengan teknologi maklumat yang ada. Ini ditambah pula dengan sistem kiraan undi yang dibuat melalui peti undi demi peti undi dan daerah-daerah mengundi. Dengan ini, ia akan memudahkan lagi pembangkang khasnya PAS menawan Terengganu dalam pilihan raya umum akan datang.

Keputusan pilihan raya untuk negeri Terengganu mengikut tahun

Tahun	PAS (Pembangkang)	BN
1978	0	26
1982	5	21
1986	2	30
1990	10	22

OPERASI TAWAN TERENGGANU

7

MAJLIS DAERAH KEMAMAN LAWAN PERWAJA

Pada pertengahan Disember 1993, negara dikejutkan dengan satu tragedi yang menyayat hati apabila sebuah kondominium mewah di Taman Hillview Hulu Klang tumbang. Ia telah mengorbankan lebih 50 mangsa dengan dua orang sahaja dari mangsanya selamat. Akibat dari tragedi ini, semua lapisan masyarakat di negara ini telah membincangkan peri pentingnya mematuhi segala peraturan dalam pembinaan sesuatu bangunan atau binaan bagi mengelak kejadian sebegitu berulang.

Tetapi, negara ini juga telah dikejutkan dengan isu pelanggaran syarat pembinaan yang dilakukan oleh Perwaja Steel Sdn Bhd dalam projek pembinaan 650 unit rumah untuk pekerja mereka di Kemaman yang dikatakan

bernilai RM20 juta. Hasilnya kekecohkan berlaku antara Perwaja dengan Majlis Daerah Kemaman (MDK) di mana MDK tetap dengan ketegasan mereka tidak mahu meluluskan pembinaan itu sehingga mereka menukar pelan pembinaan mereka. MDK mengugut akan meruntuhkan rumah separuh siap itu kalau pelannya pembinaannya tidak dipinda. Pertelaghanan mereka ini heboh seluruh negara. Ramai yang memuji keberanian Yang Dipertua MDK, yang juga Ketua Pemuda Umno Terengganu yang baru dilantik, Ahmad Said dalam menangani isu ini.

Dalam pertelaghanan itu, negara dikejutkan lagi dengan kenyataan Menteri Besar Terengganu yang baru pulang dari luar negeri bahawa "isu itu telah selesai". Begitu hebatkah Menteri Besar ini sehingga boleh menyelesaikan isu yang panas ini dengan begitu mudah? Ramai yang beranggapan ia diselesaikan dengan "menyapu sampah ke bawah permaidani yang tebal di pejabat Menteri Besar itu".

Inilah mentaliti Menteri Besar Terengganu, sentiasa bermain dengan kaedah *play safe*. Pastikan segala masalah dapat "diselesaikan" sekarang ini, biar dengan apa cara sekalipun. Untuk masa akan datang, biarlah orang kemudian selesaikan. Padahal apa yang diungkitkan oleh MDK dalam isu ini amat nyata. Pelanggaran syarat yang dibuat oleh Perwaja begitu jelas sekali. Semua masalah ini akan dihadapi oleh MDK kalau ia tidak diselesaikan sekarang.

Masalah yang paling ketara adalah penyeliaan kawasan perumahan yang dicadangkan itu. Ini kerana ia dibina di sempadan antara negeri Terengganu dan Pahang. Soalnya, setelah selesai nanti, siapakah yang akan menyeliakan kawasan perumahan ini? MDK atau pihak berkuasa tempatan dari negeri Pahang?

Begitu juga dengan struktur pembinaan kawasan perumahan ini. Ia jelas akan menimbulkan masalah apabila hujan turun. Air dari kawasan perumahan ini akan mengalir dan berkumpul di jalanraya utama Kemaman - Pahang dan ia dengan mudah mengakibatkan banjir ke atas jalan itu. Apabila ia berlaku, siapakah yang akan susah nanti?

Begitu juga dengan sistem perparitan. Ia tidak mengikuti spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Bangunan Seragam 1984 yang dikuatkuasakan.

Selain dari itu banyak lagi masalah-masalah yang dijangkakan oleh MDK akan berlaku melalui pembinaan projek perumahan yang tidak mengikut spesifikasi akta ini. Tetapi nampaknya, Menteri Besar lebih senang untuk menjaga Eric Chia yang rapat dengan Perdana Menteri dari menguatkuasakan peraturan yang ada.

Bagi melihat dengan lebih jauh isu ini, saya perturunkan balik tulisan Haji Subky Latif yang disiarkan oleh akhbar *Harakah* untuk manfaat pembaca buku ini:

Ahmad Said mungkin tidak begitu terkenal di luar Terengganu sebelum ini tetapi selepas dia dipilih oleh Tan Sri Rahim Tamby Chik menjadi Ketua Pemuda Umno Terengganu, dia memulakan kerja-kerja untuk menjadikan dia terkenal.

Dia sekarang seolah-olah sedang berperang dengan Tan Sri Eric Chia, boss Perwaja yang sangat digeruni oleh tokoh-tokoh Umno dan pegawai tinggi kerajaan Terengganu. Jika dulu pegawai takutkan raja kerana raja ada imuniti, tetapi Umno dan pegawai sekarang terasa kekebalan yang ada kepada raja dulu semacam sudah ada kepada Eric Chia. Ada orang terasa bahawa Eric Chia macam sesetengah anak raja sebelum kekebalan raja dilucutkan.

Anak raja dulu kononnya boleh buat ikut suka, pegawai kerajaan tak berani tegah dan bantah. Sekarang Eric pula yang bina perumahan di sempadan Terengganu-Pahang tanpa tunggu kelulusan Majlis Daerah Kemaman (MDK) yang Ahmad Said pengurusinya. MDK telah memaklumkan kepada Perwaja supaya menghentikan kerja yang hampir siap tetapi boss Perwaja diberitakan sebagai berkata yang projek itu tidak diberhentikan.

MDK sekarang berhajat untuk bertindak, antaranya tidak akan mengeluarkan sijil kelayakan menduduki (CF). Ini bererti sesiapa yang akan mendudukinya tidak akan mendapat bekalan elektrik dan air.

Perumahan itu adalah untuk petugas Perwaja. Sebelum itu sudah ada pemaju yang memohon hendak memajukannya. Kononnya untuk para pekerja Perwaja. Ia belum diluluskan. Tiba-tiba boss Perwaja mendirikan rumah di atas tanah yang ada pemiliknya. Mengikut rancangannya tanah-tanah yang berhampiran akan digunakan secara buat dahulu dan kemudian baru ikut peraturan.

Antara tanah itu adalah tanah anak yatim. Harta anak yatim penting dilindungi oleh pihak yang berkuasa. Menceroboh harta anak yatim berat hukumnya dalam Islam. Kerajaan yang tidak melindungi harta anak yatim adalah kerajaan yang tidak bertanggungjawab.

Ada ura-ura MDK hendak kenakan denda RM250 setiap sehari kepada pemaju kerana melanggar peraturan itu. Pemaju tidak takut menghadapi denda kerana kekayaan yang ada kepada Perwaja yang sanggup membayar hatta RM25 ribu atau RM50 ribu. Tetapi siapakah yang hendak menanggung beban menceroboh harta anak yatim jika benar antara tanah tadi milik anak

yatim? Harta anak yatim tidak sama dengan denda. Mbenarkan denda samalah dengan bersubahat menjual harta anak yatim.

Segala denda yang tinggi yang dijelaskan oleh Eric Chia masuk kepada MDK, bukan dibayar kepada anak yatim. Umno sekarang terpaksa memilih antara wang atau anak yatim.

Kawasan yang diceroboh itu terletak dalam bahagian Umno yang Wan Mokhtar, Menteri Besar Terengganu, menjadi ketuanya. Adalah mustahil Menteri Besar itu tidak tahu pembinaan dalam kawasannya. Di sinilah BPR mesti masuk untuk menentukan bagaimana kejadian tidak ikut peraturan itu boleh berlaku. BPR jangan menunggu aduan. Jika polis cawangan khas boleh mengintip dan menahan orang di bawah ISA tanpa aduan, maka BPR patut masuk dan antaranya mendapatkan penjelasan Wan Mokhtar bagaimana Eric Chia boleh meneroka tanah itu tanpa pengetahuannya?

Eric Chia juga mesti ditanya, adakah ia dipersetujui secara diam-diam oleh Menteri Besar? Adakah Pegawai Daerah Kemaman tidak mengadukan hal itu dari awal apabila setinggan kelas atas itu masuk ke kawasan itu?

Jika ia berlaku di Jepun, Menteri Besar mesti meletakkan jawatannya. Selepas itu dia mesti hadir dalam penyiasatan. Wan Mokhtar mesti memberitahu bahawa jika dia tahu dan tidak bersubahat, apakah sebabnya dia tidak menghalang? Adakah kerana Eric Chia anak emas Perdana Menteri, maka dia tidak berani menghalang Eric Chia? Para pemimpin Umno Terengganu tidak teragak-agak untuk menghadapi anak raja yang baru kehilangan kekebalan, tetapi merasa takut untuk menghadapi Eric Chia, rakyat biasa yang ada imuniti.

Ramai orang Umno merasakan Ahmad Said, wakil rakyat Kijal, menggali kubur sendiri apabila berlawan dengan Eric Chia. Cara itu samalah dengan cara Saddam Huseim melawan Amerika. Yang binasa adalah Saddam, bukan Bush atau Amerika. Ahmad Said adalah orang Umno yang tidak begitu dikenali oleh Dr Mahathir. Eric Chia adalah orang harapan Dr Mahathir. Ramai orang melihat Eric Chia sebagai bayangan Dr Mahathir. Ada yang beranggapan apa yang Eric buat samalah dengan apa yang Dr Mahathir buat. Adakah apa yang Dr Mahathir buat sama macam dengan apa yang Eric buat?

Orang-orang Umno dan pegawai-pegawai tidak berani menghalang Eric kerana Eric adalah orang yang mencerminkan budi perkerti Dr Mahathir walaupun dia bukan ahli Umno. Mungkin mereka tidak senang dengan Eric tetapi memandangkan Dr Mahathir begitu rapat dengan Eric, maka mereka takut pandangan Eric terhadap mereka yang disampaikan kepada Dr Mahathir akan menjadikan mereka orang Umno kucing kurap nanti.

Reaksi sesetengah orang Umno terhadap Ahmad Said yang hendak berhadapan dengan Eric Chia adakah masa depan Ahmad Said dalam Umno akan habis apabila tempoh yang ada ini akan berakhir. Kata mereka, siapa Ahmad Said hendak mempertikaikan orang kepercayaan Dr Mahathir.

"Mencari nahas," ujar salah seorang tokoh Umno Terengganu. Ia seolah-olah tahu Eric bertindak umpama setinggan tetapi tidak ada yang berani buka mulut kerana takut tindakan politik yang akan mereka terima.

Hanya Ahmad Said yang baru jadi Ketua Pemuda Umno Terengganu yang berani. Itu pun dalam keadaan mahu mengenakan denda. Denda boleh dibayar. Memang Umno lebih berminat menjaga duit. Tetapi anak yatim? Ia

adalah masalah anak yatim itu sendiri. Kita akan sama-sama melihat cara mana Ahmad Said hendak menghadapi orang Dr Mahathir di Kemaman itu. Dan cara mana orang Kemaman yang tanah mereka terlibat mendapat pembezaan?

Tulisan Haji Subky itu disiarkan oleh *Harakah* pada 7 Januari 1994. Selepas tidak sampai dua bulan iaitu dalam bulan Februari, Perwaja mendapat perintah mahkamah bahawa MDK tidak berhak menghalang pengeluaran CF untuk perumahan Perwaja itu. Eric Chia berkata, Perwaja tidak salah dan MDK juga tidak salah. Hanya kesilapan teknik sahaja berdasarkan pentafsiran kepada undang-undang yang berasingan.

Keputusan itu memang telah dijangkakan. Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek telah berkata beberapa hari sebelum mahkamah membuat keputusan bahawa langkah Perwaja patut dicontohi kerana menyediakan kemudahan perumahan untuk kakitangannya. Ia berkata demikian dalam satu majlis Perwaja di Gurun.

Projek itu terus melanggar akta yang digunakan oleh MDK dan MDK hanya dapat memandang sahaja. Ramai yang menunggu bilakah Ahmad Said muhul meletakkkan jawatannya sebagai Penggerusi MDK ekoran kemenangan Perwaja itu. Beliau nampaknya terus mahu bersembunyi terutamanya dari orang surat khabar.

Ramai juga yang yakin, keputusan mahkamah itu akan dikenalkan oleh Mahkamah Agung nanti walaupun kes itu dirayu ke mahkamah berkenaan.

OPERASI TAWAN TERENGGANU

8

TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ GUGAT WAN MOKHTAR

P erkembangan yang berlaku di Kelantan sejak negeri itu di tadbir oleh Angkatan Perpaduan Ummah dan dipimpin oleh Menteri Besar Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat benar-benar memberi kesan yang mendalam ke atas peraturan politik Terengganu. Sememangnya dari segi komposisi penduduk dan pengaruh agama dalam kehidupan harian, Terengganu mempunyai banyak persamaan dengan Kelantan. Dan banyak perkara yang selama ini dianggap igauan sahaja kini telah menjadi kenyataan. Ia dibuktikan oleh pentadbiran kerajaan negeri Kelantan yang dipimpin oleh seorang ulamak itu.

Dalam bab ini saya akan membincangkan beberapa program Kerajaan Angkatan di Kelantan yang sangat mem-

beri kesan kepada perkembangan politik Terengganu. Program Kerajaan Kelantan itu antara lain ialah penghapusan semua premis judi di Kelantan, peraturan memakai pakaian yang menutup aurat dan bersopan, dasar terbuka program pembangunan, pembinaan pajak gadai Islam ar-Rahn, penyusunan semula penggunaan minuman keras, Pergau, pengiktirafan ke atas pegawai kerajaan dan yang terakhir adalah lulusnya Rang Undang-undang Jenayah Syariah (II) yang lebih dikenali dengan Hukum Hudud oleh banyak pihak.

PENGHARAMAN JUDI DI KELANTAN

Selepas beberapa bulan sahaja mentadbir negeri Kelantan, kerajaan negeri yang dipimpin oleh Menteri Besar, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat telah memutuskan bahawa semua lesen premis judi di Kelantan hendaklah ditarik balik oleh pihak berkuasa tempatan. Ini bermakna, semua kedai judi seperti Empat Nombor Ekor, Toto dan Big Sweep tidak lagi boleh beroperasi di Kelantan.

Kalau selama ini, alasan yang selalu diberikan oleh Kerajaan Terengganu adalah bahawa bidang kuasa yang terhad dan keperluan orang bukan Islam menyebabkan ia tidak boleh dilaksanakan. Soalnya Kelantan telah membuktikan bahawa ia boleh dilakukan dengan kuasa yang diperuntukkan di peringkat negeri. Apa yang perlu adalah keazaman politik (political will) yang tinggi berdasarkan amanah untuk menjalankan tuntutan llahi di muka bumi ini. Selama ini orang beranggapan sesebuah kerajaan negeri tidak boleh berbuat apa-apa ke atas judi kerana lesennya dikawal oleh kerajaan pusat. Tetapi mereka tidak sedar bahawa lesen premis kedai judi itu dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Melalui peruntukan inilah Kerajaan Negeri Kelantan bertindak menghentikan lesen premis kedai-kedai judi ini. Tanpa kedai judi, Toto dan Empat Nombor Ekor tidak boleh beroperasi lagi. Bagaimanapun, kerajaan negeri menghadapi sedikit masalah dengan operasi judi Big Sweep kerana perniagaannya tidak memerlukan kedai. Cukup dengan sebuah meja dan sebuah kerusi sahaja, operasinya dapat dijalankan. Namun begitu, ia tidak begitu meluas kerana masyarakat Kelantan sudah terdidik dengan bencikan judi ini. Sesungguhnya aspek mendidik rakyat membenci kemungkaran amat ditekankan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Hasilnya begitu kecil sekali bilangan penjual kertas judi Big Sweep ini yang berani melanggar peraturan. Lagipun tuan kedai yang membenarkan premis mereka digunakan untuk menjual kertas judi ini menghadapi masalah dengan pihak berkuasa tempatan. Akhirnya operasinya terjejas dengan amat teruk sekali. Pucuk pimpinan kerajaan negeri pula telah mendapatkan kerjasama polis untuk menyelesaikan gerai judi tanpa lesen premis ini. Hasilnya, amat sukar benar untuk melihat kertas-kertas judi Big Sweep dijual di negeri ini.

Bagaimanapun, selagi ada kemahuan di situ ada jalan. Begitulah yang berlaku kepada kaki-kaki judi di Kelantan. Dengan bantuan beberapa orang pemandu teksi dan dengan kerjasama beberapa buah kedai makan orang bukan Islam, judi Toto dan Empat Nombor Ekor dijual secara berselindung di negeri Kelantan. Dengan menggunakan pemandu teksi yang berulang alik dari Kota Bharu ke Terengganu, tiket-tiket judi ini dibeli. Pekan Jertih yang bersempadan antara Kelantan dan Terengganu telah menjadi sumber tiket judi.

Isu ini telah dieksplor oleh para pemimpin Umno bahawa kononnya Kerajaan Kelantan gagal menghapuskan

judi. Hujah mereka berdasarkan ada rakyat Kelantan yang membeli tiket judi di Terengganu. Bagi saya, fenomena ini tidak sewajarnya dijadikan isu. Tanggungjawab Kerajaan Kelantan telah dilaksanakan sedaya yang mungkin dalam perkara ini. Yang bertambah beban dosa dan tanggungan adalah Kerajaan Terengganu. Bukan sekadar menanggung beban dosa rakyatnya yang berjudi di negerinya bahkan juga menanggung dosa rakyat Kelantan yang berjudi di negerinya. Sepatutnya pemimpin Umno merasa malu dengan perkembangan yang berlaku di mana kaki-kaki judi menjadikan negeri yang dikuasai Umno untuk memuaskan hawa nafsu mereka.

Oleh kerana tekanan judi ini amat berat, Menteri Besar Terengganu telah berjanji akan menutup semua kedai judi ini satu persatu. Beliau membuat kenyataan ini sebagai tindak balas tekanan yang beliau terima selepas Kelantan menghapuskan judi. Kenyataan beliau dikuatkan lagi oleh penegasan ahli Exco Kerajaan Tempatan yang berkuasa ke atas lesen-lesen premis judi ini, Datuk Muda Mamat. Beliau mengumumkan semua lesen judi akan dihapuskan secara beransur-ansur mulai tahun 1992. Tetapi sehingga tahun 1994, bilangan kedai judi di Terengganu tetap kekal bilangannya, tidak berkurangan. Yang berubah adalah tempatnya beroperasi. Sebuah kedai judi Toto telah ditutup di Kuala Berang Terengganu dijadikan isu bahawa kedai judi mulai ditutup satu persatu. Sebenarnya punca penutupan kedai itu adalah kerana perniagaan judi di situ tidak laku dan tidak ekonomik lagi untuk diteruskan. Jadi taukenya menutup cawangan itu dan dipindahkan ke bandar Kuala Terengganu kerana beliau masih memiliki lesen kebenaran membuka cawangannya yang dikeluarkan oleh Pusat. Saya difahamkan, kebanyakannya lesen ini diperolehi melalui MCA yang berada dalam Barisan Nasional dan Umno Terengganu tidak dapat berbuat apa-apa.

Tindakan Kerajaan Pusat menekan kerajaan Sarawak yang telah membuat keputusan menghentikan pengeluaran semua lesen judinya di negeri itu amat menarik sekali untuk diperhatikan. Kebetulan Ketua Menteri Sarawak, Tun Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud adalah Presiden Perkim selepas kematian Almarhum Tunku Abdul Rahman. Beliau sedar ramai rakyatnya bankrap moral dan kesusilaan kehidupan kerana judi ini. Tetapi keputusan Kerajaan Sarawak itu tidak mendapat restu dari Pusat. Akibatnya, keputusan itu terpaksa ditarik balik oleh Sarawak kerana tekanan Kuala Lumpur.

Dalam sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu April lalu, Dewan diberitahu bahawa premis judi yang diberikan lesen di Terengganu terus kekal 16 walaupun dikatakan ia mahu dikurangkan satu persatu. Jelas Umno Terengganu gagal menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbirannya meskipun ia diterajui oleh seorang yang mendapat pendidikan khusus dalam bidang agama. Nyata sekali Umno Terengganu sanggup melihat rakyat negeri itu dilanda kemerosatan akhlak dan tempang kehidupan sosial mereka.

PERATURAN BERPAKAIAN

Langkah Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan peraturan menutup aurat amat berkesan dalam usaha menyekat gejala keruntuhan moral di kalangan para wanita Kelantan. Lagipun ia memang suatu tuntutan Islam. Kejayaan perlaksanaan usaha mulia ini banyak berkait dengan budaya hidup masyarakat tempatan dan komitmen yang tegas dari pimpinan kerajaan negeri terhadap kesantuan dan kerukunan dalam kehidupan sehari-hari.

Semua pelajar perempuan di Kelantan dan Terengganu pada dasarnya memakai pakaian yang menutup aurat apabila mereka masuk sahaja sekolah menengah. Tidak kira sekolah agama atau aliran biasa. Hasilnya satu budaya wujud di kalangan mereka iaitu budaya memakai tudung terbawa-bawa sehingga mereka berhenti sekolah, sama ada selepas gagal di tingkatan tiga atau lima. Bagaimanapun, kebiasaan memakai tudung ini terpaksa mereka langgar apabila mereka mahu mendapatkan pekerjaan terutama di pasaraya atau kilang-kilang tertentu. Pasaraya atau kilang ini biasanya mempunyai pakaian seragam tersendiri. Oleh kerana tuan punyanya kebanyakannya bukan beragama Islam, maka corak pakaian seragam yang mereka gunakan juga bukan berteraskan pakaian orang Melayu yang beragama Islam. Kebanyakannya baju blaus dengan midi, yang tentunya tidak menutup aurat.

Inilah tahap pertama yang menyediakan di mana anak-anak gadis yang mahu memulakan hidup mereka di alam pekerjaan ini membuang tudung kepala yang mereka pakai sejak dari bangku sekolah lagi. Mereka terpaksa akur dengan peraturan berpakaian itu untuk membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan bagi menyara hidup dan membantu meringankan bebanan keluarga. Oleh itu, kesan yang paling besar bagi saya kepada peraturan berpakaian yang menutup aurat ini adalah kepada pekerja pasaraya dan sesetengah kilang ini. Apabila peraturan ini dikuasakan oleh kerajaan negeri, semua pekerja wanita Melayu dimestikan memakai pakaian yang menutup aurat.

Di Terengganu, keadaan sebaliknya berlaku. Para pekerja pasaraya kekal dengan pakaian tidak menutup aurat. Mereka terpaksa membuka tudung untuk membolehkan mereka bekerja di situ. Kalau tidak sanggup berbuat demikian peluang pekerjaan itu nescaya terlepas. Rasa malu dan segan terpaksa dilempar jauh-jauh kerana kerajaan

negeri pimpinan Umno tidak melihatnya sebagai isu yang perlu diperbetulkan. Akibatnya, hanya sesetengah dari mereka yang sanggup bekerja di pasaraya. Seorang guru semasa saya di bangku sekolah dulu selalu berpesan kepada rakan-rakan sekelas kami, khususnya wanita, agar dapat elakkan diri dari bekerja di pasaraya. Selepas tamat sekolah, saya bertemu dengan beliau semula dan bertanya mengapa beliau berpesan demikian. Beliau menjawab imej yang ada pada pekerja pasaraya ini tidak baik kerana pakaian yang mereka pakai. Tidak sopan, katanya.

Bagi melihat apakah benar para pekerja pasaraya ini sememangnya senang dengan pakaian mereka itu, semasa kursus kewartawanannya di Terengganu baru-baru ini (Januari 1994) saya telah mengarahkan lima orang pelatih saya membuat tinjauan ke atas para pekerja pasaraya. Ia dijadikan sebagai sebahagian daripada tugas kursus mereka. Untuk setiap pelatih, saya minta bertemu dengan lima orang responden iaitu pekerja wanita pasaraya, pekerja lelakinya dan juga pelanggan mereka.

Hasil tinjauan itu amat menarik sekali untuk direnung. Kami dapati hampir kesemua pekerja pasaraya ini tidak senang dengan pakaian seragam yang dipaksakan ke atas mereka. Tetapi untuk membolehkan mereka bekerja, peraturan yang menekan itu terpaksa dituruti. Beberapa orang dari mereka mahukan pakaian yang menutup aurat dibenarkan. Ada juga antara mereka yang meminta agar sekurang-kurangnya mereka dibenarkan berbaju kurung. Ia agak lebih sopan, kata salah seorang dari responden itu. Ketika ditanya mengapa mereka berpandangan begitu, dua orang dari mereka menjawab, mereka dipandang serong oleh lelaki, kononnya mereka mudah digoda. Beliau mengakui ada antara rakan sekerja yang goyah iman mereka terjerumus ke kancan yang tidak diredhui agama. Tetapi sebahagian besar dari mereka amat gembira kalau

dibenarkan memakai pakaian yang lebih sopan, sekurang-kurangnya berseluar panjang dan berbaju labuh. Pandangan para pelanggan juga begitu: Alangkah sopannya kalau para jurujual wanita itu berpakaian yang lebih sopan.

DASAR TERBUKA PROGRAM PEMBANGUNAN

Sebaik sahaja Umno kalah teruk di Kelantan, Kerajaan Pusat telah menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) untuk menyelaraskan semua projek pembangunan yang dibuat oleh Pusat di Kelantan. Penubuhan JPP ini, walaupun dikatakan akan mewujudkan kerajaan dalam kerajaan di Kelantan, Tuan Guru Menteri Besar dalam ceramah-ceramahnya bersikap terbuka dan berlapang dada. Beliau telah menerima baik kedatangan JPP ini di Kelantan dengan mengambil sikap positif. Bagi beliau, kedatangan JPP akan menguntungkan lagi rakyat Kelantan dan mempercepatkan lagi pembangunan di Kelantan. Ini kerana, dua kerajaan, negeri dan pusat, akan berebut-rebut membuat pembangunan di Kelantan. Siapakah yang akan untung dalam perebutan ini? Tidak lain dari rakyat Kelantan sendiri. Sesungguhnya "kelebihan" ini tidak akan dapat dirasai oleh rakyat di negeri-negeri lain yang dikuasai BN.

Hasilnya, pembangunan infrastruktur amat cepat berjalan di Kelantan. Kerajaan negeri dapat melaksanakan dengan baik segala projek-projek kecil di kampung-kampung. Seorang juruteknik JKR yang saya temui mengakui, walaupun orang kata tiada projek pembangunan di Kelantan tiga tahun kebelakangan ini, beliau terasa lebih sibuk dari tahun-tahun sebelumnya. Ini kerana banyak projek yang terpaksa beliau uruselia dan laksanakan.

Bagi projek-projek besar, Kerajaan Pusat akan melaksanakannya melalui JPP. Jalan Peringat ke Melor akan men-

jadi dua lorong tidak lama lagi. Sebelum ini Perdana Menteri datang sendiri ke Kelantan merasmikan Jambatan Pasir Mas - Salor. Semuanya untuk kemudahan rakyat.

Apakah rakyat Terengganu merasa bahawa negeri mereka cepat membangun kerana berada di bawah kerajaan negeri dari parti yang sama dengan kerajaan pusat. Saya rasa tidak begitu. Bagi Kuala Lumpur, Terengganu tidak perlu dirisaukan. Ia negeri selamat. Sama ada projek pembangunan dilaksanakan atau tidak, ia tetap selamat. Seorang rakan memberitahu, Menteri Kewangan yang juga Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berkunjung ke Terengganu awal tahun 1994 telah menolak beberapa permohonan kerajaan negeri. Antaranya untuk membina Jambatan Kuala Ibai. Ini kerana jambatan itu perlu diperbesarkan untuk diselaraskan dengan pembesaran jalan raya yang menghubungkan Kuala Terengganu dan Marang. Alasan penolakannya ialah tiada peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Apakah Anwar akan menolak permohonan yang tidak sampai RM3 juta itu kalau beliau merasakan Terengganu tidak selamat bagi BN? Sudah tentu tidak. Bagi Anwar, walau apa pun yang berlaku, Terengganu negeri BN. Tidak perlu gopoh-gapoh dan letakkan sahaja ia di senarai yang lebih bawah. Banyak projek lain yang lebih utama bagi memastikan BN tetap dipilih rakyat dalam pilihan raya akan datang.

Selain projek jambatan itu, Kerajaan Pusat juga sehingga ke hari ini masih tidak meluluskan projek pembangunan Pulau Bidong. Kata Tan Sri Wan Mokhtar, Kuala Lumpur tidak meluluskan peruntukan untuk projek berkenaan. Rakan saya itu menambah, Anwar dipercayai akan meluluskan juga projek itu kalau Menteri Besar pergi berjumpanya dan merayu beliau agar meluluskan projek itu dengan alasan ia begitu penting buat survival Umno Terengganu. Katakan saja alasannya: kalau tidak lulus juga

projek ini, pembangkang akan menjadikannya isu menjatuhkan Umno. Masalahnya sekarang, apakah Tan Sri Wan Mokhtar akan berbuat begitu kepada Anwar. Saya rasa tidak.

Bagaimana pula kalau dalam pilihan raya akan datang pembangkang dapat menguasai Terengganu. Atau sekurang-kurangnya, pembangkang dapat menawan Terengganu dengan majoriti mudah. Saya yakin Kuala Lumpur tidak lagi akan mengabaikan projek-projek pembangunan di Terengganu. Saya yakin Terengganu akan diberi keutamaan sebelum terlambat, sebelum Terengganu menjadi "Kelantan kedua".

PAJAK GADAI ISLAM

Idea penubuhan pajak gadai Islam telah disuarakan oleh Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, sejak awal beliau diberi amanah memegang teraju pentadbiran negeri Kelantan lagi. Ia semakin banyak diberi penekanan oleh beliau sekembalinya beliau dari melawat Iran pada tahun 1992. Beliau mencadangkan suatu skim mendapatkan wang dengan cara mencagarkan barang kemas ini dijalankan di masjid-masjid dan ditadbir oleh pihak masjid. Ini untuk membolehkan umat Islam mendapatkan wang tunai dengan mudah agar perkembangan ekonomi dan kehidupan mereka berjalan dengan baik. Bagi beliau penduduk miskin di kampung-kampung terlalu bergantung kepada pajak gadai yang ada. Oleh itu satu alternatif yang Islamik perlu dicari.

Hasil dari itu, Permodalan Kelantan Berhad (PKB) telah menghantar satu kertas cadangan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan berhubung dengan cadangannya menubuhkan pajak gadai Islam pertama di negeri dan

dinamakan Ar-Rahn. Kertas itu dengan mudah diluluskan dan dilaksanakan oleh PKB kemudiannya iaitu sekitar bulan Mac 1992.

Sebelum itu, Kerajaan Terengganu telah menubuhkan apa yang dinamakan Muassasah Gadaian Islam. Bagaimanapun, ia lebih berbentuk badan kebajikan berbanding dengan Ar-Rahn. Ia tidak berbentuk komersial dan tidak akan mampu berdikari. Sedangkan Ar-Rahn adalah sebuah badan perniagaan.

Setelah beberapa bulan beroperasi, Ar-Rahn mula mendapat perhatian dari banyak pihak. Hasilnya, beberapa pihak telah datang mengkaji operasinya untuk dilaksanakan di tempat-tempat lain termasuklah Bank Rakyat yang kemudiannya melaksanakan sistem yang sama di seluruh negara dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) dan lain-lain pihak terutama majlis-majlis agama Islam negeri.

Kesan kejayaan pelaksanaan Ar-Rahn ini telah memberikan imej yang sangat baik kepada kerajaan negeri pimpinan Angkatan. Ini kerana, tuduhan-tuduhan bahawa PAS tidak tahu mentadbir dan pandai bercakap sahaja sudah terjawab dengan sendirinya.

PENYUSUNAN SEMULA PENGGUNAAN MINUMAN KERAS

Pada penghujung tahun 1992, kerajaan Kelantan telah diserang habis-habisan oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung dengan apa yang dikatakan permohonan kerajaan Kelantan melalui Majlis Daerah Pasir Mas untuk menjual arak di kawasan bebas cukai Pekan Rantau Panjang.

Sebelum ini, pendirian kerajaan Kelantan mengenai arak adalah jelas iaitu haram untuk umat Islam tetapi tidak boleh disekat orang bukan Islam untuk meminumnya. Ia berbeza dengan judi yang tidak dibolehkan kepada orang Islam dan juga orang bukan Islam. Hasilnya, penjualan arak terus dibenarkan tanpa mengusik lesen-lesen menjual arak yang ada.

Hasil dari kekecohan yang dibawa oleh Umno itu, kerajaan negeri mempunyai alasan yang kukuh untuk menyusun semula penggunaan arak. Justeru itu satu peraturan baru telah dirangka dan mula dikuatkuasakan mulai Julai 1993. Antara peraturan baru itu adalah:

1. Lesen penjualan arak dikurangkan dari 49 kepada 38 dan kemudiannya dikurangkan kepada 19 secara berperingkat-peringkat.
2. Arak tidak boleh diminum di tempat awam tetapi diberikan beberapa pengecualian.
3. Arak tidak boleh dijual secara bercampur dengan lain-lain barang, contohnya, tidak boleh dijual di pasaraya.
4. Semua kedai makanan untuk orang bukan Islam dibenarkan menjual arak.

Apabila peraturan ini dikemukakan kepada orang ramai, MCA telah mengambil satu tindakan yang sangat mengejutkan. Mereka merancang satu Pesta Minum Arak di Dewan Perhimpunan China Kota Bharu bagi membantah peraturan tersebut. Akibatnya, Umno lah yang banyak mendapat kesan negatif kerana MCA adalah sekutu Umno dalam BN. Umno dianggap tidak menjelaskan kepada parti kerabatnya tentang sensitiviti umat Islam di negara ini. Timbalan Presiden MCA, Lee Kim Sai yang kebetulan Menteri Kesihatan telah mendapat tekanan paling hebat. Ini kerana Pesta Arak tersebut dirancangkan ketika kemen-

terian beliau melancarkan kempen cara hidup sihat ke seluruh negara. Konsep Pesta Arak dan Kempen Cara Hidup Sihat amat bertentangan antara satu sama lain. Dengan itu tekanan terhadap MCA dapat dari segenap arah. Akhirnya, MCA mengambil keputusan membatalkan Pesta Arak itu.

Kesan peraturan baru ini kepada kerajaan Kelantan amat besar. Bukan sahaja umat Islam menyokong tindakannya, malah Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) memberikan sokongan terbuka kepadanya. Bahkan CAP telah membantu kerajaan negeri dalam kempen menjauhkan rakyat dari arak. Selaras dengan itu, tiada lagi iklan-iklan jualan arak di Kelantan secara yang terbuka.

Bagaimana dengan Terengganu? Kerajaan pimpinan Umno ini ditekan hari ke hari agar menurut jejak langkah Kelantan. Bagaimanapun, kerajaan Terengganu nampaknya tidak berminat. Kedai-kedai tempat minum arak terus bercambah di sekitar bangunan Plaza Perdana Kuala Terengganu. Satu persatu *coffee house* yang menyajikan arak tumbuh dengan suburnya. Antaranya ialah *Apollo House*, *Viena* dan pelbagai nama lagi.

PERGAU DAN KENYIR

Pergau kini hangat diperbincangkan. Akhbar-akhbar di Britain terus menjadikan bekas Perdana Menteri British, Margaret Thatcher sebagai sasaran kecaman, yang dikatakan terlibat dalam meluluskan projek Pergau itu. Ia dikatakan mempunyai kaitan dengan perjanjian pembelian senjata British oleh Malaysia yang melibatkan wang RM5 bilion ringgit.

Bagaimanapun, dalam percaturan politik tempatan itu ini tidak menjadi agenda politik yang penting. Kontroversi yang timbul adalah antara kerajaan British dengan kerajaan

Malaysia. Yang lebih penting ialah kejayaan Kelantan mendapatkan pampasan RM117 juta dari Kerajaan Pusat melalui projek Pergau itu. Ia diperolehi oleh Kelantan dalam keadaan Menteri Tenaga Telekom dan Pos, Datuk S Samy Vellu pernah menegaskan, Kelantan tidak akan mendapat pampasan walaupun RM1 juta.

Soalnya sekarang, setelah Kelantan mendapat RM117 juta melalui Pergau, berapakah yang diperolehi oleh Terengganu melalui projek Kenyir? Sehingga kini tidak ada mana-mana pihak yang memberitahu berapakah pampasan yang diberikan oleh Tenaga Nasional kepada kerajaan Terengganu apabila berpuluh-puluh hektar tanah rakyat Terengganu tenggelam menjadi tasik Kenyir. Inilah persoalannya.

PENGIFTIRAFAN TERHADAP KEWIBAWAN PEGAWAI KERAJAAN

Antara langkah awal yang dibuat oleh kerajaan Kelantan selepas ditadbir oleh Angkatan adalah mengiktiraf kakitangan kerajaan dan memberikan kebebasan yang selayaknya untuk mereka menjalankan tugas. Campur tangan politik dikurangkan kecuali perkara-perkara dasar atau yang membabitkan polisi kerajaan negeri.

Sesuai dengan polisi inilah maka semua jawatan Yang Dipertua Majlis-majlis Daerah di Kelantan telah diserahkan kembali kepada Pegawai Daerah atau Ketua Jajahan di Kelantan. Ia satu langkah yang memberikan gambaran betapa kerajaan negeri mengiktiraf sepenuhnya peranan pegawai kerajaan dan memberikan keyakinan kepada mereka untuk sama-sama menjalankan amanah.

Inilah yang sedang diperhatikan oleh para kakitangan kerajaan di Terengganu sekarang. Apakah mereka mahu

kekal dengan apa yang ada atau mahu bebas merdeka menjalankan amanah mereka kepada rakyat sesuai dengan kepakaran mereka? Atau terus dikongkong oleh orang-orang politik yang kadang-kadang hanya pandai bercakap tetapi sebenarnya tidak tahu apa yang mereka cakapkan?

Terdapat dua sikap yang diambil oleh kakitangan kerajaan di Terengganu sekarang. Pertama, menurut apa yang diperintahkan walaupun bertentangan dengan apa yang dipelajari dan difahami oleh mereka selama ini. Ini dilakukan untuk survival mereka. Golongan ini, kalau mereka mampu, mereka akan habiskan banyak masa di padang-padang golf: "Buat apa kerja berat-berat dan berfikir panjang-panjang kalau apa yang dibuat tidak dihargai orang."

Golongan kedua adalah golongan yang agak sedar mengenai perkara ini dan tidak sanggup menerimanya. Mereka bertindak melalui pelbagai kaedah. Antaranya membantu PAS agar berjaya memimpin negeri ini dan seterusnya memerdekaikan mereka sebagaimana yang dirasai oleh rakan-rakan mereka di Kelantan. Soalnya sekarang, berapa ramai golongan kedua ini? Apakah komitmen mereka digerakkan secara sistematik dan tersusun? Apakah ia cukup untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Umno dengan menjulang kerajaan pimpinan Angkatan yang akan membawa kesejahteraan kepada rakyat Terengganu.

RANG UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH (II) ATAU HUDUD

Rang ini telah diluluskan secara rasmi oleh DUN Kelantan pada 25 November 1993 dengan semua ahlinya termasuk dua wakil Umno, menyokong rang undang-undang itu.

Pada awal Mac 1994, ia telah diserahkan secara rasmi oleh Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed untuk diteliti dan diambil tindakan selanjutnya oleh beliau.

Pada hari Ahad 15 Mei 1994, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa Kerajaan Pusat tidak mengiktiraf rang undang-undang yang digubal oleh Kelantan itu sebagai satu undang-undang yang adil. Oleh itu ia ditolak. Ia dilakukan dalam keadaan tergesa-gesa seolah-olah dikejar oleh sesuatu. Tidak mustahil Dr Mahathir mendapat tekanan di peringkat antarabangsa agar menolak undang-undang llahi itu. Ia dibuat sebelum jawatankuasa pengkaji yang dijanjikan mahu ditubuhkan oleh Dr Mahathir belum membuat keputusan lagi. Mungkin jawatankuasa yang dijanjikan itu belum ditubuhkan lagi.

Di Terengganu, kesan isu ini amat mendalam. Selain dari penyokong PAS dan kumpulan yang cintakan Islam itu sendiri, golongan yang cenderung kepada Islam di dalam Umno juga menyokong penuh undang-undang ini. Bagi mereka jelas undang-undang ini adalah undang-undang Allah dan bukannya Hudud PAS sebagaimana yang didakwa oleh Dr Mahathir. Sekiranya Hudud yang dibawa oleh PAS itu tidak mencerminkan keadilan undang-undang Islam, mengapa Umno tidak mengemukakan Hudud yang sebenarnya? Apakah undang-undang yang digubal oleh Umno selama ini memercikkan nilai-nilai keadilan kepada rakyat, seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Kanun Tanah Negara, Akta Polis, Akta Rahsia Rasmi, Akta Universiti dan seumpamanya? Apakah kuasa mahkamah syariah yang ada mampu menguatkuasakan undang-undang Islam yang sebenarnya?

CUTI MINGGUAN JUMAAT

Begitu juga dengan isu perubahan cuti mingguan dari Jumaat kepada Ahad, yang kini dalam proses perancangan. Menteri Besar Terengganu, Wan Mokhtar menyatakan pihaknya akan mengkaji cadangan mengubah cuti mingguan itu. Dan difahamkan sekiranya Umno terus diberikan mandat mentadbir Terengganu, cuti Jumaat itu akan ditukar kepada hari Ahad. Sedangkan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz sudahpun memberi jaminan akan mengekalkan cuti mingguan pada hari Jumaat. Bukankah pada hari Jumaat umat Islam berpeluang menuntut ilmu di majlis-majlis pengajian yang sering diadakan pada pagi Jumaat? Bukankah pada hari penuh keberkatan itu, penghulu segala hari, umat Islam setempat dapat mengeratkan tali persaudaraan dengan menunaikan solat Jumaat di khariah masing-masing?

Tetapi syiar terpenting bagi umat Islam itu mahu dimusnahkan dengan begitu senang sekali, oleh pemimpin-pemimpin Umno, hanya atas alasan mahu mengejar pembangunan. Ketika Umno mampu membazirkan jutaan ringgit hanya kerana beberapa perlambangan atau syiar tertentu kita merasa amat hairan sekali mengapa mereka dengan begitu mudah mahu melenyapkan satu syiar yang amat mahal ini? Amat hina sekali bila memikirkan ketika umat lain berlumba-lumba mempertahankan identiti mereka tetapi Umno sanggup memusnahkan lambang kemulian umat Islam, iaitu cuti mingguan hari Jumaat.

Asal-usul cuti mingguan ini terdapat di dalam amalan orang-orang Yahudi. Agama Yahudi menetapkan Sabtu sebagai hari berihat (Sabbath). Hari ini dianggap suci dan penganut Yahudi tidak dibenarkan melakukan apa saja pekerjaan pada hari Sabtu. Siapa melakukan pekerjaan hukumnya haram. Oleh itu pada masa ini cuti umum

mingguan di Israel adalah hari Sabtu. Sabtu sebagai hari suci adalah juga hari mereka berkumpul untuk bersembahyang di tempat-tempat ibadat mereka. Apabila muncul agama Kristian, hari rihat juga berubah. Bagi Kristian, hari rihat mereka adalah pada hari Ahad. Seperti Yahudi, pengikut Kristian juga melakukan sembahyang beramai-ramai di gereja pada hari Ahad. Dari situ, semua negara-negara Kristian di Eropah mengamalkan Ahad sebagai cuti mingguan. Bagi kita, umat Islam, sememangnya tidak ada konsep cuti mingguan, tetapi kita digalakkan pergi ke masjid pada hari Jumaat seawal mungkin. Banyak amalan-amalan sunat yang boleh dilakukan pada hari Jumaat. Dan apabila kita diberi hari cuti mingguan, maka tidak ada sebab mengapa kita mesti memilih hari selain Jumaat yang banyak kelebihan itu.

Sesungguhnya penjajah British sekalipun gagal untuk menukar cuti hari Jumaat kepada hari Ahad bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Kerajaan penjajah British tidak mempunyai kuasa pada negeri-negeri tersebut, maka oleh itu mereka membiarkan negeri-negeri itu terus mengamalkan Jumaat sebagai cuti mingguan. Apakah niat penjajah yang tidak kesampaian itu akan disempurnakan oleh Umno? Rasanya pengundi Islam di Terengganu tidak semudah itu untuk memberikan mandat kepada Umno untuk memansuhkan cuti mingguan Jumaat. Mereka masih mempunyai harga diri sebagai seorang Muslim yang sentiasa akan mempertahankan setiap identiti yang diwarisi turun-temurun.

Semua isu yang diterangkan di atas telah membuka satu lembaran baru dalam percaturan politik di Terengganu. Peluang terbuka cerah untuk rakyat Terengganu membuat pilihan secara tenang dan berpandangan jauh.

Mereka tidak perlu merasa bimbang dan takut untuk membuat perubahan sekiranya mereka yakin perubahan itu menguntungkan diri mereka dan generasi akan datang. Tetapi yang lebih penting perubahan itu selaras dan secocok dengan tuntutan Islam, bukannya hanya kerana untuk membuat perubahan semata-mata. Mereka sudah kenal perilaku pemimpin-pemimpin Umno yang menerajui Terengganu selama ini. Apakah mereka sememangnya bekerja dan berkhidmat untuk rakyat dengan menurut ketentuan llahi ataupun hanya memperkayakan diri dan keluarga mereka semata-mata. Mereka juga fasih benar dengan dasar-dasar yang dibawa oleh Umno sewaktu mentadbir, yang hanya pandai memberikan jaminan demi jaminan.



Tuan Guru Abdul Hadi Awang ketika merasmikan Koperasi Pengguna Insaf Kuala Terengganu Berhad. Sesungguhnya PAS akan memastikan segala khazanah kekayaan negeri Terengganu dapat dimanfaatkan untuk majoriti rakyat Terengganu, bukannya berlegar di kalangan kelompok tertentu sahaja.



Rakyat Terengganu masih ramai yang dibelit kemiskinan. Soalnya di mana segala kekayaan yang dianugerahkan Allah kepada negeri Terengganu diagih-agihkan. Bagaimana boleh terjadi, negeri kaya rakyat papa kedanan.



Istana siapakah ini? Wan Mokhtar tentu arif mengenainya.




Para pendulang emas di Lubuk Mandi gigih mencari sumber rezeki. Apa khabar projek yang dirancang untuk kawasan ini?



Wakil pelajar-pelajar universiti menyerahkan memorandum bantahan terhadap perobohan Institut Berakan kepada Setiausaha Sulit Kanan Menteri Besar Terengganu di pejabatnya di Wisma Darul Iman. Kelantan merobohkan rumah-rumah maksiat tetapi Terengganu merobohkan institusi pendidikan Islam!



Pemandangan ketika Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah merasmikan Konvensyen Semangat 46 Terengganu, April 1991. Semangat 46 dipercayai akan bingkas menarik sokongan rakyat menjelang pilihan raya nanti.



Di manakah tertumpahnya peruntukan bagi membangunkan negeri Terengganu? Apakah ia hanya dilonggokkan untuk projek-projek pelancongan yang hanya menguntungkan dua tiga kerat tokoh korporat yang rapat dengan Umno sahaja?



Tuan Guru Abdul Hadi Awang ketika menerima kunjungan tok batin bersama masyarakat Orang Asli Hulu Terengganu. Setiap lapisan masyarakat tidak dilupakan.



Pemandangan yang unik ketika pilihanraya kecil Bukit Payong. Ketenangan pengundi PAS terjejas dengan suasana tegang yang sengaja dicipta bagi membantu kemenangan Umno.



Tun Hanif Omar ketika menjadi Ketua Polis Negara juga turut turun ke Bukit Payong. Mungkinkah suasana ini akan dicetuskan kembali dalam pilihan raya akan datang?



Berdoa menuju kemenangan ...

9

30 SEBAB RAKYAT TERENGGANU MENOLAK BN

Sejak kebelakangan ini, terlalu banyak isu yang menghantui rakyat Terengganu sehingga sebahagian besar mereka mengambil sikap untuk menolak kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang ini. Sekurang-kurangnya terdapat 30 sebab mereka menolak BN di Terengganu. Antara isu yang berbangkit adalah:

1. Bantuan Kebajikan

Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah sebuah jabatan kerajaan khusus untuk membantu golongan miskin dan dhaif. Bagaimanapun, jabatan ini gagal menjalankan fungsinya yang sebenar akibat manipulasi pemimpin utama yang dikuasai oleh orang-orang politik yang berkem-

pentingan. Mereka bertindak tidak berdasarkan keperluan masyarakat tetapi bertindak berdasarkan kepentingan politik mereka. Antaranya digunakan untuk mengikat rakyat bagi menyokong parti yang memerintah. Rakyat yang menerima dikenakan dengan pelbagai ugutan. Ada juga yang tidak layak menerima bantuan ini tetapi tetap mendapatnya kerana hubungan rapat dengan pemimpin BN. Sedangkan yang benar-benar layak tidak memperolehi-nya kerana mempunyai hubungan dengan PAS walaupun tidak dapat dipastikan apakah seseorang itu benar-benar menyokong PAS.

2. Ruang Perniagaan

Tidak dinafikan bahawa Majlis-majlis Daerah dan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu telah menyiapkan ruang-ruang niaga untuk para peniaga di negeri ini. Bagaimanapun, perancangan dan pembangunan yang dibuat sebahagiannya tidak mengambil kira strategi, keperluan dan keseimbangan ruang niaga dengan jumlah dan kedudukan para peniaga yang ada.

3. Perindustrian Petroleum dan Gas

Negeri Terengganu adalah salah sebuah negeri yang mengeluarkan galian petrol dan gas yang banyak dan hasil royalti yang diperolehinya melalui industri tersebut puratanya adalah RM400 juta setahun sehingga Terengganu digelar Kuwait Malaysia. Hasilnya, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Terengganu adalah pada tempat kedua tertinggi selepas Wilayah Persekutuan. Bagaimanapun, kadar kemiskinan di Terengganu terus berada di tangga kedua teratas selepas Sabah iaitu pada kadar 31.2 peratus.

Walaupun negeri ini menjadi pengeluar minyak dan gas, tapi rakyat tidak mendapat keistimewaan malah lebih menerima beban daripada rakyat yang tidak menetap di negeri mengeluarkan hasil tersebut. Rakyat Terengganu terpaksa membayar lebih atau sama dengan penduduk Kuala Lumpur untuk harga petrol bahkan lebih mahal dua sen bagi harga gas masakan berbanding Kuala Lumpur.

Terengganu juga tidak mendapat keutamaan dalam industri hiliran berasaskan gas dan petroleum ini walaupun kedua-dua sumber itu berada di Terengganu. Ini adalah kerana kelemahan kerajaan negeri pimpinan Umno.

4. Perkampungan Perabot Setiu

Sudah empat tahun kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Utama menaja Projek Payung Industri Perabot di Kg. Saujana, Setiu. Bagaimanapun sampai sekarang projek tersebut masih tidak terlaksana. Berkali-kali diisyiharkan bahawa projek berkenaan akan mendapat naungan sebuah syarikat besar untuk menarik minat pengusaha. Akhirnya pada April 1994 diakui bahawa tidak ada syarikat yang sanggup bertindak sebagai payung. Ia terjadi sedemikian rupa kerana projek perabot ini adalah projek politik dan projek pilihan raya sahaja. Ia hanya janji-janji politik murahan Umno, bukannya projek yang mempunyai perancangan yang tersusun demi kepentingan rakyat.

5. Kenyir

Tasik Kenyir adalah tasik buatan manusia di bumi Terengganu yang menghasilkan tenaga elektrik terbesar di Malaysia. Namun begitu rakyat Terengganu terpaksa membayar bil elektrik yang menyala di rumah-rumah mereka

sama dengan penduduk di luar Terengganu walaupun mereka tidak mempunyai Tasik Kenyir.

Berbanding dengan apa yang diperolehi oleh Kelantan melalui Empangan Pergau, Kerajaan Terengganu mendapat hanya sedikit pampasan sahaja.

Berbagai-bagi projek diperkenal dan dilaksanakan di Tasik Kenyir, tapi semuanya bukan untuk memudah dan menyenangkan rakyat Terengganu terutama sekali yang masih dihimpit kemiskinan, khususnya yang tinggal di persekitarannya. Mereka tidak boleh memukat atau memancing di sini tanpa permit tetapi pelancong yang datang bebas untuk menangkap ikan di situ.

Tasik Kenyir menenggelamkan hasil hutan (balak) negeri Terengganu, yang merupakan salah satu punca hasil negeri, menyebabkan negeri dan rakyat ditimpa kerugian. Hidupan air yang menjadi sumber kehidupan orang kampung tidak memberikan sebarang faedah kepada mereka kerana pelbagai halangan yang dikenakan.

6. KETARA (Kemajuan Terengganu Utara)

Ketara adalah satu projek Persekutuan yang mendapat peruntukan yang besar untuk petani di Daerah Besut. Bagaimanapun sehingga sekarang para petani di kawasan berkenaan menghadapi masalah tidak cukup air di sawah padi mereka. Ini kerana, keperluan petani tidak diutamakan, malah pembinaan projek di bawah kelolaan Ketara banyak berbentuk hiasan dan yang tidak memberi keuntungan secara langsung kepada petani. Misalnya, projek *landscap* dan padang golf (Empangan Jajar, Medan Ketara, di Gerai, Taman Rekreasi Gerai Besut, dan lain-lain lagi) lebih diutamakan.

7. Perancangan Terengganu dalam Pembangunan

Rakyat miskin sentiasa tersisih dengan perancangan pembangunan negeri Terengganu yang dikatakan pantas mengejar Wawasan 2020. Projek membazir saperti kolam renang, padang bola, padang-padang golf diutamakan dengan peruntukan yang banyak, sedang ia bukanlah keperluan utama rakyat negeri ini. Projek yang membawa ke arah penyuburan aktiviti maksiat dan yang tidak berfaedah, tempat-tempat peranginan dan pelancongan yang memakan ruang tanah yang luas, yang memusnahkan alam sekitar mendapat peruntukan yang lebih dari kerajaan.

Projek ekonomi yang dijalankan sentiasa menemui kegagalan dan kerugian oleh syarikat-syarikat di bawah PMINT menampak dan membuktikan bahawa perancangan yang lemah dan tidak berprestasi menyebabkan kerajaan gagal membaiki taraf hidup rakyat sampai kini walaupun hasil mahsul negeri begitu banyak.

8. Kenaikan Kadar Jenayah/Lesen Judi/Aruk

Jenayah di Terengganu telah meningkat dengan kadar 50 peratus pada tahun 1993 (1,685 kes berbanding 1,063 kes pada tahun 1992). Ini berlaku kerana tidak ada keutamaan dalam usaha membanteras jenayah di negeri ini. Usaha mendidik anak bangsa selaras dengan kehendak Islam hanya terhad dalam bidang ibadah yang sempit yang tidak menekankan kapada penghayatan hidup secara menyeluruh. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu rupanya bertindak sebagai agensi membendung perkembangan Islam dari berkembang dengan baik. Ia lebih berfungsi untuk menyekat bukannya untuk mengembangkan Islam dari diamalkan oleh seluruh penduduk

Terengganu. Banyak masa pegawainya dihabiskan untuk menjawab isu politik yang dibawa oleh PAS bukan untuk mengembangkan Islam.

Tempat-tempat rekreasi, hutan lipur dan kawasan lepak dibiarkan tanpa pengawasan yang bersungguh-sungguh, menyebabkan jenayah dan maksiat berleluasa. Dalam pada itu Terengganu juga dibangunkan seiring dengan projek yang disertai oleh syarikat-syarikat yang banyak terlibat dengan judi (Kijal Resort dan Redang Island Resot).

Kedai-kedai judi yang beroperasi di negeri ini sejak tahun 1990 - 1994 masih kekal 16 buah walaupun beberapa kali Kerajaan Negeri Terengganu berjanji mahu menghapuskan judi sedikit demi sedikit selepas Kelantan menutup semua premis judinya.

Arak menjadi bahan yang mendapat kemudahan jualan yang meluas di negeri Terengganu, bukan sahaja di pasar raya, malah di kedai-kedai makan dan kedai-kedai khusus. Hatta pada 1 Januari 1994 baru-baru ini Kerajaan Terengganu pimpinan Umno telah mengurniakan lesen istimewa kepada kedai-kedai gunting rambut eksklusif untuk menjual arak di samping lain-lain kegiatan tidak sihat di kedai gunting berkenaan.

9. Penagihan Dadah di Terengganu

Gejala penagihan dadah amat parah di Terengganu. Sudah beberapa orang mati akibat virus AIDS di Terengganu di samping beberapa orang lagi yang sedang menunggu masa untuk mati sahaja. Di samping itu, pihak polis sendiri terdedah dengan pembawa kuman HIV di kalangan penagih dadah dalam usaha mereka untuk menbanteras gejala ini. Perkara ini telah dibincangkan oleh Majlis Keselamatan Negeri sendiri apabila seorang polis telah

digigit oleh seorang penagih dadah yang membawa kuman HIV. Akibatnya, Pengarah Perubatan dan Kesihatan Terengganu telah menasihatkan pihak penguatkuasaan undang-undang khasnya agar menganggap semua penagih dadah adalah pembawa kuman HIV. Ini untuk mengelak perkara yang tidak diingini berlaku.

Kerajaan negeri pimpinan Umno nampaknya tidak peka dengan punca-punca yang menggalakkan penagihan dadah ini. Misalnya, secara terus-terusan dibenarkan konsert terbuka diadalan di merata ceruk negeri ini hatta ke kawasan Hulu Terengganu. Walaupun ia dibantah keras oleh mereka yang prihatin dengan gejala negatif ini, nampaknya pihak yang membantah pula yang dipersalahkan.

Adalah jelas konsert dan hiburan yang melekakan muda-mudi sama ada secara langsung atau melalui media elektronik atau media cetak, melalui karenah pelancong-pelancong asing kelas rendah yang bergaul lepas bebas menyebabkan anak muda tempatan terikut-ikut dan hilang panduan hidup dan seterusnya terlibat dengan gejala yang tidak sihat ini.

10. PERMINT SUTRASEMAI

Penubuhan PERMINT SUTRASEMAI seolah-olah bukan untuk menghidupkan projek sutera Terengganu, tapi lebih menampakkan usaha untuk menjaga prestij negeri yang mahu dikaitkan dengan benda-benda yang mahal. Selepas minyak dan emas, kerajaan negeri juga mahu mengaitkan sutera dengan Terengganu. Sebab itulah, walaupun sudah beberapa kali diungkitkan soal tidak mempunyai daya maju dan sebagainya, syarikat yang terus-terusan menanggung kerugian ini terus dipertahankan. Sudahlah menanggung kerugian, para pekerjanya yang

dipotong gaji mereka untuk KWSP tetapi caruman tidak dilakukan.

11. Tubuh Menteri Besar

Tubuh Menteri Besar adalah satu badan amanah yang diperuntukkan wang sejumlah tertentu dari hasil negeri (minyak). Ia merupakan badan pelaburan bagi pihak rakyat Terengganu. Tetapi ke manakah pelaburan yang dibuat, sebanyak mana dan apa hasil yang diperolehi? Sesungguhnya tiada sesiapa yang tahu hatta Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri yang ditubuhkan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu mengikut peruntukan Perlembagaan Negeri. Semuanya berada di dalam tangan Menteri Besar sahaja. Oleh itu sikap akauntabiliti atau pertanggungjawaban tidak wujud dan fenomena ini tentunya menimbulkan banyak kecurigaan.

12. Ibai Resort Development

Projek ini dimajukan oleh Ibai Bina Sdn Bhd iaitu sebuah syarikat yang dahulunya bernama Sri Terukun yang kontroversi satu waktu dahulu. Ia melibatkan tanah seluas 134.68 hektar yang mana sebahagiannya adalah tanah rakyat yang diambil alih oleh kerajaan dengan harga yang amat rendah. Pembinaannya dibuat fasa demi fasa yang akan mengandungi padang golf 18 lubang, 179 banglo mewah, 17 buah rumah berkembar, dua blok apartmen mewah, rumah kelab dan lain-lain kemudahan rekreasi mewah.

Bagi melaksanakannya, kawasan itu akan diubahsuai sedemikian rupa termasuk membawa masuk tanah, benih rumput, baja kimia, racun serangga dan makhluk perosak

dari luar negeri sesuai dengan rumput baru padang golf berkenaan. Penggunaan bahan kimia amat tinggi di kawasan ini nanti untuk menghidupkan rumput baru dari luar negeri itu.

Apabila siap nanti, hanya orang-orang berada sahaja akan mampu tinggal dan menggunakan tempat ini. Peluang pekerjaan hanya sebagai kuli seperti kedi dan seumpamanya. Bagaimanapun, perkara yang lebih dibimbangi adalah pencemaran alam sekitar yang berat akibat penggunaan bahan kimia yang banyak untuk padang golf 18 lubang berkenaan. Sungai Ibai akan tercemar dan apatah lagi nasib malang 20 keluarga petani yang berada sekitar projek itu. Air yang tercemar dari sungai itu akan dialirkan ke sawah mereka yang akan memusnahkan padi yang mereka tanam. Bukan itu sahaja, juga akan timbul persoalan nanti, apakah kampung sekitar projek mewah ini akan kekal atau ditelan arus pembangunan pesat projek ini.

13. Lombong Emas Lubuk Mandi

Apabila emas ditemui di Lubuk Mandi sedikit waktu dulu, ia telah menjadi satu sumber pendapatan sampingan yang baik bagi penduduk sekitarnya yang selama ini banyak bergantung hidup sebagai nelayan. Umum mengetahui, pekerjaan sebagai nelayan tradisional di Terengganu tidak akan melepaskan mereka dari belenggu kemiskinan.

Bagaimanapun, kerajaan negeri melalui Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) telah mengambil alih kawasan ini dengan peraturan yang menyebut bahawa hasil galian adalah hak negeri. Maka syarikat Permint Mineral ditubuhkan untuk melombong emas di kawasan ini secara komersial dengan modal yang agak besar. Bagaimanapun, selepas beroperasi sekian lama,

hanya lima kilogram emas sahaja yang diperolehi yang dengan sendirinya tidak dapat menampung kos yang sedemikian besar.

Isunya sekarang, apakah tujuan sebenar projek ini? Ini kerana rakyat tidak mendapat keuntungan dengannya, malah mereka hilang mata pencarian sampingan. Kerajaan juga tidak memperolehi keuntungan kerana projek secara besar-besaran itu tidak menguntungkan berbanding dengan kosnya yang begitu besar. Ada juga sumber yang berkata, kerugian projek itu disebabkan oleh sabotaj pihak-pihak yang berkepentingan agar projek itu diswastakan dengan harapan ia akan diswastakan kepada mereka. Bagaimanapun, soal pokok sekarang ialah kebijaksanaan kerajaan dalam mengendalikan projek ini.

14. Kijal Resort

Projek ini adalah sebuah projek kawasan peranginan baru di Kampung Kijal, Kemaman. Ia dibuat hasil usahasama antara Tabung Warisan (milik kerajaan negeri) dengan syarikat Genting Berhad (yang juga memiliki kasino Genting Highland). Tanah milik rakyat seluas 266 hektar dengan harga yang rendah berbanding dengan harga pasaran semasa telah diambil oleh kerajaan melalui Kanun Tanah Negara (Pengambilan Balik) dan diserahkan kepada syarikat ini.

15. Redang Island Resort

Bagi memajukan Pulau Redang, kerajaan negeri pimpinan Umno telah mengambil alih tanah rakyat di situ seluas 280 hektar dengan harga yang rendah. Kemudian ia dijual kepada syarikat Berjaya (milik Vincent Tan) dengan

harga RM500 seekar. Berjaya kemudiannya menjual kepada sebuah syarikat lain dengan mengaut keuntungan besar iaitu dengan harga RM70,000 seekar.

Projek yang dijalankan di pulau ini tidak mendapat restu dari Kementerian Alam Sekitar kerana ujian EIA tidak dibuat dan diluluskan. Ia dijangka akan merosakkan alam sekitar kawasan ini yang terkenal mempunyai banyak khazanah negeri.

Kerajaan negeri juga telah sanggup menyediakan bekalan air paip bawah laut ke pulau ini dengan belanja jutaan ringgit semata-mata untuk memajukan kawasan ini dan menjayakan projek swasta itu.

16. Masalah Nelayan

Akta Perikanan yang dikuatkuasakan untuk industri perikanan di negara ini banyak sekali menyusahkan nelayan. Misalnya, hanya satu jenis pukat sahaja boleh didaftarkan atas satu bot. Ini amat menyusahkan nelayan kerana realiti kehidupan nelayan tidak boleh diikat dengan satu jenis pukat untuk satu bot.

Selain dari itu, nelayan di Terengganu tidak pernah bebas dari kemiskinan. Purata pendapatan mereka adalah RM355 sebulan jika termasuk tekong dan juruselam tetapi hanya RM255 sebulan sahaja jika membabitkan awak-awak sahaja. Bagaimanapun, nelayan bot laut dalam mempunyai pendapatan yang lebih tinggi lagi. Yang menjadi masalah di kalangan nelayan ialah terdapat banyak masa di mana mereka tidak boleh ke laut untuk menangkap ikan. Ketika itu mereka dikira menganggur.

Sekarang ini tidak ada satu usaha yang bersungguh-sungguh dari kerajaan negeri untuk memberikan pendapa-

tan sampingan untuk mereka di masa mereka menganggur. Begitu juga tidak ada motivasi yang jelas diberikan kepada mereka untuk mereka bekerja di masa tidak boleh ke laut itu. Akibatnya mereka terus dihimpit kemiskinan.

Selain itu ancaman nelayan asing, pemberian subsidi yang tidak kena pada tempatnya dan pelbagai lagi masalah terus menghantui nelayan.

17. FELDA

Di Terengganu terdapat banyak juga kawasan-kawasan Felda walaupun tidak sebanyak di Pahang. Bagaimanapun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini nasib golongan peneroka benar-benar terhimpit oleh pelbagai perkara. Mereka tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya dari kerajaan. Hutang keliling pinggang yang tidak pernah putus-putus itu terus-menerus mengikat mereka. Seolah-olah mereka akan menjadi hamba Felda sepanjang hayat mereka. Hak milik kekal terus menjadi penantian mereka tanpa kesudahan. Belanja mengurus ladang yang ditanam semula lebih mahal berbanding dengan belanja mengurus yang dilakukan oleh Risda (RM37 bagi Felda dan RM18 bagi Risda untuk satu ladang).

18. Kenaikan Harga Barang

Sejak kebelakangan ini, harga barang keperluan harian di Terengganu terutama ikan, sayur, daging serta ayam begitu ketara sekali. Kebanyakan suri rumah merungut tentang kenaikan harga barang ini. Sejak TV pagi dilancarkan, semua rakyat negara ini dapat melihat sendiri betapa harga barang keperluan harian di Terengganu begitu tinggi sekali. Walaupun, Terengganu paling banyak

tangkapan ikannya, tetapi harga ikan di Terengganu dikatakan paling tinggi, malah jauh lebih tinggi berbanding bandaraya Kuala Lumpur dan kadang-kadang lebih tinggi dari Johor Bharu. Begitu juga dengan harga ayam dan daging. Kalau di Kota Bharu harga ayam cuma RM4.50 sekilogram tetapi di Terengganu harganya sehingga RM6.50 sekilogram.

Menurut sesetengah pihak, punca kenaikannya akibat dari kos sara hidup tinggi yang disebabkan oleh "orang minyak" di Kemaman. Ada juga sumber berkata ini kerana ikan di Terengganu diekspot ke Singapura dan juga dalam negara sendiri.

Walau apapun alasannya, semua perkara di atas boleh dikawal kalau kerajaan yang ada pandai mengawalnya dan mahu mengambil berat masalah rakyat. Antaranya, mengawal bekalan ikan agar cukup untuk penduduk tempatan sebelum dihantar keluar.

19. Cukai Pintu

Selepas pilihan raya umum 1990, kadar cukai pintu naik begitu mendadak sekali bagi negeri Terengganu. Bukan sahaja bangunan perniagaan yang dikenakan cukai bahkan rumah kediaman juga turut dikenakan cukai yang tinggi. Dalam hal ini, kerajaan negeri nampaknya sanggup berbuat apa sahaja untuk mendapatkan wang padahal wang royalti minyak sudah diperolehi RM400 juta setahun.

20. Hasil Tanah dan Premium Tanah Tinggi

Selepas pilihan raya umum 1990 juga, kadar hasil tanah dan premium tanah telah dinaikan dengan begitu

tinggi sekali oleh kerajaan negeri. Ia benar-benar membebankan rakyat negeri ini.

21. Projek Pembangunan Bandar Kuala Terengganu

Kerajaan negeri Terengganu sedang dalam perancangan untuk membangunkan bandar Kuala Terengganu. Melalui projek ini, bandar Kuala Terengganu akan disusun semula agar lebih cantik dan tersusun. Ia akan dilakukan dalam tiga fasa iaitu bermula dengan Kampung Paya Keladi sehingga ke Kampung Cina. Projek ini adalah satu projek yang diperlukan.

Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang tidak dipersetujui oleh rakyat negeri ini dalam projek berkenaan. Antaranya adalah:

- 1) Projek yang dibuat merupakan projek rumah kedai, kediaman mewah dan sederhana. Ini membuatkan hanya golongan yang mampu sahaja menduduki rumah dan membeli kedai yang dibina nanti. Penduduk asal di situ tidak akan mampu untuk menduduki kawasan itu balik. Ini berbeza dengan apa yang dilakukan di lain-lain tempat di mana mereka berpeluang duduk di kawasan yang dibangunkan itu semula apabila siap nanti. Ia juga bermakna, banyak orang-orang luar dari Terengganu akan datang dan menetap di situ nanti terutama dari Kuala Lumpur hatta Singapura sebagaimana yang berlaku kepada Johor Bharu.
- 2) Kerajaan negeri membeli tanah milik penduduk tempatan dengan harga yang jauh lebih rendah dari harga pasaran. Pada peringkat awalnya, kerajaan negeri pimpinan Umno hanya membeli dengan harga RM17 sekaki persegi. Untuk peringkat kedua, selepas campur tangan wakil rakyat Bandar, Ustaz Harun Jusoh, harganya dinaikkan

kepada RM30 dan RM35 sekaki persegi. Bagaimanapun, penduduk yang terlibat masih tidak berpuas hati kerana harga pasaran tanah mereka di paras kira-kira RM75 sekaki persegi.

3) Hampir kesemua penduduk terlibat dikatakan diberi tanah tapak rumah sebagai ganti melalui kaedah jualan dengan harga tertentu. Bagaimanapun, mereka tidak diberikan tempat tinggal sementara sebelum rumah baru mereka siap dibina. Tanah yang disediakan juga jauh dari kawasan bandar Kuala Terengganu, tempat mereka bekerja selama ini. Ini berbeza dengan apa yang diperolehi oleh penduduk setinggan atau peneroka bandar di lain-lain tempat apabila tapak rumah mereka diambil.

22. Lelong Tanah

Bagi menyelesaikan masalah tanah yang diduduki tanpa kebenaran kekal oleh kerajaan (TOL), pihak kerajaan telah menggunakan sistem lelong untuk menjual tanah itu secara kekal. Ini bermakna peluang untuk mendapatkan tanah itu di antara peneroka asal tanah itu dengan orang lain adalah sama sahaja, iaitu bergantung kepada kemampuan masing-masing. Biasanya, mereka yang menduduki tanah TOL ini tidak berkemampuan. Oleh itu peluang untuk mendapatkan tanah itu yang dibuat secara lelong tadi amatlah kecil. Orang yang berada sahaja mampu menyambut lelongan berkenaan. Ini berlaku di beberapa buah kampung di negeri ini seperti Kampung Bukit Munduk, Setiu.

23. Cuti Hari Ahad

Kerajaan Pusat telah mengarahkan kepada kerajaan-kerajaan negeri agar menyelaras semua cuti mingguan

masing menjadi hari Ahad. Kerajaan-kerajaan negeri berkenaan diminta mengambil tindakan dan memutuskan bilakan arahan ini hendak dilaksanakannya. Negeri yang pertama menyambutnya adalah Johor dan diikuti oleh Perlis. Bagaimanapun Kedah dan Terengganu sedang mengkaji implikasinya. Kelantan telah memutuskan untuk terus bercuti di hari Jumaat. Jika BN terus kekal di Terengganu dan Kedah dalam pilihan raya akan datang ini maka cuti hari minggu di Terengganu dan Kedah akan bertukar kepada hari Ahad sedangkan bagi orang Islam, Jumaat adalah penghulu segala hari.

24. Muzium Negeri

Kerajaan Negeri Terengganu sedang membina sebuah Muzium Negeri berharga RM50 juta di atas Bukit Losong. Nilai RM50 juta adalah satu nilai yang besar. Pelbagai projek besar yang memberikan kepentingan terus kepada rakyat boleh dilakukan dengan wang RM50 juta ini selain dari membina sebuah muzium. Lainlah kalau kerajaan BN yang ada itu mahu masuk ke dalam muzium yang berperestij itu selepas terguling nanti!

25. Pelancongan

Meskipun pelancongan tidak pernah ditolak, tetapi pada umumnya pelancongan yang dibuat di Terengganu sekarang meninggalkan banyak kesan negatif, terutamanya dalam perkara-perkara berikut:

- 1) Pengambilan tanah yang mengetepikan kepentingan rakyat, seperti Ibai Resort.
- 2) Memberi keuntungan kepada segelintir kecil golongan korporat secara berleluasa dengan penjualan tanah yang

- amat murah seperti Redang Island Resort (harga dibeli RM500.00 dan dijual dengan harga RM70,000.00).
- 3) Oleh kerana dasar pelancongan yang tidak jelas dan tiada kawalan/syarat yang dikuatkuasakan, kedatangan pelancong membawa budaya sosial yang merosakkan kepada penduduk setempat.
 - 4) Menghidupkan semula permainan dan budaya yang melalaikan di atas nama budaya rakyat yang boleh menarik pelancong.

26. Keutamaan Pembangunan

Oleh kerana peratus kemiskinan rakyat masih tinggi dan majoriti rakyat memerlukan projek pembangunan dan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, jalan raya, perumahan, peluang dan tempat perniagaan serta lain-lain, kerajaan negeri sepatutnya lebih memberikan keutamaannya kepada hal berkenaan daripada projek-projek mewah/membazir atau yang boleh ditangguhkan dahulu seperti pembinaan padang golf, Muzium Negeri (RM50 juta), Kolam Renang (RM6 juta), Kompleks Sukan (RM250 juta).

27. Kadar Kemiskinan di Terengganu

Walaupun Terengganu mempunyai pendapatan (KDNK) yang kedua tertinggi selepas Wilayah Persekutuan di negara ini tetapi kadar kemiskinan di Terengganu juga yang kedua tertinggi selepas Sabah iaitu 31.2 peratus. Hatta Kelantan yang dikatakan miskin itu juga lebih rendah peratus kemiskinannya berbanding Terengganu yang kaya itu. Ini bermakna, hanya Kerajaan Terengganu sahaja yang kaya tetapi rakyatnya miskin. Amat malang sekali rakyat Terengganu.

Kenapa perkara ini semua terjadi? Ia tidak lain dan tidak bukan akibat dari kelemahan pemimpin kerajaan negeri ini dalam menguruskankekayaan Terengganu. Kalau kerajaannya cekap, amanah dan bertanggungjawab, tidak ada sebab untuk rakyat Terengganu masih berada dalam kemiskinan kerana kerajaannya kaya. Punca utama yang dikatakan membawa padah itu adalah salah menilai keutamaan. Bangunan Menteri Besar (Wisma Daruliman) yang besar dan indah diutamakan dari kebajikan majoriti penduduk yang miskin. Stadium dan kompleks sukan yang serba lengkap lebih diutamakan dari membina kemudahan ruang perniagaan yang serba sempurna untuk membolehkan rakyat yang berminat bermiaga. Kolam renang dan Muzium Negeri yang bertaraf antarabangsa lebih diutamakan dari membantu petani mengembangkan projek ternakan mereka atau membantu nelayan mendapatkan pendapatan sampingan bagi mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan. Ini semua adalah kesilapan dan salah tanggapan pemimpin negeri.

28 Kanun Tanah Negara (Pengambilan Balik)

Pada tahun 1992, Parlimen Malaysia telah meluluskan pindaan kepada Kanun Tanah Negara. Hanya wakil rakyat BN yang menyokongnya. Dengan pindaan itu, kerajaan berhak mengambil tanah rakyat untuk apa-apa tujuan pembangunan sakali pun, tidak sebagaimana sebelum ini yang menetapkan tujuannya hendaklah untuk kepentingan awam sahaja. Tuan punya tanah tidak berhak membawa perkara ini ke mahkamah kecuali mengenai soal pampasan yang diberikan sahaja. Melalui akta ini, kerajaan negeri boleh mengambil tanah rakyat bila-bila masa. Ini berlaku kepada banyak projek pembangunan di negeri ini seperti projek Pulau Redang, Ibai Resort, Kijal Resort dan

sebagainya. Contoh terbaik kerakusan kerajaan negeri dalam menggunakan akta ini adalah tindakan Kerajaan Negeri Kedah mengambil alih tanah penduduk kampung untuk projek Udang Harimau di Kerpan dan projek Taman Antarabangsa Jerai (JIP). Rakyat bangkit tetapi adakah suara rakyat ini akan berkekalan kalau dalam pilihan raya nanti kerajaan pimpinan Umno yang ada terus dikekalkan di Kedah? Begitu juga di Terengganu. Ia akan berlaku kepada rakyat negeri ini pula pada bila-bila masa sahaja.

29. Kerugian Bank Negara Malaysia

Kerugian Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak RM15 bilion bagi tahun 1992 dan 1993 bukanlah satu kerugian yang sedikit. Itu berdasarkan angka rasmi yang diberikan kerajaan. Sedangkan menurut sumber-sumber yang sahih, kerugian sebenar untuk dua tahun berkenaan melebihi RM30 ribu juta. Ia telah mengakibatkan kedudukan kewangan negara dalam keadaan *insolvent* atau tidak mampu bayar. Sikap membenarkan BNM berjudi dengan ringgit Malaysia di pasaran wang antarabangsa adalah satu sikap yang silap dan berlawanan dengan fungsi bank pusat itu yang sebenarnya.

30. Penolakan Rang Undang-undang Jenayah Syariah II (Hudud)

Pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed bahawa Kerajaan Pusat tidak mengiktiraf Hudud yang digubal oleh Kerajaan Kelantan kerana "ia tidak akan membawa keadilan" menjelaskan sikap Perdana Menteri sebenarnya terhadap undang-undang Islam. Bukannya beliau tidak tahu bahawa semua ulama yang utama di negara mengiktiraf draf

undang-undang itu sebagai undang-undang Allah sebenarnya. Sebenarnya beliau sendiri yang tidak yakin dengan undang-undang Islam. Bagi beliau, undang-undang Islam tidak "boleh memberikan keadilan" sebagaimana yang beliau bangkitkan dalam kenyataan beliau itu. Oleh itu, beliau sengaja mencari alasan dengan mengatakan ia Hudud PAS untuk menolak undang-undang itu mentah-mentah walaupun belum sempat dikaji oleh pengkaji yang beliau sendiri janjikan. Semua rakyat sedang memerhatikan dan rakyat mula faham bahawa hanya PAS yang mahukan Islam.

Penutup

SEJAUH MANA PAS KUASAI PENGUNDI ATAS PAGAR?

Berjaya atau tidak PAS mencipta satu sejarah baru di Terengganu dalam pilihan raya akan datang banyak ber-gantung kepada gerakerja parti itu sendiri. Sudah diketahui bahawa Umno di Terengganu tidaklah sekuat mana, begitu juga Umno di negeri-negeri lain. Parti itu banyak menghadapi masalah dalaman yang genting dan menggugat keutuhannya. Pembentukan kem dan kumpulan yang saling bercakaran bukan rahsia lagi. Tetapi harus diingat, Umno secara tradisi memperalatkan apa saja kemudahan yang dikuasainya, yang tidak termampu oleh PAS untuk menghadapinya.

Umno akan melonggokkan wang dan jaminan projek pembangunan untuk mengaburkan pandangan rakyat.

Kuala Lumpur tidak semudah itu untuk menyerahkan Terengganu kepada PAS seperti mana yang mereka lakukan kepada Kelantan. Terengganu berbeda dengan Kelantan. Kelantan sememangnya negeri tradisi yang mana pengaruh PAS cukup hebat, cuma ia berjaya ditawan oleh Umno pada tahun 1977 dengan bantuan Tengku Razaleigh. Tidak bagi Terengganu, Kuala Lumpur akan memastikan, dengan apa jua cara, negeri yang kaya dengan emas hitam ini tidak akan jatuh ke tangan pembangkang. Jentera penerangan dan dakyah propaganda Umno yang maha hebat itu mesti disekat. PAS mesti memikirkan rangkaian penerangan yang kemas kini dan berupaya menangkis fitnah karut Umno. Hanya mengharapkan *Harakah* semata-mata amat tidak memadai.

Sesungguhnya dari segi politik, Umno hanya bergantung kepada sentimen golongan tidak berparti atau di atas pagar yang mudah disentuh dengan pelbagai isu di saat-saat akhir hari pengundian. Sehingga kini Umno berjaya sepenuhnya menguasai mereka. Walaupun ramai yang marah kepada Umno, tetapi setiap kali pilihan raya Umno berjaya menarik mereka untuk menyokong parti mereka.

Mengapakah Umno terus berjaya menarik golongan ini? Jawapan yang paling mudah adalah para pemimpin, ahli serta penyokong-penyokong PAS selama ini telah berjaya sepenuhnya dipisahkan oleh Umno dari golongan atas pagar. Imej PAS telah diletakkan begitu buruk sekali oleh Umno dalam mempengaruhi golongan ini. Apabila berbangkit sebarang isu sahaja, orang Umnolah yang berdampingan dengan mereka untuk menerangkan isu itu. Oleh itu, isu itu dibaca dari perspektif Umno dan bukannya dari perspektif yang sebenarnya. Sesungguhnya masalah imej tidak boleh dipandang mudah. Pemimpin PAS harus prihatin dengan pandangan masyarakat terhadapnya, meskipun pandangan itu tidak berasas. Yang penting ialah

pandangan dari kacamata pengundi bukannya apa yang PAS sendiri rasakan.

Sekarang ini, perubahan di kalangan pemimpin dan ahli PAS mula kelihatan. Mereka mula merancang bagaimana caranya untuk mendampingi golongan atas pagar. PAS melalui dewan pemudanya telah memperkenalkan Projek Damping. Ia merupakan projek awal merintis jalan bagi membolehkan PAS mendampingi masyarakat terbanyak khususnya golongan atas pagar. Sesungguhnya imej yang sengaja ditohmahkan oleh Umno terhadap PAS akan tertolak dengan pembuktian amali pemimpin-pemimpin PAS. Masyarakat tidak selamanya akan terpengaruh dengan dakyah kosong Umno sekiranya mereka melihat sendiri perwatakan dan syakhsiyah pemimpin dan ahli-ahli PAS.

Selain itu, PAS mula sedar bahawa imej suka menyalahkan semua orang tanpa memberikan satu alternatif yang jelas itu satu keburukan bagi masyarakat. Rakyat sedar harga ikan di Terengganu mahal, jadi mereka mahu tahu apa cadangan PAS jika memerintah Terengganu. Rakyat sedar, cukai pintu untuk rumah kediaman mereka tinggi, jadi apa cadangan PAS untuk menghadapinya nanti. Begitu juga kaum nelayan, mereka sedar mereka dihimpit kemiskinan turun-temurun. Tiada pendapatan sampingan untuk mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan. Mereka sekarang mula mahu tahu apa rancangan PAS jika diberikan amanah untuk memimpin mereka nanti. PAS tidak sewajarnya memandang mudah perkara ini. PAS harus mengemukakan program alternatif yang praktis dan penampilan barisan kepemimpinan yang berwibawa, yang merakyat sifatnya. Penerangan program PAS harus sejajar dengan pendedahan segala skandal dan penyelewengan pemimpin-pemimpin Umno.

Selain dari itu, PAS juga perlu mengakui bahawa mereka mempunyai saham dalam apa yang berlaku dalam masyarakat Terengganu sekarang (perpecahan antara parti). Bila mereka sedar, mereka perlu membetulkan keadaan. Ini kerana, apa yang berlaku sekarang memang amat dikehendaki oleh Umno. Ini kerana dengannya sahaja mereka dapat pisahkan dan asingkan PAS dari masyarakat dan dalam masa yang sama mereka sentiasa berada di samping masyarakat. Umno sememangnya mahukan PAS terus berada di sudut dan hanya mendapat sokongan di kalangan ahli-ahlinya sahaja. Umno mahu isu kafir-mengkafir dihidupkan semula bagi memastikan imej pelampau PAS berkekalan di pemikiran dan nurani pengundi atas pagar. Namun ini tidak bermakna PAS bertolak ansur dalam soal prinsip perjuangan. Komitmennya menjelaskan soal-soal dasar seperti kesucian aqidah seorang Muslim tidak terjejas. Cuma pendekatan dalam penyampaian berdasarkan kompleksiti masyarakat sasaran memerlukan sedikit perubahan.

Sesungguhnya perkembangan mutakhir yang ada sekarang banyak menjerat Umno sendiri khususnya apabila PAS mula berubah. Apabila PAS mencadangkan Jawatan-kuasa Perpaduan Ummah (JPU) dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu, ia mendapat sokongan semua pihak. Umno sebenarnya tidak gemar dengan idea ini. Ini kerana, kalau berjaya, suasana yang menguntungkan Umno selama ini akan berubah. Sebab itu, tidak suatu apa pun yang boleh dibanggakan dari JPU ini. Dalam keadaan PAS mendesak mesyuarat diadakan, Pengurus JPU, Datuk Bijaya Sura, Speaker DUN Terengganu, terus-terusan menangguhkan mesyuarat. Ini adalah manifestasi dari kemahuan Umno mengekalkan suasana perpecahan yang ada dalam masyarakat sekarang ini. Rakyat harus dijelaskan karenah dan tembelang Umno dalam menanggapi isu perpaduan

ummah ini. Biar rakyat menilai berdasarkan maklumat yang benar dan tepat.

Sebenarnya, rakyat Terengganu memerhati semua perkembangan yang berlaku ini. Rakyat tidak mudah untuk diperkudakan lagi sekiranya mereka diberikan kefahaman politik yang matang. Rakyat yang matang dalam percaturan politik tidak mudah diruntun emosi mereka oleh isu-isu yang sengaja diada-adakan oleh Umno. Siapa sebenarnya yang mahukan perpaduan perlu dijelaskan kepada rakyat. Apa yang PAS perlu buktikan adalah parti itu benar-benar bukan penyebab perpecahan dalam masyarakat Terengganu sekarang. PAS cintakan kedamaian dan ketenteraman.

PAS juga perlu datang kepada mereka dengan alternatif terhadap segala masalah yang mereka hadapi sekarang. Isu perlu dihuraikan dengan penuh hikmah untuk membolehkan ia masuk ke hati nurani mereka. Pemimpin-pemimpin PAS harus turut bersama merasai degup jantung rakyat Terengganu. Namun begitu PAS harus berhati-hati dengan tindakan agresif Umno, yang kadang-kadang tidak terduga, menjelang hari pengundian. Berdasarkan pengalaman Umno Terengganu mampu berbuat apa saja sekiranya dilihat kemungkinan mereka akan kalah. Semoga dengannya, perubahan akan diperolehi dengan penuh kesempurnaan.

Tanggungjawab yang dipikulkan ke atas kepemimpinan PAS Terengganu cukup berat tetapi amat penting. Berdasarkan komposisi pengundi yang berbilang kaum di negeri-negeri selain Kelantan dan Terengganu, peluang PAS hanya cerah di dua negeri majoriti penduduk Melayu itu sahaja, selagi belum ada pendekatan politik yang praktis dengan parti dan pengundi bukan Melayu. Kejayaan PAS menguasai Terengganu akan meletakkan PAS pada tahap yang lebih dihormati oleh musuh dan kawan. Ia mampu

meledakkan momentum yang lebih hebat bagi PAS merjahkan pengaruhnya di negeri-negeri yang lain, secara berperingkat-peringkat.